

DR.9.11.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 9 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

Mesyuarat Terus Bersidang pada 16, 20 dan 21 November 2000

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Majlis ini iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis telah membuat keputusan bahawa Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang akan terus bersidang pada 16, 20 dan 21 November 2000 untuk mengurangkan hari persidangan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Oleh itu, hari terakhir persidangan adalah pada 14 Disember 2000. Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan yang dijadualkan pada tarikh 22 November 2000 hingga 30 Disember 2000 akan disusun semula.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan golongan belia terutamanya remaja tidak akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti sosial negatif umpamanya penyalahgunaan dadah, jenayah, seks bebas dan sebagainya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa tugas dan tanggungjawab untuk membendung dan menangani masalah gejala sosial di kalangan belia terutamanya remaja melibatkan pelbagai pihak dan institusi, khususnya institusi keluarga dan masyarakat. Peranan Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha menangani masalah gejala sosial di kalangan belia adalah melalui pendekatan secara pencegahan.

Sehubungan itu, kementerian akan terus memperbanyakkan pelbagai kegiatan yang berfaedah melalui Program Rakan Muda, Program Pembangunan Sahsiah, mengupayakan dan memantapkan pertubuhan belia yang kurang aktif dan menyediakan latihan kemahiran melalui Institut Kemahiran Belia Negara (IKPN). Kementerian juga menganjurkan program kepimpinan serta mengatur majlis-majlis penerangan dan bengkel-bengkel bagi membangkitkan kesedaran di kalangan golongan belia supaya mereka tidak terlibat atau terjebak dalam aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah, jenayah, seks bebas dengan cara menggalakkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti yang sihat.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Kita dapati walaupun banyak program yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan, tetapi kita dapati bahawa masalah-masalah kalangan belia-belia makin meningkat. Jadi, saya hendak mengemukakan soalan tambahan saya, iaitu adakah pihak kementerian mempunyai satu sistem memantau ataupun dengan izin, *monitoring system* di mana pihak kementerian dapat memantau sejauh mana langkah-langkah yang diambil oleh kementerian itu dapat mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Padang Serai tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sesungguhnya masalah belia yang kian meningkat ini memanglah dalam dugaan kita. Sebab bilangan belia juga terus meningkat dari masa ke semasa dan masalah yang bersabit dengannya juga bertambah rumit. Apa yang dirancang pada tahun lepas, umpamanya Rakan Muda pada tahun 1994 misalnya, perlu juga dikaji dari masa ke semasa, sebab apa yang dihadapi sekarang ini semakin canggih, semakin rumit.

Itulah sebabnya bukan sahaja sistem pemantauan itu tetap wujud dalam mekanisme kementerian kita, malahan satu kajian yang menyeluruh telah pun dijalankan oleh cendekiawan-cendekiawan kita dari IPTA kita, umpamanya UPM dan UTM tentang keberkesanan Program Rakan Muda. Baru-baru ini Rakan Muda baru dilancarkan pada 14 Oktober 2000. Rakan Muda ini dinamakan sebagai Rakan Muda

Alaf Baru, dan tak lama lagi ianya akan berlangsung dengan sepenuhnya, mudah-mudahan pada Januari akan datang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan. Nampaknya pihak kerajaan telah mengakui bahawasanya masalah belia ini adalah satu masalah yang besar dan berbagai-bagai cara telah pun diatur dan dibuat bagi mengatasi masalah golongan belia yang menjadi masalah pokok bagi negara kita sekarang ini. Soalannya, adakah kerajaan sedar dan bersetuju bahawasanya dengan ikatan agama sahalah kita boleh mengatasi masalah gejala sosial dan masalah-masalah penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dicakapkan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan lebih mirip pada pandangan dan cadangan. Walaupun demikian, ianya tetap diambil kira. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini unsur keagamaan selama ini tetap dirangkumi, tetap diambil kira dalam perancangan program-program kita termasuk Program Rakan Muda. Tetapi perlu juga kita ambil kira kewujudan pelbagai agama dalam masyarakat majmuk kita. Itu sebabnya bukan sahaja unsur mana-mana satu agama sahaja yang dirangkumi dalam perancangan ataupun penganjuran program-program belia, tetapi juga perlu Kementerian peka terhadap unsur-unsur yang lain, termasuk juga unsur-unsur agama yang lain seperti agama bukan Islam dan sebagainya. Inilah satu-satunya yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat.

2. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah penambahan hospital-hospital pakar yang akan dibina di seluruh negara; dan
- (b) bilakah hospital pakar di Temerloh, Pahang yang telah pun diluluskan akan mula dibina dan berapa lamakah tempoh pembinaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebanyak 16 hospital dengan perkhidmatan kepakaran telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.
- (b) Hospital Temerloh telah dibuat pecah tanah dan memulakan kerja penyediaan tapak pada 16 November 1999. Kerja pembinaan dijangka bermula tahun 2001. Interaksi data bilik yang terperinci dan penilaian reka bentuk masih diadakan. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2005.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, keperluan hospital pakar di Temerloh ini amat mendesak sekali. Saya ingin tahu dari pihak kerajaan berapa besar dari segi saiznya dan jumlah katil?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, hospital ini terletak di atas kawasan seluas 45 ekar dan jumlah katil yang dicadangkan adalah 498 buah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen beritahu dalam Dewan yang mulia ini tentang perkembangan terkini mengenai teleperubatan di hospital-hospital pakar di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi hospital-hospital baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sistem *computerise* akan dilaksanakan di semua hospital tetapi skopnya berbeza berdasarkan saiz hospital. Kita dapat tujuh buah hospital yang telah siap yang telah dan akan dilengkapi dengan sistem *computerise* seperti Hospital Selayang iaitu *total hospital information system*, iaitu Hospital Putrajaya; Hospital Pandan, Johor; Hospital Ampang, Selangor; Hospital Alor Setar, Kedah; Hospital Sungai Buloh, Selangor; Hospital Serdang, Selangor dan Hospital Sungai Petani, Kedah.

3. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa orangkah di bidang teknikal yang telah berjaya lulus Peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia dari Level 1 hingga Level 5 sejak sijil ini dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Pensijilan Kemahiran Malaysia telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan

(MLVK) semenjak tahun 1993. Jumlah mereka yang telah berjaya dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) adalah seramai 82,863 orang pelatih daripada pelbagai institusi kemahiran bagi tahap I, II dan III. Sehingga kini belum ada calon yang berjaya memperolehi SKM tahap IV dan tahap V kerana pengambilan pelajar-pelajar dan pelatih untuk SKM IV dan V bermula pada Januari 2001.

Dato Goh Siow Huat: Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan ekonomi kepada k-ekonomi sudah tentu kemahiran ini perlu dilipatgandakan oleh kerajaan dan sektor swasta. Soalan tambahan saya, berapa jumlah pusat yang telah mendapat pentauliahan MLVK dan apakah kriteria untuk mendapat pentauliahan. Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Jumlah pusat-pusat pentauliahan yang telah pun diiktiraf oleh MLVK untuk memenuhi keperluan-keperluan pekerja-pekerja yang mahir bagi merealisasikan perubahan ekonomi daripada p-ekonomi kepada k-ekonomi adalah berjumlah 460 pusat. Kami di kementerian pun amat gembira kerana 62% daripada pusat-pusat tersebut adalah terdiri daripada pusat-pusat latihan daripada swasta. Hanya 40% daripada 460 pusat ini adalah terdiri daripada pusat-pusat kemahiran yang dikendalikan oleh kementerian, MARA mahupun Kementerian Belia dan Sukan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Oleh kerana perkara ini adalah perkara baru, kita di MLVK menetapkan kriteria-kriteria tertentu. Sebagai contoh, kita menetapkan bahawa pusat-pusat yang ingin mendapat pengiktirafan daripada MLVK perlulah memenuhi keperluan-keperluan standard kurikulum yang telah diputuskan iaitu standard kemahiran kebangsaan (NOS) dan bahagian pentauliahan juga akan memeriksa kemudahan-kemudahan yang terdapat di pusat tersebut iaitu kemudahan latihan. Kita juga memantau tenaga-tenaga pengajar yang terdapat di pusat-pusat tersebut untuk mendapatkan pentauliahan daripada MLVK.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada kira-kira 82,000 lebih yang telah pun menjadi graduan ataupun lepasan daripada peperiksaan Sijil Kemahiran ini. Adakah pihak kementerian membuat monitoring, dengan izin, berapa banyak daripada mereka, berapa peratus telah mendapat pekerjaan

di dalam sektor-sektor teknikal dan pembinaan, kerana laporan kita banyak mereka ini sukar untuk mendapat pekerjaan kerana kurikulum itu tidak mencukupi untuk keperluan sektor-sektor perindustrian. Jadi, dalam soal itu seterusnya adakah pihak kementerian telah membentuk kurikulum itu dengan berbincang dengan pihak swasta supaya isi kandungannya itu sesuai dengan keperluan kemahiran pekerja-pekerja dalam industri di negara kita. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Bandau, terima kasih. Bertanyakan dua isu. Satu isu mengenai pekerjaan yang diperolehi oleh mereka yang mendapat latihan daripada institusi-institusi yang mengeluarkan sijil-sijil yang berkenaan. Sebenarnya tidak ada kajian terperinci yang dibuat oleh kerajaan. Tetapi baru-baru ini kementerian sudah pun mengadakan kajian rambang, didapati bahawa mereka yang keluar daripada Institusi Latihan Perindustrian, 74% daripada mereka mendapat pekerja dalam masa enam bulan selepas daripada mereka keluar daripada institusi latihan tersebut. Bakinya dalam masa setahun. Ini mengambil kira keadaan ekonomi yang baru pulih. Cadangan Yang Berhormat bagi Bandau, kita ambil perhatian dan kita akan buat kajian.

Kedua, mengenai isu yang dikaitkan sama ada kementerian mengadakan perbincangan dan pemantauan. Sebenarnya MLVK memang bekerjasama dengan pihak industri untuk mewujudkan kurikulum ini. Setakat ini kita sudah mewujudkan lebih daripada 1,000 standard kemahiran kebangsaan (NOS) bagi memastikan mereka yang keluar daripada institusi-institusi latihan yang mendapat pentauliahkan daripada MLVK *marketable*, dengan izin, dari sudut pekerjaan. Kita melahirkan rasa tidak puas hati mengenai pembabitan sektor swasta terutama dalam menyediakan prasarana pekerjaan, kerana mereka terpaksa membayar gaji yang lebih berbanding dengan mereka yang membuat kerja lebih kurang sama tetapi tidak ada sijil kemahiran ini. Ini kita memang sedar, Yang Berhormat.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) tidak hadir]

5. Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad [Lipis] minta Menteri Pertanian menyatakan status pencapaian Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Kementerian Pertanian dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewartakan zon pengeluaran

makanan kekal dan apakah insentif kemudahan yang boleh disediakan oleh pihak kementerian menerusi program tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga kini Kementerian Pertanian telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) untuk memajukan tanaman kekal pengeluaran makanan dengan Kerajaan Negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, Melaka, Sarawak dan Selangor.

Usaha-usaha akan diteruskan untuk menandatangani MOU dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Insentif dan kemudahan yang akan disediakan oleh kementerian meliputi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, pemindahan pusat sumber atau pusat perkhidmatan yang digunakan bersama, khidmat nasihat dan perkhidmatan sokongan seperti pemindahan teknologi, kemudahan pinjaman, kemudahan insentif, pengawalan kuarantin dan penggredan di peringkat ladang, kemudahan pemasaran serta latihan dalam bidang pengurusan ladang dan operasi tanaman kekal pengeluaran makanan. Terima kasih.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Biasanya apabila kita merancang sesuatu program, soal target adalah perkara yang selalu menjadi pokok, sehubungan dengan ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah target yang hendak dicapai oleh kementerian dari segi pengeluaran makanan ataupun dari segi volumenya ataupun dari segi untuk mengurangkan kehilangan *foreign exchange* kita daripada kita mengimport barang-barang makanan daripada luar negara. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, dalam hal ini pihak kerajaan telah merancang di Johor kerana kita akan tanam tanaman kekal dan ia telah pun diwartakan sebagai tanaman kekal ialah negeri Johor seluas 13,200 hektar, Perlis – 90 hektar, Kedah – 600 hektar, Kelantan – 5,588 hektar, Melaka – 162 hektar, Sarawak – 25,830 hektar, Selangor – 1,876 hektar. Kesemua ini kita bercadang untuk dijadikan tanaman kekal sama ada dari segi kita beri kalau syarikat swasta dan seterusnya yang ingin menanam ataupun menjalankan

sesuatu aktiviti, maka kita cadangkan mengadakan lease ataupun pajakan 30 tahun. Tetapi persoalannya kita dalam kawasan ini kita cadangkan ditanam dengan pelbagai jenis tanaman misalnya dari segi buah-buahan kita jadikan tanaman tembikai seterusnya pineapple, jambu dan lain-lain lagi yang kita anjurkan.

Dalam hal ini, targetnya memanglah kita hendak mengurangkan pengimportan barang makanan, tetapi terpulanglah kepada pihak swasta untuk menyambutnya. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan ini, penglibatan swasta saya rasa adalah yang paling banyak ataupun ditujukan untuk swasta, saya hendak tahu sama ada kerajaan ada mempunyai garis panduan dalam menentukan participant dalam rancangan-rancangan di bawah skim ini. Satu lagi, sama ada ternakan juga termasuk dalam bidang program ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini memanglah kerajaan telah mengadakan garis panduan, terpulanglah kepada pihak swasta untuk membincangkan dengan Kementerian Pertanian dan juga kerajaan negeri. Dan pelbagai jenis tanaman kita galakkan sama ada dari segi teknologinya ataupun ternakan dan seterusnya lain-lain lagi. Persoalannya ialah khidmat pajakan kepada orang ramai ataupun pajakan swasta dan terpulanglah kepada mereka untuk mengambil bahagian. Dalam hal ini kita telah memberi segala bentuk sokongan yang diperlukan misalnya pinjaman kredit dan seterusnya tanam-tanaman yang tertentu yang berkaitan dengan bioteknologi dan seterusnya lain-lain tanaman. Seterusnya, ini terpulanglah semuanya kerana kita ada semua ini dan terpulanglah kepada pihak swasta ataupun pihak perseorangan untuk mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ternakan, Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, termasuk juga ternakan.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk juga ya.

6. Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah memohon untuk menggunakan caruman mereka untuk membeli komputer. Berapakah permohonan yang telah diluluskan dan berapa amaun yang terlibat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato'Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 September 2000 seramai 164,765 pencarum telah mengemukakan permohonan mengeluarkan caruman mereka untuk membeli komputer. Dari bilangan tersebut, sebanyak 95,919 permohonan telah diluluskan bernilai RM305.23 juta.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adalah didapati terdapat laporan yang menyatakan bahawa terdapat salah guna iaitu wang ini tidak digunakan, dikeluarkan dan tidak digunakan oleh pencarum untuk membeli komputer. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kes pemantauan untuk membuat pemantauan terhadap pinjaman kelulusan ini dan adakah terdapat kes ini yang dilaporkan di pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak KWSP dan juga kementerian dapat menerima aduan mengenai pencarum yang telah menyalahgunakan duit mereka kerana tidak untuk membeli komputer dan untuk memantau keadaan ini dan untuk mengelakkan perkara ini berlaku lagi, pihak kerajaan telah mengambil keputusan iaitu mulai 15 November 2000 semua pembayaran untuk tujuan ini akan dibuat melalui Pos Malaysia. Pos Malaysia akan membayar terus kepada pembekal komputer selain daripada Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional juga akan dijemput untuk menyertai skim ini. Sekian.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah berkaitan dengan pengeluaran duit dari KWSP untuk membeli komputer adalah golongan pencarum yang mengeluarkan duit untuk membeli komputer selalunya terdiri daripada pencarum yang mempunyai caruman yang kecil dalam akaun KWSP mereka. Soalan tambahan saya adalah apabila kita mengizinkan pengeluaran caruman oleh golongan ini untuk membeli komputer, bukankah ini bercanggah dengan tujuan utama KWSP diadakan iaitu memberi keselamatan kewangan kepada pencarum pada usia tua mereka. Sekian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran ini adalah optional, ini terpulang kepada kebijaksanaan pencarum sendiri. Kalau mereka berfikir bahawa pengeluaran ini akan menjejaskan penghidupan mereka selepas persaraan,

mereka kena membuat keputusan sama ada hendak mengeluarkan atau tidak. Selain dari itu, pihak kerajaan membenarkan pencarum untuk mengeluarkan sekali sahaja, sama ada untuk anak-anak mereka ataupun untuk mereka sendiri. Maka ini pihak kerajaan menganggap adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk membina satu masyarakat yang berpengetahuan. Terima kasih.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur] tidak hadir]

8. Tuan Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian ada rancangan untuk membina sebuah lagi sekolah menengah rendah di daerah Julau, memandangkan bilangan pelajar semakin bertambah di kedua-dua buah sekolah menengah (iaitu SMK Julau dan SMK Pakan) yang sedia ada sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Selamat Pagi. Nampaknya sesudah gelombang dan ombak yang besar semalam, hari ini pantai kita turut bertenang. Jadi, dalam ketenangan ini saya memberi jawapan saya kepada Yang Berhormat Julau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada falsafah!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya minta pihak pembangkang pun senyum-senyumlah sedikit, jangan serius sangat, sesudah gelombang besar semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merancang pembinaan sejumlah 15 buah sekolah menengah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan sejumlah 31 buah sekolah menengah lagi di bawah projek sekolah atau satu sesi bagi seluruh negeri Sarawak. Keutamaan pembinaan adalah mengikut keperluan dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Oleh yang demikian, lokasi sebenar sekolah-sekolah tersebut akan dibina belum lagi dapat kita putuskan. Terima kasih.

9. Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat] minta Perdana Menteri menyatakan tentang penguatkuasaan dasar halal/haram di negara kita sekarang dan sejauh manakah pencapaiannya setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, penguasaan undang-

undang berkaitan dasar halal/haram mengenai makanan, minuman dan bahan gunaan orang-orang Islam di Malaysia adalah dibuat melalui satu perintah yang dinamakan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan) Perbahasaan Halal yang dibuat di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Tujuannya ialah untuk memastikan barang makanan yang ditanda halal, ditanggung halal dan makanan Islam benar-benar halal dari segi hukum syarak.

Beberapa tindakan mahkamah telah diambil berhubung dengan penyalahgunaan penandaan halal atau perihal-perihal lain yang digunakan ke atas makanan. Sejumlah 80 kes telah diambil tindakan di antara tahun 1976 hingga tahun 1999 yang melibatkan jumlah nilai rampasan sebanyak RM50,000 dan denda sebanyak RM63,000.

Pemeriksaan dan penyiasatan sentiasa dijalankan bagi mengesan perbuatan penggunaan perbahasaan halal yang palsu sama ada secara lazim atau aduan yang diterima. Berikutan dasar halal/haram yang dilaksanakan, pengeluar-pengeluar barang makanan Islam telah memberikan sambutan yang amat positif untuk mendapatkan tanda halal. Kesannya banyak barang makanan Islam yang terdapat di pasaran kini menggunakan tanda halal.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Assalamualaikum, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Malaysia bercadang untuk menjadikan label halal ini untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa supaya negara-negara umpamanya dalam OIC dan apa yang dibuat umpamanya di Singapura menjadi base tempat konvokesyen ataupun convention makanan halal sedunia, kenapa tidak Malaysia yang dianggap sebagai sebuah negara Islam menjadi pelopor dalam bidang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu. Pada masa ini, sambutan terhadap Malaysia sebagai pusat halal ini telah mendapat sambutan di seluruh dunia, buktinya dan sebabnya ialah kerana kepercayaan mereka bahawa kita amat bersungguh-sungguh dalam menjalankan perkara halal ini kerana mereka tahu bahawa soal makanan halal ini telah menjadi agama bercampur dengan budaya kepada orang Islam dan orang Melayu di sini.

Maka sebab itu, pengeluaran barangan halal di banyak tempat termasuk penyembelihan di beberapa buah negara, mereka hanya mahu mengambil orang Malaysia sahaja menjadi tukang sembelih di tempat-tempat berkenaan kerana tempat di negara-negara destinasi daging keluaran mereka mempercayai bahawa Malaysia dan orang Malaysia individu sangat berpegang teguh tentang soal penyembelihan halal ini.

Kita sedang berusaha, baru-baru ini satu konsortium industri IT telah ditubuhkan di Kuala Lumpur bagi mempromosikan halal ini di peringkat Malaysia dan barang-barang halal yang telah ditentukan oleh Malaysia. Sambutan yang besar ini kerana umat Islam di negara-negara lain terutamanya di Amerika sangat percaya bahawa produk barang makanan dan bahan makanan Malaysia yang ditanda halal sungguh-sungguh mereka dapati benar dan sesetengah barangan itu di negara-negara berkenaan mempunyai jenama yang sama dibuat, dimanufacture, dikilangkan di negara mereka tetapi yang di Malaysia itulah halal dan laporan yang kita perolehi bahawa ada syarikat-syarikat besar mengeluarkan makanan di negara kita mencapai target penjualan tahunan dalam bulan Julai dan bulan Ogos.

Ini adalah kepercayaan kepada negara dan, insya-Allah, kepercayaan ini kita sedang membina kebolehan dan kesungguhan kita ini di peringkat ISO 2000.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam konteks di Sarawak, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, tahun 1994 Brunei meminta bekalan ayam daripada Sarawak, daripada sebuah syarikat pengeluar ayam yang terbesar di negeri tersebut. Apabila pegawai daripada Majlis Islam Brunei – saya berjumpa dengan Pengarah daripada Majlis Islam Brunei mengatakan penyembelihan dibuat oleh syarikat tersebut adalah kurang memuaskan dan dianggap tidak halal. Mereka menghantar pegawai mereka sendiri untuk menyembelih dan mengawal selia penyembelihan.

Pada masa sekarang kita lihat pembekalan ayam di pasar-pasar dan sebagainya dijual kepada masyarakat umum sebagai halal, yang dibekal oleh syarikat-syarikat bukan kepunyaan orang Islam iaitu Ayam Champion Avenue, Cold Storage dan sebagainya. Saya boleh sebut semua ini sebab saya membawa pihak Brunei berjumpa syarikat-syarikat ini. Jadi, persoalan saya Yang Berhormat ialah apakah pemantauan,

adakah kementerian bersetuju supaya setiap syarikat-syarikat yang besar mengeluarkan ayam halal ini, ayam yang disembelih oleh Islam ini, semua penyembelihan - tempat penyembelihan, penyucian dan sebagainya itu mesti dianggotai semuanya oleh orang-orang Islam. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan 1972 tidak mewajibkan mana-mana syarikat atau pengeluaran makanan untuk melabelkan barangan mereka sebagai halal. Ini adalah pilihan, optional atau pilihan mereka secara voluntary untuk mengadakan meminta halal ini. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat berkenaan sekiranya ditekan oleh kemahuan pengguna atau pasaran, sebab itu mereka datang untuk mendapatkan halal.

Pada peringkat awal kita menemui masalah halal ini kerana telah dituduh bahawa kita cuba mewajibkan unsur-unsur Islam ke atas barangan mereka, tetapi Bahagian Hal Ehwal Islam (JAKIM) pada hari ini mengambil peranan yang besar untuk memberi penerangan kepada mereka bahawa tujuan halal ini bukan menekankan unsur agama ke atas mereka, tetapi ialah untuk memperluaskan pasaran barangan mereka bagi pihak pengeluar dan bagi orang Islam dapat peluang memakan makanan yang baik tanpa was-was, maka dengan itu orang Islam dapat memperolehi bahan makanan itu. Kedua-dua pihak dapat untung.

Jadi, sekiranya mana-mana pihak yang kita rasa perlu menandakan halal, kita tidak boleh mewajibkan ke atas mereka. Tetapi apabila mereka minta untuk menggunakan halal, maka pemantauan yang rapi kita lakukan, terutama sekali penyembelihan kerana ini sangat subjektif dan berlaku sepanjang hari.

[Soalan No. 10 – Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] tidak hadir]

11. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah bentuk dan kuantum pampasan yang diberikan kepada penumpang-penumpang yang menjadi mangsa kemalangan kereta api khususnya apabila gerabak-gerabak tergelincir dari landasan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Tuan Yang di-Pertua, penumpang-penumpang yang mengalami

kecederaan semasa menaiki kereta api dan yang terlibat dengan kemalangan kereta api semasa berlaku gelinciran adalah dilindungi oleh insurans KTMB. KTMB mengambil *Personal Accident Policy* untuk melindungi penumpang-penumpang kereta api yang mengalami kematian ataupun kecacatan kekal, bayaran pampasan di antara RM20 ribu hingga ke RM30 ribu. Pihak perubatan akan juga mengeluarkan laporan perubatan yang akan dimajukan kepada pihak insurans untuk membuat pembayaran kepada mangsa mengikut polisi insurans yang telah ditetapkan iaitu di antara RM500 hingga ke RM1,500 mengikut kemalangan dan mengikut kecederaan yang dialami.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tentang kerugian yang ditanggung oleh KTMB berikutan dengan kemalangan tergelincir daripada landasan ini dan juga pengalaman daripada negara-negara lain yang dekat dengan kita seperti Thailand dengan Indonesia tentang gelinciran ini. Di mana *standing* kita dari segi hal mengenai gelinciran dan kemalangan kereta api ini. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, gelinciran dan kemalangan yang dialami oleh KTMB, walaupun banyak umpamanya pada tahun ini sahaja sudah sembilan kemalangan yang besar, yang berlaku tetapi ia tidak merupakan kemalangan yang merupakan tragedi di mana berpuluh-puluh malah beratus-ratus penumpang cedera parah atau mati seperti di negara-negara lain. Di negara ini, kemalangan kereta api belum ada lagi untuk tahun ini di mana penumpang-penumpang mengalami kecederaan begitu parah ataupun kematian.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat, perbandingan dengan di Thailand dan di Indonesia, yang mana yang lebih banyak ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dan kerugian yang ditanggung oleh KTMB yang ditanyakan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak minta notis silalah.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Sudah pasti saya tidak begitu mengetahui secara terperinci mengenai kemalangan yang berlaku di luar negara.

12. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kenapa pihak kerajaan lambat untuk memberi keputusan bagi memulakan projek penswastaaan penyuraian trafik Kajang oleh Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd. (SILK).

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi bagi projek Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan syarikat konsesi iaitu Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sendirian Berhad (SILK) pada 8 Oktober 1997.

Pada pertengahan tahun 1998, kegawatan ekonomi telah melanda negara ini. Akibat dari kegawatan tersebut syarikat SILK juga telah turut terjejas, di mana syarikat tersebut mengalami kesukaran untuk memperoleh pembiayaan kewangan bagi melaksanakan projek. Pada ketika ini pihak konsesi masih sedang berusaha untuk mencari sumber kewangan.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Pada sidang Parlimen Julai lepas, Kementerian Kerja Raya beri jawapan bertulis kepada saya dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kerja menaikkan taraf jalan *Federal route 'five'*, dari Setiawan ke Lumut akan ditender pada bulan September tetapi hingga sekarang masih belum lagi ditender. Jadi, apakah sebab lambatnya pelaksanaan projek ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya berlainan Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkaitan dengan lambat untuk pelaksanaan projek penswastaaan penguraian trafik Kajang ini kerana kegawatan ekonomi dan syarikat tersebut masih belum dapat punca kewangan untuk pelaksanaan. Tetapi saya telah terima satu surat daripada pihak konsesi tersebut bahawa, punca kewangan telah selesai dan hanya tunggu lampu hijau daripada pihak kerajaan untuk pelaksanaan. Bila kah kerajaan akan beri lampu hijau kepada pihak pemaju supaya atasi masalah yang telah begitu lama dan sesak sangat di situ. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Untuk jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, memang benar bahawa pada suatu ketika pihak syarikat mendapat masalah untuk diberikan pinjaman oleh pihak bank tetapi hanya baru-baru ini sahaja. Seperti yang saya pun turut baca dalam kenyataan Yang Berhormat sendiri buat dalam akhbar *Star* pada hari ini sahaja yang dimaklumkan bahawa pihak syarikat baru sahaja dapat pinjaman dan saya percaya syarikat sedang berurusan dengan pihak kementerian dan sekiranya kita pasti bahawa pinjaman itu benar-benar boleh didapati maka pihak kerajaan akan memberikan kelulusan kerana pada masa yang sama pihak kerajaan sedang menimbang untuk mengeluarkan Jalan Balakong daripada skop konsesi. Itu tentu lebih baik untuk rakyat dan pengundi dalam kawasan Yang Berhormat.

[Soalan No. 13 – Y.B. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] tidak hadir].

[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir].

15. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan penceroboh memasuki kem-kem tentera seperti mana yang berlaku semasa peristiwa AlMa'unah.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:
Tuan Yang di-Pertua, kawalan keselamatan kem-kem tentera telah dilaksanakan berpandukan kepada arahan-arahan keselamatan sedia ada. Selain daripada arahan-arahan tersebut tahap keselamatan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut ancaman semasa berdasarkan kepada laporan-laporan yang diterima melalui sumber perisikan. Anggota tentera sememangnya sudah dilatih untuk berhadapan dengan sebarang situasi ancaman luar. Berikutan kejadian rompakan di kem 304 infantri askar wataniah, tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang lebih komprehensif telah dimulakan bagi menjamin agar kejadian yang sama tidak akan berulang. Antaranya:

- (a) menentukan semua arahan-arahan keselamatan yang dikeluarkan difahami dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat;

- (b) meningkatkan tahap kawalan keselamatan dengan menambah jumlah kawalan, memberi kesedaran kepada anggota pengawal dan anggota lain terhadap aspek keselamatan dan juga menyediakan pelan kontingensi di waktu kecemasan;
- (c) mengetatkan kawalan keluar, masuk anggota dan kenderaan ke kem dan mengadakan pemeriksaan rapi pada setiap individu serta kenderaan;
- (d) mempertingkatkan kemudahan, keselamatan kem dan peralatan keselamatan yang lebih moden bagi membantu pengawalan dan mengawasi kem;
- (e) mengadakan pemeriksaan rapi terhadap semua pelawat, termasuk pelawat tentera dimestikan mempunyai arahan-arahan atau surat pengesahan yang berkaitan dengan tugas atau tujuan lawatan dan perlu disahkan oleh agensi atau unit pelawat berkenaan; dan
- (f) mempertingkatkan sistem kawalan stor senjata dan semua pengeluaran senjata dan pemeriksaan stor senjata hanya dilakukan dengan kebenaran pegawai pemerintah unit.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat 'Menteri' yang menjawab soalan saya sebentar tadi. *[Disampuk]* Ya, Timbahn Menteri. Pakaian tentera adalah merupakan satu barang kawalan, pada hemat saya, tetapi di negara kita, kita dapati ada juga pakaian-pakaian yang digunakan oleh orang awam merupakan pakaian tentera ataupun menyerupai pakaian tentera. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk memantau keadaan ini supaya ia tidak berlaku secara berleluasa kerana ini bukan sahaja boleh mengancam kem-kem tentera dengan pencerobohan yang berlaku tetapi juga akan mengelirukan orang ramai. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih atas persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau. Sememangnya kita ada perundangan dan semuanya maklum akan perkara ini di mana pakaian-pakaian seragam pihak

keselamatan tidak boleh diguna pakai oleh mana-mana pihak awam oleh kerana ia ada melibatkan keselamatan. Maka dengan itu, sebahagian daripada langkah yang sedang diambil memastikan dan kita telah memohon supaya implementasi terhadap perundangan itu dapat diperketatkan untuk memastikan supaya tidak ada orang akan memakai pakaian-pakaian yang boleh menyerupai sebagai ala tentera untuk memastikan supaya ia tidak akan dapat mencero bohi.

Walaupun demikian, seperti yang saya sebutkan tadi, pelbagai langkah kita akan ambil untuk memastikan – itu sebahagian daripada itu, tetapi tidak ada jaminan 100% yang boleh memastikan bahawa perkara-perkara seumpama ini tidak akan berlaku. Yang penting kepada kita selain daripada tanggungjawab kepada kerajaan, pihak masyarakat di peringkat akar umbi juga, kalau dapat melihat bahawa ada segelintir masyarakat yang berpakaian seperti pakaian ala tentera, dan agar kita sama-sama sangsi, maka, kita perlu memberitahu kepada pihak yang berwajib. Sekian.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian yang menerangkan kita langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan peristiwa ini berlaku sekali lagi. Dan, saya hendak bertanya, adakah juga Yang Berhormat sudah semestinya usaha ini memerlukan sokongan orang ramai. Makna, kalau memerlukan sokongan orang ramai – makna, saya hendak bertanya, ada kelompok tertentu di negara kita tidak memberi sokongan usaha ini. Dan kadang-kadang mengelak daripada bertanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk memastikan keselamatan negara kita terbela, sehingga mengatakan perkara ini kononnya, apa dia kata sandiwara. Adakah ini satu sikap yang bertanggungjawab satu badan politik negara kita. *[Tepuk]* Ini boleh mengancam keselamatan negara. Saya minta pandangan sedikit.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Rompin yang telah membangkitkan soalan..., memang kita agak bimbang bahawa ada segelintir masyarakat, tidak semua yang sedikit sebanyak terpesong daripada pemikiran yang hendak melihat negara ini sebagai sebuah negara yang aman. Bila negara ini aman, sudah pasti amalan kita, bukan hanya untuk mencari nafkah hidup bahkan juga untuk kita beramal kepada Allah S.W.T. *[Disampuk]* Kalau kita

dapat melihat di beberapa negara, hendak menunaikan solat pun agak susah oleh kerana keadaan tidak tenteram. Maka dengan itu, saya amat setuju dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, penanaman semangat kecintaan kepada negara. Semangat untuk ingin mempertahankan negara bukan hanya terletak kepada pihak keselamatan ataupun pihak-pihak tertentu - semua lapisan masyarakat termasuk pembangkang dan juga kerajaan.

Pada hari ini kita tahu, hak kita sebagai kerajaan sudah ditentukan selama 5 tahun untuk mentadbirkan dan mengurus kerajaan dan seharusnya pengurusan untuk menjaga keselamatan dan keamanan terletak kepada pihak pemerintah pada hari ini. Dan, jangan ahli-ahli pihak tertentu, contohnya untuk menyatakan bahawa yang langkah kita ambil pada hari ini adalah merupakan langkah sandiwara. Dan, saya ada bangkit pada Parlimen yang lalu, dan sandiwara bila sebut, dan saya akan menuntut sampai ke akhirat *[Disampuk]* Kalau perkataan itu dianggap sebagai sandiwara kerana kita orang berwajib sebagai orang Islam menuduh kita sebagai pembunuh. Itu adalah sifat perbuatan yang cukup kejam bagi kita di sisi Allah S.W.T. Dan saya berharap perkara ini tidak akan berlaku di masa yang mendatang.

[Soalan No. 16 – Y.B. Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang] tidak hadir].

17. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, setakat ini berapa buah sekolah bestari telah dan akan dibina di Negeri Sarawak termasuk sekolah luar bandar dan berapakah peruntukan akan diagihkan kepada pembinaan sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya hari ini kita menempah rekod untuk soal jawab di mana kita sudah sampai Nombor 17.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa tidak perlu komen daripada pembangkang. Tadi pagi kita sudah tenang, harap bertenang – macam ini kita bincang dengan elok, kita ada tertib, bukan macam kebudak-budakan. *[Ketawa]*
[Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Tun pun sudah senyum. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan konsep sekolah bestari masih di peringkat projek rintis. Daripada 86 buah sekolah rintis bestari yang telah beroperasi di seluruh negara, 6 buah adalah di Sarawak, iaitu 4 buah sekolah menengah harian dan 2 buah sekolah menengah berasrama penuh. Program tersebut akan diperluaskan secara berperingkat. Mengenai bilangan sekolah, termasuk sekolah bestari yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan, perkara tersebut masih dalam penelitian agensi pusat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini tidak panjang, tidak ada politik. Saya pun setuju, semalam rakus sangat. Jadi, banyaklah hari ini mati, tidak dapat datang. *[Ketawa]* Kena bunuh. *[Ketawa]* Kita tidak tahulah yang lobi di Amerika itu, Yahudi ataupun tidak. Saya ingin bertanya soalan sekolah bestari ini, saya cukup percaya yang kerajaan mungkin tidak boleh menghantar tiap-tiap kawasan Parlimen di luar bandar itu sekolah-sekolah bestari. Tetapi persoalan saya, bolehkah kerajaan membuatkan, tiap-tiap sekolah di luar bandar mesti menentukan beberapa murid-murid mereka dihantar ke sekolah bestari ataupun kuota di sekolah bestari mesti menerima murid-murid daripada luar bandar seperti orang di luar bandar menerima juga pelajaran sekolah bestari. Terima kasih. Cukup cantik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat Batang Lupar. Kita memang faham. Sekali lagi sebelum saya bawa soalan Yang Berhormat, kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional memang tetap kita bertanggungjawab khususnya kita mulai dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita akan beri banyak perhatian dan tumpuan kepada Sabah dan Sarawak. Ini adalah kerana di mana kita lihat berkali-kali apabila Yang Berhormat pada keseluruhannya daripada Sarawak, setiap kali membangkitkan perkara-perkara mengenai sekolah dan kita percaya dengan adanya sekolah-sekolah yang lebih baik dan lebih berprestij harapan kita ialah supaya anak-anak muda kita dapat ilmu pengetahuan yang lebih baik. Malah baik bukan sahaja di seluruh negara tetapi baik di seluruh Asia ini.

Mengenai dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi, sekolah bestari. Perlu saya nyatakan di sini, apabila kita sebut sekolah

bestari tidak bermakna bahawa kita hantar mereka ke situ terus mereka akan jadi bestari, tidak. Maksud sekolah bestari ialah di mana sekolah itu kita menggunakan kaedah yang baru, di mana peralatan seperti komputer, ini termasuk makmal komputer diperkenalkan dengan segala macam kaedah perisian juga telah diberi. Dengan hal yang demikian, harapan kita supaya pada masa hadapan dengan penggunaan ICT tadi kita dapat memberi pengetahuan yang lebih berkesan kepada anak-anak kita.

Jadi tidak timbul berapa anak kita, berapa kuota yang perlu kita hantar ke sekolah bestari. Harapan kita ialah dengan pengenalan makmal komputer ini semua sekolah-sekolah di Malaysia akan menjadi sekolah bestari.

Dan sebagai makluman ataupun pengetahuan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, sebenarnya di Sarawak kita mempunyai sekolah menengah sebanyak 153 buah dan sekolah rendah sebanyak 1,250 buah.

Pada jumlah keseluruhannya, di Malaysia maksud saya, sebagai pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ialah kita mempunyai sebanyak 1,641 buah sekolah menengah di mana *enrolmentnya* sejumlah 1,986,334. Sekolah rendah di seluruh Malaysia kita mempunyai sebanyak 7,117 di mana *enrolmentnya* ialah 2,931,847. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Selangau.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Beliau begitu rajin dan jawapannya selalu panjang dan terperinci. Soalan saya, saya ingin tahu enam buah sekolah bestari di Sarawak, di manakah tempat dan lokasinya dan apakah tindakan Kementerian Pendidikan supaya banyak lagi sekolah bestari akan dibina di Sarawak atau di Sabah atau di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Terima kasih

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih atas kepujian kepada saya. Saya tahu sememangnya orang Sarawak dan orang Sabah kebanyakannya ialah orang bestari [*Tepuk*] sebab itu mereka memilih Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Senarai sekolah rintis bestari Sarawak adalah:

(a) Sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sains Kuching.

(b) Sekolah Menengah Sains Miri.

Sekolah menengah harian pula terdapat:

(a) Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Petrajaya, Kuching;

(b) Kolej Tun Dato' Tuanku Haji Bujang Miri.

(c) Sekolah Menengah Kebangsaan Bahasa Malaysia, Saratok; dan

(d) Sekolah Menengah Kebangsaan Three Reverse, Mukah

Dan harapan kita pada Rancangan Malaysia Kelapan ini di mana fasa kedua makmal-makmal komputer ini akan diperluaskan di Sarawak dan di Sabah. Terima kasih.

18. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan program bantuan kepada bekas tentera dan keluarga mereka dan bilangan anggota yang tidak dapat dikesan dan bilangan yang tidak dapat dibantu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Bekas Tentera (PBTN) ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-peraturan 1984. Keahliannya adalah terdiri daripada bekas anggota tetap ATM, bekas anggota sukarela yang pernah dikerah sepenhul masa, bekas tentera British dan Force 136. Kemasukan menjadi ahli adalah secara sukarela.

Jumlah keahlian yang telah berdaftar dengan PBTN adalah dalam lingkungan 175,000 orang. Dianggarkan hampir 200,000 bekas tentera tidak menjadi ahli. Adlah difahamkan pihak Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) sedang menyelaras pembangunan pangkalan data yang lengkap bagi semua bekas tentera.

Tanggungjawab utama PBTN ialah menyediakan program bantuan kebajikan kepada ahli-ahli dan keluarga mereka. Pada masa dan ketika ini bantuan diberikan kepada mereka yang bukan dari bekas anggota tetap. Bantuan untuk bekas anggota tetap ATM disalurkan untuk dikeluarkan oleh PERHEBAT.

Banyak program yang sedang dan telah dilangsungkan untuk membantu kebajikan bekas-bekas tentera termasuk bantuan kepada balu. Bantuan kepada balu-balu bekas tentera yang memohon untuk mendapatkan bantuan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dan agak panjang, Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang saya sebutkan dan sebahagian daripada jawapan saya boleh serahkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerana kalau hendak cerita atau baca ini agak dalam lingkungan lima minit. Sekian, terima kasih.

19. **Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan angka Indeks Sentimen Pengguna Malaysia (Malaysia Consumer Sentiment Index) bagi suku tahun pertama, kedua, ketiga dan keempat tahun 1999 dan 2000. Bagaimanakah dengan unjuran indeks tersebut bagi suku tahun ketiga dan keempat tahun 2000 dan apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi indeks tersebut

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini rekodlah nampaknya semua habis soalan.

Tuan Yang di-Pertua, Indeks Sentimen Pengguna (ISP) adalah satu kajian selidik yang dijalankan oleh Malaysian Institute Of Economic Research (MIER) setiap suku tahun bertujuan mengukur sentimen pengguna di seluruh negara. Sentimen keyakinan atau pendapat pengguna mengenai kedudukan ekonomi/kewangan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap berbelanja. Sekiranya pengguna merasakan kedudukan ekonomi/kewangan mereka lebih kukuh, maka mereka akan lebih berbelanja.

Perkara-perkara yang mempengaruhi keyakinan pengguna, antara lain ialah jangkaan kenaikan gaji, bonus, perniagaan yang lebih menguntungkan, pasaran saham yang melonjak naik ataupun peluang mendapat kerja yang semakin baik.

Maklumat ISP diperolehi menerusi kajian selidik yang dijalankan ke atas 1,257 isi rumah di seluruh negara. Temu bual tersebut berkisar kepada tiga soalan iaitu kedudukan kewangan masa kini. Kedudukan kewangan enam bulan ke hadapan dan jangkaan, dengan izin, expectation pengguna terhadap pasaran pekerjaan enam bulan ke hadapan.

Di samping itu, pengguna diminta memberi pandangan tentang keadaan ekonomi semasa, perubahan harga barangan dan kadar inflasi serta rancangan perbelanjaan mereka yang melibatkan pembelian barangan seperti rumah, kenderaan dan peralatan elektrik. Berasaskan maklumat tersebut, ISP dikira dengan menggunakan formula tertentu. Indeks Sentimen Pengguna menunjukkan peningkatan berterusan sejak suku tahun pertama 1999 hingga suku tahun ketiga 2000 seperti berikut:

Tahun	Suku Tahun Pertama (%)	Suku Tahun Kedua (%)	Suku Tahun Ketiga (%)	Suku Tahun Keempat (%)
1999	80	101.6	111.3	117.7
2000	120.7	121	126	-

Daripada trend peningkatan indeks tersebut, didapati pengguna telah bertambah yakin tentang kedudukan ekonomi mereka, mereka merancang untuk terus berbelanja memandangkan keadaan kewangan bertambah baik, pasaran buruh kian aktif serta keadaan inflasi yang masih terkawal buat masa ini, mereka juga yakin bahawa keadaan kewangan mereka serta peluang pekerjaan akan bertambah baik bagi enam bulan ke hadapan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup. Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 7, 10, 13, 14 dan 16 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Aturan urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan". [8 November 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Sila [Tepuk]

11.10 pagi

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 15 minit Yang Berhormat

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2001 ini. Pertama saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan. Sudah banyak telah pun dibahaskan dalam beberapa hari ini. Jadi, saya dalam masa yang singkat ini akan menyentuh beberapa perkara sahaja. Saya difahamkan masa 20 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit, Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: 15 minit, baiklah, terima kasih. Satu perkara yang saya fikir, saya pandangan penting ialah berkenaan dengan pertanian. Dalam tahun yang lalu kita telah dimaklumkan bahawa perbelanjaan sebanyak RM11 bilion telah digunakan untuk mengimport makanan. Nampaknya ini adalah satu perbelanjaan yang besar dan saya fikir kita harus dan patut mengurangkannya.

Saya difahamkan di dalam beberapa tahun yang lalu semasa kegawatan ekonomi MTEN telah diwujudkan untuk bertindak dan membuat beberapa dasar tentang mengurangkan pengimportan makanan. Fund For Food telah juga diwujudkan. Saya ingin bertanya Tuan yang di-Pertua, apakah hasilnya daripada ini. Saya difahamkan ramai lagi yang tidak dapat merasa Fund For Food ini. Mungkin tanah telah pun diberi oleh kerajaan-kerajaan negeri tetapi malangnya hingga hari ini

belum dapat lagi bergerak. Di manakah agaknya sekatan-sekatan ini, saya fikir perlu kita kaji dengan sebaik-baiknya.

Kali ini dalam Belanjawan 2001 ini kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM2.4 bilion wang untuk pertanian. Ini rasa saya perlu kita gunakan dengan sebaik-baiknya. Saya faham berkenaan dengan economic modern pada hari ini, tetapi dalam kita memodenkan masyarakat kita dan mengalihkan pekerjaan mereka daripada pertanian kepada arah dan trend baru di dunia iaitu ke arah industrialisasi, kita perlu juga memberi pembangunan yang seimbang. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh buat beberapa kilang dan sebagainya tetapi kita tidak boleh makan *microchips*, kita perlu menyediakan lagi kawasan untuk pertanian.

Hari ini saya fikirkan dunia sekarang tentang membincangkan berkenaan *food security* ataupun keselamatan makanan. Jadi saya gesa kerajaan kita hari ini untuk membentuk satu jawatankuasa bertindak *task force on agriculture* supaya mengkaji semua aspek yang berkaitan dengan pertanian bermula dengan institusi-institusi yang boleh mengeluarkan tenaga mahir dalam bidang pertanian. Galakan research & development, dengan izin, dan dipelbagaikan segala penyelidikan dan juga digalakkan *commercialization* segala penemuan-penemuan itu.

Di dalam dunia hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada di dunia yang maju ataupun sedang maju, kita dapati semua kerajaan memberi perhatian juga kepada pertanian. Di rantau kita ini, di Philippine ada Los Barneos, di Indonesia ada Bogor dan di Malaysia kita ada Kompleks Pertanian Serdang. Tetapi daripada kajian saya kenapakah dibiarkan pengajian pertanian ini merosot selepas kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit.

Kompleks pertanian ini dimulakan selepas Peperangan Kedua daripada sekolah pertanian beralih kepada kolej pertanian. Hari ini kalau tidak silap saya satu akta yang diwujudkan di dalam Parlimen ini, an Act of Parliament, dalam tahun 1971 kita wujudkan Universiti Pertanian Malaysia di mana Fakulti Pertanian di Universiti Malaya telah ditutup dan tenaga-tenaga pengajarnya diserapkan di dalam Universiti Pertanian ini.

Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, hari ini sudah ramai tenaga yang mahir di Malaysia ini yang lengkap dengan teknologi yang canggih dan tinggi untuk

melonjakkan dan meningkatkan produktiviti kita di dalam bidang pertanian supaya dapat mengurangkan pengimportan makanan dan juga kurangkan duit kita keluar.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, kadang-kadang kita ini lalai. Sebenarnya negara kita kaya dengan stocknya, misalannya dalam bidang *fishery*, dalam industri pertanian iaitu udang-udang galah ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tiger prawn, udang harimau. Saya difahamkan kita mempunyai stock yang baik, induk-induk yang baik daripada negeri Sabah. Di sana saya difahamkan banyak induk-induk udang ini telah diseludupkan ke negara lain. Apa penemuan kita yang kita dapat di negara kita ini, malangnya oleh kerana kita ini lalai, industri tiger prawn ini berkembang dan bernilai berbilion ringgit di negara luar daripada negara kita.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya gesa kerajaan untuk membentuk satu jawatankuasa untuk mengkaji segala aspek pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga masuk ke satu lagi bahagian iaitu dalam alam sekitar. Negara kita ini kaya dengan tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar kita amatlah indah dan cantik sama ada di darat ataupun di lautan. Berkenaan dengan alam sekitar ini kita hanya dipinjamkan kepada kita sementara waktu kita ada di dunia ini. Saya faham juga banyak sekarang ini pemusnahan berlaku di sekeliling perairan kita, terutamanya di tempat-tempat yang indah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan mesyuarat]

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya untuk kita sama-sama mendapat keuntungan menjaga alam sekitar ini untuk generasi yang akan datang dan juga untuk mendapat keuntungan, perlulah kita membuat satu-satu tindakan supaya kita jaga alam sekitar ini. Saya faham kerajaan tiada cukup kakitangan untuk menjaganya. Walau bagaimanapun, kalau kita ada satu pakatan dengan entrepreneur-entrepreneur yang menjalankan industri pelancongan, misalnya dalam *eco-tourism*, mungkin kita boleh meminta mereka untuk menjaga kawasan ini untuk kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Dato', sungguh indah dan cantik cora-coral kita di sekeliling perairan negara kita ini. Ambillah

masa untuk rehat untuk melihat keindahan di dasar laut kita sekali-kali, Tuan Yang di-Pertua, terutamanya di pantai sebelah Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya fikir, memandangkan masa tidak mengizinkan, satu perkara saya fikirkan amat penting ialah hari ini gejala-gejala negatif yang berleluasa di dalam negara kita ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana dalam belanjawan kali ini dia telah memberi kepada pekerja-pekerja wanita yang membayar cukai supaya mereka boleh melaporkan pendapatannya berasingan dan juga mendapat pelepasan cukai kepada dirinya sendiri. Dia juga boleh mendapatkan pelepasan cukai kepada suaminya yang tidak bekerja. Sekiranya suaminya itu sakit, memerlukan rawatan, ditambah lagi dengan RM2,000.

Ini adalah satu lagi langkah oleh kerajaan yang prihatin yang menyamakan layanan yang diberi kepada pembayar cukai sama ada pekerja lelaki. Sambil mengucapkan terima kasih, saya ingin juga mencadangkan supaya usaha-usaha untuk menyamakan layanan ini harus diteruskan dalam perkara-perkara yang lain terutama sekali beberapa perkara yang disebut dalam CEDAW dengan syarat tiap-tiap satu perkara itu ditimbang dengan rasional untuk kebaikan wanita dan seterusnya untuk bukan sahaja kebaikan wanita tetapi kebaikan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, wanita yang waras dan rasional akan terus memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Barisan Nasional yang prihatin yang mengiktiraf sumbangan bakti dan memuliakan wanita. Tidak seperti parti pembangkang yang sanggup menghina wanita, [*Tepuk*] mengatakan wanita itu ialah punca maksiat. Saya kesal atas kenyataan ini, lebih-lebih lagi datangnya dari seorang pemimpin ketua negeri seperti negeri Kelantan. Tahukah Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kelantan kalau tidak kerana wanita keluar berniaga di pasar-pasar, sudah tentu beku ekonomi negeri Kelantan. No cash flow. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, wanita juga tidak diberi bekerja jikalau wajahnya cantik kerana takut tergoda, lemah sungguh iman orang yang kuat agama ini. [*Tepuk*] Sepatutnya seorang yang kuat agama harus kuat iman melawan godaan.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Tidak beri jalan sebab masa tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Goda mengoda ini perkara biasa, lelaki boleh menggoda, tergoda dan digoda. Begitu juga kaum wanita boleh menggoda, digoda dan tergoda.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak beri ya.

Datuk Napsiah binti Omar: Tidak beri jalan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Perkara ini tidak berdosa, yang berdosa ialah tindakan. *[Tepuk]* Ajarlah anak-anak muda untuk kuatkan iman, daya tahan dalam diri, hormat menghormati wanita kerana ini akan membawa kepada jalan yang baik yang akan menyumbang kepada jalan membanteras jenayah....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: ...kanak-kanak dan wanita.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Buka aurat tidak berdosa kah?

Datuk Napsiah binti Omar: Minta maaf, tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak ada hukum tutup aurat kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Di zaman Rasulullah teringat saya peristiwa di waktu perang wanita bersama-sama mengikut Rasulullah berperang. Bila Rasulullah terjatuh di dalam lubang, anak panah datang bertubi-tubi....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Wanita macam mana, yang menutup aurat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Tidak beri jalan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat

Datuk Napsiah binti Omar: Bila dia jatuh dalam lubang, seorang wanita yang bernama Nabilah telah menggunakan tubuh badannya sendiri sebagai perisai untuk menutup lubang itu dan mengorbankan dirinya bila bertubi-tubi anak panah kena badannya. *[Tepuk]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Penjelasan.

Dato' Napsiah binti Omar: Ingatkah lagi satu peristiwa Tuan Yang di-Pertua, di zaman Rasulullah...

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Dato' Napsiah binti Omar: Tidak bagi langsung. Minta maaf tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah dia tidak bagi. Kalau Yang Berhormat ada perkara masa bercakap karang sebutlah.

Dato' Napsiah binti Omar: Saya hendak bertanya satu kali lagi. Siapakah yang menyelimutkan Rasulullah dan memeluknya semasa selepas mendapat wahyu yang pertama?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Wanita yang beriman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Napsiah binti Omar: Bukankah itu seorang wanita yang bernama Khadijah...

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Saya hendak tanya hukum menutup aurat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita tidak boleh mengukur satu benda yang.....Allah ya.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. Minta maaf. Saya ingat satu lagi peristiwa iaitu di mana seorang hamba Allah menanya kepada Rasulullah. Ya Rasulullah, siapakah yang patut aku hormati di dalam dunia ini? Jawabnya "ibu".

[Ahli Yang Berhormat bagi Pendang masuk ke Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pendang berdiri. Ha, baru masuk. *[Ketawa]*

Dato' Napsiah binti Omar: Tidak bagi minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]*. Minta maaf. Terus, terus, terus.

Dato' Napsiah binti Omar: Ini forum saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab dia lama berdiri. Saya ingat dia hendak....

Dato' Napsiah binti Omar: Bila mendengar jawapan ibunya hamba Allah itu tidak puas hati. Dia bertanya sekali lagi. Siapakah patut aku hormati ya Rasulullah. Jawabnya sekali lagi, "ibumu". Tidak juga puas hati. Bertanya sekali lagi. Jawapannya yang sama juga. Sabda Rasulullah "ibumu." Tidak juga puas hati. Tanya sekali lagi. Inilah dia. Apabila ditanya sekali lagi tanya sekali lagi kali yang keempat barulah jawapannya berbunyi "bapamu". Jelas Tuan Yang di-Pertua, jangan sekali-kali menghina wanita kerana wanita yang bernama ibu itulah yang melahirkan anda semua ke dalam dunia ini. Dengan itu 'wassalamualaikum wabillahitaufik walhidayah'. Saya menyokong belanjawan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

[Ramai Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Bachok hendak jawab Kuala Pilah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Cheras. Cheras ya. Insyaa-Allah boleh belaka ini nampaknya kalau 15 minit semua dapat tidak apa.

11.22 pagi

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih ...

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cheras dulu.

Tuan Tan Kok Wai: Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawannya menyentuh bahawa kita perlu memperkukuhkan tekad, memperkukuhkan azam dan mengetepikan sengketa demi kestabilan, keamanan dan perpaduan rakyat. Dengan demikian kestabilan, keamanan dan perpaduan negara merupakan prasyarat dan jaminan kepada kesinambungan, kejayaan pembangunan dan pertumbuhan negara. Menurut beliau belanjawan kali ini begitu kritikal dan penuh bermakna kerana ia bertujuan memajukan negara mencapai Wawasan 2020 dan ekonomi baru. Sesungguhnya menjadi titik permulaan pencapaian Malaysia baru.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tindakan kerajaan terutama belanjawan hendaklah bertujuan ke arah perpaduan negara yang lebih besar di kalangan rakyat berbagai kaum di Malaysia. Bagi belanjawan tahun depan kerajaan telah mengutamakan sebahagian belanja awam kepada pertahanan dan keselamatan. Akan tetapi sepatutnya terdapat pengajaran yang cukup dalam sejarah terbaru untuk memberitahu kita bahawa pembinaan ketenteraan sahaja tidak boleh menjamin keupayaan pertahanan tanpa kehadiran perpaduan nasional, perasaan persaudaraan dan keazaman untuk menjadi sebuah negara bangsa. Adalah harapan rakyat umum menyaksikan keharmonian dan perpaduan negara benar-benar wujud di negara kita. Malah DAP pun dalam semangat yang sama yang ikhlas bahawa akan wujud perpaduan kaum yang abadi tanpa ada pihak yang mempersoalkannya. Akan tetapi bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perutusan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos lalu membuat tuduhan liar mengeluarkan kata-kata pedas bahawa Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina atau Suqiu itu sebagai extremist dan

chauvinist Cina yang tidak banyak berbeza dengan komunis yang hendak menghapuskan sama sekali hak istimewa orang Melayu. Tuduhan Perdana Menteri keseluruhannya tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya sangat berdukacita dengan sikap provocative dan kebudak-budakan Pemuda UMNO. Mereka bertindak tanpa terlebih dahulu menemui tawaran, berbincang atau berdialog dengan jawatankuasa Suqiu mereka bermain isu seolah-olah hak istimewa Melayu berada dalam krisis pada hal yang sebenar mereka semua jelas cuba menjadi hero UMNO di kalangan masyarakat Melayu yang telah hilang keyakinan kepada UMNO. Kami dengan keras menolak fahaman perkauman yang mentah, politik pelampau yang digunakan untuk meraih sokongan. [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, selepas krisis keyakinan UMNO di kalangan masyarakat Melayu terbongkar berikutan penangkapan dan penyeksaan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim UMNO cuba mengumpul balik sokongan yang hilang. Tindakan provocative dan tekanan digunakan untuk mengalih perhatian golongan orang Melayu yang kecewa terutama golongan miskin dan di antara mereka yang tidak menjadi kroni UMNO ini. Ini bertambah jelas bahawa hak istimewa orang Melayu telah digunakan untuk mengkayakan lagi UMNO-putra dan UMNO-korporat, bukan untuk faedah golongan miskin Melayu malah kelas menengah Melayu bukan kroni. UMNO telah kehilangan hak dalam percubaannya untuk membuktikan dia satu-satunya badan yang sah yang melindungi orang-orang Melayu terutama yang kebanyakan mereka adalah orang-orang miskin. Rakyat Malaysia boleh melihat dengan terang siapakah UMNO yang melindungi atas nama orang Melayu. Kami dengan keras menolak semua jenis propaganda yang cuba mencetuskan sentimen perkauman dan mendalami lagi ketidakpercayaan di kalangan rakyat berbagai kaum yang diinginkan oleh UMNO dan Perdana Menteri dengan tujuan menyelamatkan mereka yang berkekrisis dan untuk mengesahkan kuasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kembali bahawa perjuangan kemerdekaan adalah perjuangan bersama rakyat dan bukan terhadap kepada perjuangan parti pemerintah sekarang. Hari Kemerdekaan ialah satu hari pembebasan dan liberalisasi negara. Perjuangan nasional ialah hasil usaha bersama banyak pihak

masyarakat Malaysia. Perjuangan ini bukan penguasaan tunggal mana-mana parti. Sebaliknya ia adalah perjuangan bersama disertai oleh rakyat biasa dan mengorbankan nyawa mereka semasa pemerintahan British dan Jepun. Sejak bertahun-tahun ramai pejuang pembebasan nasional digambarkan sebagai extremist dan musuh negara oleh penjajah British. Ramai pejuang kebangsaan ditahan di bawah undang-undang zalim dan undang-undang itu seperti ISA terus digunakan untuk menentang rakyat yang mengkritik kerajaan selepas merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional kini jelas hendak mengekalkan warisan ini yang dipusakai daripada kuasa-kuasa penjajah British. Ini boleh dibuktikan oleh apa yang berlaku pada Ahad lalu tindakan keras dan ganas terhadap peserta-peserta perhimpunan aman...

Beberapa Ahli: Haram.

Tuan Tan Kok Wai: ..pada hari Ahad yang lalu. Logik yang sama yang dipropagandakan oleh Barisan Nasional pada hari ini ialah negara sedang diancam Komunis, diancam golongan pelampau Cina, diancam pelampau Islam dijadikan alasan untuk menggunakan ISA. Sudah pasti 31 Ogos lalu satu hari yang sedih bagi Malaysia apabila Perdana Menteri merendahkan rakyat negara ini dengan ancaman Komunis bagi agenda politik sendiri. Perutusan Hari Kebangsaan oleh Perdana Menteri sering menyebut harapan dan kekuatan rakyat Malaysia tetapi pada tahun ini ia diwarnai dengan ancaman dan tuduhan palsu. Tindakan kerajaan mencerminkan kecenderungan yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, perutusan Perdana Menteri terbukti satu percubaan menghidupkan perasaan benci sesama rakyat dan membakar semangat perkauman antara rakyatnya. Perdana Menteri tidak sepatutnya menuduh sesuka hati akan Suqiu dan melabelkannya sebagai tindak-tanduk Komunis. Hari Kemerdekaan negara atau Hari Kebangsaan adalah satu hari yang disambut oleh setiap rakyat tanpa mengira ideologi, latar belakang parti dan kepercayaan agama. Ucapan Hari Kebangsaan sepatutnya menjurus kepada aspirasi dan isu sebenar masyarakat Malaysia. Ia bukanlah pentas bagi Perdana Menteri memberikan ucapan politik bagi mendapatkan sokongan bagi partinya. Ucapan beliau jelas untuk menyerang parti-parti pembangkang termasuk kumpulan-kumpulan masyarakat sivil. Kita menjangkakan

seorang negarawan seperti Perdana Menteri akan mengutus mesej dan wawasannya bagaimana masalah sebenar seperti masalah pekerja, orang asli, petani, peneroka bandar, pekerja wanita dan lain-lain masyarakat akan dibebaskan dari masalah mencari penghidupan masa kini. Inilah masa bagi Perdana Menteri untuk menggunakan tenaga institusi demokrasi Malaysia untuk melindungi rakyat dan juga membasmi krisis rasuah, nepotisme dan kronisme dalam parti pemerintah yang serius. Kita tidak menjangka ucapan mencetuskan kebencian kaum, memperkecilkan warga negara, percubaan menyenyapkan mereka yang menentang ketidakadilan.

Tuan Yang di-Pertua, kontrak sosial antara kerajaan dan rakyat tidak dihormati. Saya suka memperingatkan Kerajaan Barisan Nasional dan Perdana Menteri bahawa kejayaan mereka dalam pilihan raya lalu bukanlah satu tiket berkuasa mutlak untuk mereka melakukan kekejaman ke atas mereka yang berlainan pendapat dan pandangan, kuasa yang mereka pegang sekarang adalah hasil mandat rakyat kepada mereka supaya membentuk kerajaan ...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak adalah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Sini, sini. Depan, depan, depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tidak nampak ya. Depan, depan.

Tuan Tan Kok Wai: Oh, saya akan beri jalan kecuali Tuan Yang di-Pertua melayankan saya dengan masa injury.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak adalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan perlawanan bola. *[Ketawa]*

Tuan Tan Kok Wai: Minta maafilah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Cakap satu halalah sahaja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Cakap satu halalah sahaja you.

Seorang Ahli: Takutkah?

Tuan Tan Kok Wai: Malangnya setelah bertahun-tahun berkuasa Barisan Nasional masa kini masih terus lalai dengan kelemahannya sebaliknya terus menyekat suara-suara kekecewaan dari berbagai pihak pembangkang, NGO, media dan profesion guaman yang meminta pengekalan kontrak sosial. Kerajaan adalah hamba rakyat. Perannya ialah untuk melindungi hak dan kepentingan rakyat dan bukan untuk mempertahankan kepentingan elit pemerintah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, bukan pelampau supaya menentang apa juga unsur-unsur termasuk Barisan Nasional yang suka memusnahkan keharmonian perhubungan kaum dan perpaduan nasional di negara kita. Marilah kita melindungi demokrasi yang sebenar dan keadilan sosial yang bukan berdiri mempertahankan kepentingan kumpulan kecil sendiri. Kemerdekaan Malaysia hanya akan bermakna bila kita tidak tinggal di bawah sistem tidak adil undang-undang *draconian* dan dalam ketakutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal berhubung pembohongan-pembohongan yang disuarakan oleh para pemimpin MCA dan wakil-wakil rakyat mereka serta sikap tidak bertanggungjawab mereka kerana sengaja mengalihkan perhatian dan minat orang ramai mengenai salah urus tabung kemanusiaan JE. Saya ingin tegaskan di sini bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka kelmarin tidak sempat menyentuh banyak kes tabung JE ini kerana kesuntukan masa dan gangguan-gangguan dalam Dewan. Jadi beliau tidak dapat mendedahkan banyak contoh dan bukti mengenai sebahagian besar tabung JE tidak dimaksudkan untuk penternak-penternak babi yang tulen dan yang menderita akibat serangan virus Nipah, yang menanggung kesengsaraan akibat epidemic itu. Sebahagian besar wang itu pergi kepada orang ramai. Ramai orang yang tidak berkecukupan, yang tidak memerlukannya termasuk pemimpin-pemimpin MCA tempatan. Saya ingin menggesa MCA supaya memikirkan...

Tuan Hoo Seong Chang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kluang berdiri Yang Berhormat Ada yang berdiri Yang Berhormat hendak bagi jalan.

Tuan Hoo Seong Chang: Secara baik, secara baik.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Tan Kok Wai: Tidak seorang pun saya membenarkan kerana masa tidak membenarkan saya.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya akan jelas secara baik. Tidak payah gaduh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin menggesakan MCA supaya memikirkan dalam-dalam dan mendengar suara hati mereka bahawa mereka sendiri sebenarnya tidak melakukan kesilapan dan kesalahan yang mengkhianati hasrat penderma-penderma dan amanah awam.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai: Kesalahan dalam pengurusan pembahagian wang tabung JE ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ...dan seperti yang dinyatakan dalam senarai yang diedarkan...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai: ..kepada ahli-ahli di dalam Dewan terdapat tidak kurang 20 nama ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Cheras...

Tuan Tan Kok Wai: ... mereka yang tidak layak menerima tabung JE.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi ini Tanjong Karang bangun.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Boleh?

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bagi.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ini bagi ceramahkah atau sedang bahas ini? Sedang bagi ceramahkah? Kalau bagi ceramah baliklah ceramah kat kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ini bahaslah. Bahas bagi peluang.

Tuan Tan Kok Wai: Ini disediakan sendiri oleh penternak babi ...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ceramah pergi balik kat kawasanlah.

Tuan Chow Kon Yeow: Apa campur oranglah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Cheras. Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Kalau Tuan Yang di-Pertua memberikan masa yang mencukupi untuk saya, saya mengalu-alukan kesemua minta penjelasan. Tidak ada masalah boleh diatur Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak tanya boleh?

Tuan Tan Kok Wai: Tidak!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed : **Point sahaja. Saya hendak tanya boleh?**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Empat minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Itulah kena pandai guna otak untuk melayan orang.

Tuan Tan Kok Wai: Tambah masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Tanjong Karang.

Tuan Tan Kok Wai: Arahlah mendisiplinkan mereka.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam duduklah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Guna otaklah bagi cukupkan masa baru kata gentlemen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Tanjong Karang.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Bukan apa-apa tulis mahu baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Ikut peraturanlah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Haiya, mahu baca semuakah apa tulis.

Tuan Tan Kok Wai: Jangan berkelakuan samseng.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Cheras ya.

Tuan Tan Kok Wai: Dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Fong Po Kuan: **You Setiausaha Parlimen.**

Tuan Tan Kok Wai: Senarai yang disediakan sendiri oleh penternak babi dan kebanyakan mereka adalah ahli MCA. Senarai ini pula tidak pernah dicabar oleh pihak MCA dengan alasan bahawa mereka tidak langsung layak menerima tabung ini. Saya ingin membuktikan bahawa MCA tidak jujur dan ikhlas, tidak berlaku adil dalam mengendalikan tabung JE. Dan saya faham bahawa reaksi ahli-ahli MCA dalam Dewan ini kelmarin adalah untuk mempertahankan maruah MCA yang semakin merosot di kalangan rakyat Cina di negara ini.

Tuan Hoo Seong Chang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kluang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya hendak berbincang secara dengan baik.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak benarkan kerana tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Sepuluh minitlah tambah satu kosong. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya memerlukan setengah jam lagi kerana banyak bukti salah urus oleh MCA ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap dalam Jawatankuasa nanti ya. Terus, terus..

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin tanya MCA satu perkara sekurang-kurangnya ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh bertanya Yang Berhormat. Bila bertanya itu pasal orang berdiri hendak jawab. Kalau hendak buat ucapan buatlah.

Tuan Tan Kok Wai: Boleh, boleh. Saya menimbulkan di sini mereka boleh menjawabnya di luar Dewan sebab MCA pernah mengumumkan satu tabung pendidikan untuk semua ...

Seoaran Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Timbalan Menteri ini. Timbalan Menteri bangun.

Tuan Tan Kok Wai: ...penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar ...

Datuk Tan Chai Ho: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak boleh.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: **Tidak hendak lalu buat apa tanya.**
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Tan Kok Wai: Untuk satu tabung bernilai RM2 juta ...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tidak bagi tidak payah tanyalah. Bodoh!

Tuan Tan Kok Wai: ..diumumkan oleh MCA...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Tuan Tan Kok Wai: ...dibentukkan untuk pelajar-pelajar, penuntut-penuntut sekolah di kawasan Bukit Pelanduk untuk dimohon oleh anak-anak mangsa-mangsa virus Nipah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Pengumuman itu dibuat September tahun lalu tetapi hingga sekarang tabung yang bernilai RM2 juta ini tidak dibentukkan lagi. Apakah sebabnya? Adakah wang telah pun dikutip tetapi dimasukkan ke poket mana-mana pihak atau ini hanya merupakan satu penipuan untuk memancing undi kerana pengumuman yang dibuat sebelum pilihan raya umum tahun yang lalu.

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat ya.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak ada masa. Kalau memberikan masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Seorang pembantu khas ahli Exco Negeri Sembilan yang kawasannya juga di Bukit Pelanduk pembantu khasnya namanya Ah Pu. Namanya sangat popular sekarang tetapi buruknya, dia dan ahli-ahli keluarganya menuntut sebanyak RM82,000 dengan mempergunakan nama isteri, ibu dan kakak iparnya. Apabila DAP membongkarkan perbuatan ini, Ahli Exco MCA Negeri Sembilan, Dato' Dr. Yau Chai Tiam, barulah cari tiga orang untuk mengatakan bahawa mereka adalah yang menerima wang tabung itu – seorang RM25,000. Sungguhpun pembongkaran dibuat pada 20 Oktober tetapi surat akuan yang dibuat oleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ketiga -tiga penerima itu dibuat pada 3 Oktober....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Tan Kok Wai: Ini membuktikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Tan Kok Wai:ada penyelewengan yang paling serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Tan Kok Wai: Okaylah, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh.

11.42 pagi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan yang lain, mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah ke pada kerajaan terutama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negara 2001 dan kejayaan kerajaan memulihkan ekonomi negara mencapai KDNK 7.5%, diikuti oleh kadar inflasi yang rendah adalah merupakan satu pencapaian yang luar biasa, memandangkan negara-negara jiran yang lain masih belum mampu untuk mencapai pertumbuhan sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang terhad, saya akan membahaskan dua perkara pokok yang menjadi tumpuan utama Belanjawan Negara 2001. Pertama, peranan k-ekonomi dan ICT dalam merangsang pertumbuhan ekonomi. Yang kedua, usaha mempertingkatkan daya saing negara untuk menghadapi cabaran globalisasi liberalisasi ekonomi dunia.

Peranan k-ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita perlu k-ekonomi. K-ekonomi bukan kroni-ekonomi atau keluarga-ekonomi sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tempoh hari. K-ekonomi adalah satu

realiti yang mesti kita terima. K-ekonomi adalah sebagai satu sumber pertumbuhan ekonomi yang baru. Ianya menjamin kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti hidup yang lebih baik. Ianya akan menggantikan pergantungan negara kepada eksport tradisi yang semakin hari semakin tidak dapat menjamin pendapatan yang kukuh kepada negara. Kita tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada eksport tradisi seperti kelapa sawit, getah, koko dan lain-lain.

Kita tidak akan mampu, misalnya, untuk mengeluarkan kelapa sawit dengan kos yang rendah kerana harga buruh dan tanah kita jauh lebih tinggi berbanding dengan kos buruh dan tanah di negara jiran. Getah tidak lagi punyai masa hadapan. Eksport-eksport kita yang lain juga menghadapi saingan dari negara China dan India di mana kos buruh mereka jauh lebih murah. Jadi, kita mesti melihat kepada sumber pertumbuhan baru bagi mendapatkan pendapatan untuk membangunkan negara. Dalam erti kata yang lain, k-ekonomi sebenarnya adalah satu komoditi baru yang akan menggantikan komoditi-komoditi tradisi negara. Justeru itulah, kita tubuhkan MSC, Cyberjaya dan Universiti Multimedia semata-mata menyedari hakikat pentingnya mencari kaedah baru untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan daripada k-ekonomi ini, juga adalah kepentingan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ataupun dengan izin, *Information and Communication Technology* (ICT). Di Amerika Utara dan Eropah, kepentingan ICT semakin meningkat dari segi ekonomi, masyarakat dan juga kerajaan. Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini ataupun ICT ini, dikatakan penting dalam alaf baru ini kerana ICT memperbaiki cara pemerintahan atau dengan izin, *governance* dalam beberapa aspek di dunia ini. Menambahkan keupayaan memerintah dengan lebih efektif dan cepat apabila menggunakan pengetahuan ICT dan ICT adalah sebagai mekanismenya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan perkara-perkara berikut kepada kerajaan bagi membantu pelaksanaan k-ekonomi ini dan penggunaan ICT di negara ini:

- (i) kerajaan seterusnya hendaklah membentuk serta mencipta rangkaian atau dengan izin, *networking* penggunaan ICT di luar bandar, bandar, sekolah dan universiti serta di sektor awam dan swasta di negara ini.

Pada pendapat saya apa yang kurang pada masa ini ialah pembentukan serta pembangunan rangkaian ICT di negara ini. Umpamanya, sebuah *digital city*...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya masa tidak cukup. Tengok, kalau saya cukup masa, saya bagi nanti ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Pasal singkat sangat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Md. Sarit bin Haji Yusoh: Umpamanya, sebuah *digital city* ataupun dalam bahasa Belanda dipanggil Digi Ditaler Stard (DDS) telah ditubuhkan di Amsterdam di mana semua perkhidmatan bandaraya tersebut adalah dikatakan *on-line* serta melalui *networking* ini. Sebuah forum dibentuk di mana satu politik secara sivik telah dibentuk berbeza dengan politik secara tradisional. Selain daripada itu, minit-minit mesyuarat bandar raya tersebut serta mesyuarat kerajaan juga adalah secara *on-line* yang boleh membentuk satu budaya politik yang baru yang memudahkan interaksi di kalangan ahli politik dan juga orang awam.

Dalam erti kata yang lain, kita perlu menggalakkan wujudnya budaya ICT di kalangan semua lapisan masyarakat kita. Kita mahu masyarakat menganggap peranan komputer itu bukan hanya sekadar memproses data tetapi komputer itu menjadi sebahagian daripada hidup mereka. Saya amat yakin, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh laksanakan.

- (ii) Kerajaan mestilah berusaha mengurangkan pembaziran kos melalui penggunaan ICT sepenuhnya. Ini dapat dilihat daripada projek di

Morocco yang dipanggil sebagai *Morocco's Public Administration Support Project*.

Dalam projek ini, semua urusan cukai, pentadbiran dan pengurusan, pemantauan, koordinasi di antara jabatan dan kementerian diselaraskan melalui penggunaan komputer. Penggunaan ICT yang sama telah dijalankan di negara-negara lain seperti Columbia, Filipina, India, Mesir dan Chile. Menurut laporan dunia, melalui *Internet Society Conference* atau dengan izin, INET 96, yang telah diadakan di Montreal, Kanada, penggunaan ICT boleh menjimatkan kos dari segi masa dan wang, memperbaiki koleksi informasi dan pengumpulan data yang lebih tersusun.

- (iii) Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah menambah rangkaian ICT di kalangan sekolah-sekolah luar bandar dan bandar, antara universiti supaya memastikan jurang digital dapat dirapatkan serta memanfaatkan kegunaan ICT sepenuhnya.

Di bawah satu projek yang dikelola oleh kerajaan Chile umpamanya, guru dan sekolah disambung dengan komputer di seluruh negara, terutama sekali di kawasan pedalaman dan luar bandar. Satu pakej yang mengandungi e-mel, simpanan dokumen serta sistem *retrieval* dibekalkan kepada setiap sekolah dan pada masa ini, sebanyak 400 buah sekolah di negara Chile telah dapat menikmati kemudahan ini.

Kalau negara Chile sebagai sebuah negara yang sedang membangun boleh menghasilkan projek seperti ini, tentunya Malaysia boleh lakukan jauh lebih baik daripada negara Chile.

Saya juga ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan supaya meneliti semula dasar pendidikan negara untuk mengambil kira perkembangan k-ekonomi dan penggunaan ICT supaya selaras dan konsisten dengan pelan induk k-ekonomi negara. Ini memandangkan negara akan mengeluarkan kumpulan pekerja yang besar dari lepasan sekolah dan universiti dan mereka ini mestilah dapat membentuk

kumpulan pekerja yang berpengetahuan atau dengan izin, *knowledge based work force*.

- (iv) Program makmal komputer di sekolah-sekolah di seluruh negara, terutama di luar bandar mesti disegerakan. Makmal ini mesti dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan internet.

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, ada sekolah-sekolah di luar bandar yang muridnya 150 hingga 200 orang yang mempunyai hanya dua atau tiga komputer sahaja. Kadang-kadang, dua daripada tiga komputer itu rosak. Satu lagi digunakan oleh Guru Besar. Murid terus tidak ada peluang untuk belajar komputer.

- (v) Memperkemas dan memperkukuhkan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Bahasa Inggeris adalah dengan izin, *digital language*. Bukan bererti menguasai bahasa Inggeris akan membelakangkan martabat dan keutamaan bahasa ibunda. Perkara ini perlu difahami.

- (vi) Mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh golongan muda yang dinamik yang terlibat dalam membina aplikasi-aplikasi ICT. Syarikat-syarikat ini kadang-kadang kekurangan modal dan kemudahan lain.

Multimedia Cooperation (MDC) mesti memainkan peranan mengenal pasti mereka ini dan menyokong mereka. Saya tahu ada syarikat-syarikat kecil seperti ini yang ditubuhkan oleh golongan mereka yang tidak kurang kepakarannya. Mereka ini berkelayakan, mempunyai kesungguhan untuk membina aplikasi-aplikasi baru yang mungkin boleh menguasai pasaran dunia satu hari nanti. Saya berpendapat Tabung Modal Teroka harus melihat usaha-usaha ini.

- (vii) Kerajaan haruslah mencari jalan bagaimana boleh menguasai atau dengan izin, *to acquire* dan mengambil alih sesetengah syarikat strategik luar negara yang terlibat dalam kegiatan mereka dan mencipta teknologi baru di bidang ICT.

Kalau ini boleh dilakukan, begitu banyak kesan ke hadapan atau dengan izin, *forward effect*, bukan sahaja kepada negara keseluruhannya tetapi juga akan memberi peluang kepada anak-anak muda tempatan untuk bekerja dan menimba pengalaman dengan syarikat-syarikat antarabangsa ini. Saya pasti banyak syarikat sedemikian rupa yang boleh diambil alih di luar negara.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mempertingkatkan daya saing negara melalui globalisasi liberalisasi. Daya saing negara bagi menghadapi cabaran globalisasi ekonomi dunia mestilah dipertingkatkan. Walaupun isu globalisasi ini telah hangat dibincangkan di Dewan yang mulia ini, seperti juga ucapan perbahasan saya dalam Belanjawan 2000 dulu, saya masih ingin menekankan pentingnya kerajaan dan rakyat negara ini bersiap sedia untuk menghadapinya. Globalisasi adalah satu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Kita perlu mengubah pemikiran masyarakat kita untuk melihat globalisasi ini sebagai satu *opportunity*, bukan masalah. Kita perlukan satu 'paradigmship' dalam menangani masalah globalisasi ini. Kita tidak perlu takut dan kita harus hadapinya dengan penuh ketabahan, diiringi persediaan yang rapi. Semangat inilah juga yang ditunjukkan dalam belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan perkara berikut kepada kerajaan bagi kita menghadapi proses globalisasi ini.

- (i) Kerajaan mestilah menggalakkan percantuman syarikat-syarikat strategik tempatan seperti syarikat-syarikat yang menjalankan industri getah, sarung tangan, seramik dan lain-lain untuk meningkatkan kekuatan modal dan juga dengan izin, *economic of scale*. Dengan ini, kecekapan akan wujud dan seterusnya mengurangkan kos pengeluaran. Kerajaan telah berjaya sekali menggabungkan bank-bank, syarikat insurans dan penggabungan broker-broker saham iaitu dalam proses dan ini adalah merupakan satu langkah bijak yang dibuat oleh kerajaan.
- (ii) Mewujudkan usaha sama dengan syarikat-syarikat asing dengan tidak melepaskan semua kepentingan tempatan. Usaha yang dibuat oleh

Proton mencari rakan kongsi luar negara adalah juga satu langkah yang bijak. Ini harus dilakukan segera untuk menyelamatkan industri automotif negara. Dengan adanya usaha sama seperti ini, kita dapat menjadikan Malaysia sebagai tempat bagi industri-industri automatif sama ada menjalankan penyelidikan mereka atau mencipta rekaan-rekaan baru. Ini adalah di antara cara-cara serta langkah-langkah kita untuk menangani globalisasi yang semakin nyata.

- (iii) Kerajaan mestilah terus menggalakkan kemasukan pelaburan di sektor pasaran modal di negara ini. Penerbitan bon Malaysia sebanyak USD500 juta di pasaran antarabangsa baru-baru ini adalah satu langkah yang amat bijak. Saya gembira kerana penerbitan bon ini mendapat sambutan yang amat baik daripada pelabur asing dan ini menjelaskan dan membuktikan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang tidak mempunyai kebebasan langsung sepertimana yang didakwa oleh sebuah akhbar antarabangsa baru-baru ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat Rompin.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Sedikit sahaja. Hendak ucap tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat bagi Temerloh kerana bercakap tentang pentingnya negara melibatkan dalam industri berat yang strategik untuk kepentingan negara. Syabas kepada pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh. Seperti dalam Proton, satu pelaburan negara yang penting dalam industri motor dan kereta. Dulu, pembangkang dia pun mengutuk beria tentang ini. Mengapa kerajaan habiskan wang, mengapa kerajaan buat itu, mengapa melibatkan ini tetapi mereka juga yang pakai Proton sekarang ini. Ini macam cara sikap *double standard* seterusnya oleh pembangkang. Hendak tanya pandangan Temerloh, macam mana ini?

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Untuk mentadbirkan negara ini, Tuan Yang

di-Pertua, pemimpin dan kerajaan yang boleh berjaya menguruskan negara, pemimpin dan kerajaan yang mesti mempunyai *vision*, mesti mampu untuk berfikir berbeza dari orang lain berfikir. Jadi, kalau kita mampu berfikir berbeza, jadi kita boleh capai banyak kejayaan. Usaha Proton dan langkah kerajaan mengadakan industri kereta ini, dulu memang mendapat tentangan hebat daripada pembangkang. Hari ini bayangkan kita telah berupaya mengambil alih sebuah industri kereta di luar negara dan memberi pekerjaan yang banyak kepada anak-anak kita menimba pengalaman dan ini yang saya sebut *vision* tadi. Jadi, saya tidak fikir pembangkang negara ini mempunyai visi seperti itu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Hulu Terengganu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya sudah bagi, saya bagilah tetapi Tuan Yang di-Pertua tambah sedikit masa untuk saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada. Saya tidak boleh.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ha, kalau tidak, nanti saya habiskan. Saya habiskan dulu, lepas itu saya buka ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: Habiskan dulu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya bagilah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat bagi Rompin ada silap faham sedikit. Yang sebenarnya kita bukan menentang Proton...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sokong ya, sokong.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: ... tetapi masalahnya ialah *timing* itu tidak kena. [*Disampuk*] Masa pelancaran itu, masa kita buat itu ialah tahun semasa kita mula meleset, pada tahun 1987-1988....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi sokonglah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Jadi, timing itu tidak kena. Kalau masa kita kuat, kita hendak buat projek besar, projek mega, itu kita sokong. Tidak ada masalah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oh, sokong.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih. Saya sudah dapat itu. Ini

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak semua pemikiran pembangkang macam itu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan jawab, Yang Berhormat. Jangan bisung.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, ini yang kata bila kalau tidak mula dulu, kita tidak akan dapat apa yang ada sekarang. Sama juga dengan k-ekonomi ini. Saya sedih sungguh bila saya dengar Ketua Pembangkang kata k-ekonomi ini kroni-ekonomikah, keluarga-ekonomikah? Ini pun masih dipertikaikan kita tidak buat itu, kita tidak buat ini. Kalau kita tidak bermula sekarang, bila kita hendak dapat?

Orang sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan bercakap pasal k-ekonomi lagi. Sudah bercakap pasal *E-market place*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bertanggungjawab.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Lebih *advance* daripada apa yang ada sekarang. Kita hendak buat ini pun dikritik oleh pembangkang. Ini hendak memerintah macam mana ini? *[Tepuk]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi ini.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya habis, saya bagi. Saya bagi. Saya hendak habiskan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tengah sebut pasal bon tadi.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat, ya.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Kerajaan mestilah terus menggalakkan kemasukan pelaburan di sektor modal di negara ini. Penerbitan bon Mala ysia, oh, saya sudah sebut ini.

- (iv) Usaha memantapkan urus tadbir korporat mestilah diteruskan dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Saya amat gembira dalam belanjawan kali ini, Yang Berhormat Menteri telah menekankan pentingnya tadbir korporat yang cekap dan telus. Dengan cara ini sahaja kita dapat meyakinkan pelabur-pelabur luar untuk membawa lebih banyak modal ke pasaran kita.

Saya hendak petik penutupnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana masa sudah begitu suntuk. Petikan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan Belanjawan baru-baru ini yang menyebut, “Cabaran utama sektor korporat ialah untuk beralih ke arah, dengan izin, *self regulatory* bagi memastikan mereka berkembang dalam persekitaran perundangan dan peraturan yang mendorong ke arah kemajuan dan kecemerlangan.”

Saya beri jalan kepada saudara tadi yang hendak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah habis. Cepat sikit.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit berhubung dengan k-ekonomi ini. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam keadaan p-ekonomi pun, jurang antara mereka yang berpendapatan rendah dan berpendapatan tinggi itu melebar. Bagaimana Yang Berhormat cadangkan supaya dalam kita melaksanakan k-ekonomi, apakah kita yakin bahawa jurang yang sedia ada ini dapat kita rapatkan dan bagaimana langkah-langkah yang perlu kerajaan buat? Terima kasih.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak ada pilihan. Kita kena bangunkan sekarang ini sektor luar bandar, anak-anak kita di luar bandar kena dididik, didedahkan dengan komputer, dengan ICT dan hanya dengan cara itu sahaja kita dapat merapatkan jurang antara luar bandar dan dengan bandar dan ini mungkin, bukan tidak boleh kita lakukan Tuan Yang di-

Pertua, saya terkejut baru-baru ini, saya pergi ke satu Mesyuarat JKK di kawasan Parlimen saya. Saya masuk ke bilik mesyuarat JKK, Pengerusi JKK ada komputer depan dia dan semua maklumat itu dicatat, berapa orang miskin, berapa anak tidak pergi sekolah, berapa yang dapat PPRT, berapa luas kawasan tanah dan sebagainya. Ertinya pada hari ini pun masyarakat luar bandar telah boleh menerima untuk menggunakan komputer dan saya yakin sungguh kalau ini sebagai satu tanda permulaan, saya yakin kita boleh laksanakan projek ICT luar bandar, komputer luar bandar ini dengan kadar yang segera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat, ya, sudah habis sudah. Tunggu Pengerusi baru ya, saya

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

12.02 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan Belanjawan Negara untuk menghuraikan dasar-dasar kerajaan dalam semua aspek untuk memaklumkan hasrat kerajaan kepada rakyat. Saya dapat masa untuk memberi jawapan, saya fikir kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP. Tuan Yang di-Pertua, mana Ahli-ahli Yang Berhormat DAP?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mana tahu?

Dato' Yap Pian Hon: Oh tidak tahu? Itulah tabiat dan sikap Yang Berhormat-Yang Berhormat dari DAP, selepas melemparkan tuduhan lepas itu lari daripada tempatnya tanpa mendengar penjelasan. Apa sebab MCA tubuhkan Tabung JE, ini penting. Lepas itu saya akan melibatkan dengan apa sebab PAS tidak setuju untuk campur tangan kerajaan untuk menangani wabak JE pada ketika itu. Ini penting, maklumat dan hakikat yang sebenarnya perlu dijelaskan

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin MCA begitu prihatin terhadap penderitaan rakyat yang menghadapi wabak virus JE ketika itu. Beribu-ribu rakyat yang tinggal di kawasan yang terlibat dalam wabak JE itu begitu susah, menderita,

nyawa terancam, anak-anak tidak dapat pergi sekolah dan saudara-maranya ada yang telah meninggal oleh kerana menghidap wabak JE tersebut.

Pemimpin-pemimpin MCA pada ketika itu sebagai menjalankan tanggungjawab sosial, bertanggungjawab sebagai pemimpin negara terus mengambil tindakan untuk tubuhkan Tabung JE tersebut supaya 'menghulurkan tangan' untuk memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa wabak JE di kawasan-kawasan berkenaan. Pada ketika itu, selain daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, siapakah memberi bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa yang menderita pada ketika itu. Pihak DAP, Ahli-ahli Yang Berhormat DAP di mana tetapi hanya mengeluarkan kenyataan-kenyataan sahaja dan memainkan isu politik dengan menggunakan keadaan begitu teruk itu sebagai cari modal politik sahaja. Saya tidak tahu apa sebab sikap pemimpin-pemimpin DAP yang tidak berperikemanusiaan terhadap mangsa-mangsa wabak JE yang terlibat tersebut.

Dengan demikian itu, dengan adanya kerjasama, pertolongan pemimpin-pemimpin MCA maka tertubuhlah tabung tersebut dan di dalam keadaan ketika itu pemimpin-pemimpin tempatan, cawangan-cawangan MCA dan pihak JKK yang dilantik kerajaan telah bertungkus-lumus untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa tersebut. Adakah pemimpin-pemimpin DAP buat demikian? Adakah pihak DAP memberi pertolongan secara langsung terhadap keadaan demikian sahaja tetapi hanya kenyataan-kenyataan dalam surat khabar sahaja.

Dengan demikian itu, pihak kerajaan begitu prihatin terhadap masalah tersebut, maka pihak kerajaan tubuhkan satu Jawatankuasa Petugas Khas Kabinet bagi menangani wabak JE di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diberi amanah sebagai Pengerusinya kerana Kerajaan Barisan Nasional pada ketika itu begitu sensitif terhadap masalah-masalah dan penderitaan rakyat Malaysia pada ketika itu kerana pihak Kerajaan Barisan Nasional memahami rakyat Malaysia yang telah menghadapi satu keadaan begitu serius hendaklah memberi bantuan maka amanah telah diberi oleh Kabinet untuk melantik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Tetap tetapi malangnya kita tinjau kembali pihak pemimpin PAS, Ketua PAS pada ketika itu dan sekarang sebagai ialah Ketua Pembangkang telah begitu menghina terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri pada ketika itu. Di mana ini isu nasional, *this is a national disaster*. Tetapi pihak pembangkang termasuklah PAS telah mencaci, menghina pelantikan tersebut.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Yap Pian Hon: Tidak bagi, saya tidak ada masa dalam masa 25 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerlun.

Dato' Yap Pian Hon: Ini surat khabar ada sini menunjukkan PAS telah mengatakan Orang Badwi di Tanah Arab jaga unta, Badwi di Malaysia jaga babi, macam mana kata begitu hina kepada seorang pemimpin negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerlun, dia tidak beri laluan.

Dato' Yap Pian Hon: yang telah diberi amanah oleh Kabinet untuk mengetuai Jawatankuasa Petugas Kabinet untuk menangani perkara yang begitu serius yang dihadapi rakyat Malaysia pada ketika itu. Apa pandangan, apa ulasan daripada pihak DAP? Bisu sahaja.

Macam mana hari ini dia kata memperjuangkan kepentingan mangsa-mangsa JE tersebut maka itulah ternyata bahawa pemimpin-pemimpin DAP memainkan politik sebagai mencari publisiti murah untuk menarik hati atau menimbulkan sentimen terhadap mangsa-mangsa yang sedang menderita ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini hakikat benar perlu dibangkitkan semula supaya menjelaskan keadaan sebenar pada ketika itu. Dengan adanya Tabung JE yang ditubuhkan oleh pihak MCA telah memberi bantuan secara langsung kepada mangsa-mangsa tersebut. Walau bagaimana tuduhan yang telah dilemparkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, bagi kawasan Cheras, selepas tahu jawapan, selepas jawapan mereka tidak boleh tahan, emosi lagilah. Apa sebab mereka emosi? Apa sebab kita tidak boleh beri peluang kepada pemimpin MCA melalui wakil-wakil rakyat MCA memberi kedudukan sebenarnya.

Jadi dengan demikian, terus kita nampak tuduhan daripada DAP itu memang semata-mata sebagai cari publisiti politik murah untuk mengatasi kemerosotan pengaruh parti tersebut selepas pilihan raya lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kes Tabung JE telah memberi begitu jelas melalui laporan-laporan akaun itu melalui *Price Water House*, satu firma terkemuka untuk periksa. Inilah satu profesional tidak dapat dipertikaikan. Walau bagaimanapun mereka hanya mencari di mana orang-orang keluarkan kenyataan-kenyataan tetapi lepas itu tarik balik kenyataan kerana mereka telah mengakui bahawa mereka telah terima bantuan Tabung JE dari MCA. Tuduhan kepada Ahli Yang Berhormat, Exco Negeri Sembilan tidak patut dilakukan di sini kerana Yang Berhormat Exco tidak ada di dalam Dewan ini. Inilah proses demokrasi. Kalau apa hal berlaku itu, bolehlah bawa ke Dewan Undangan Negeri Sembilan, di hadapannya untuk *confirm* boleh pihak bertemu dengan di hadapannya untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat yang berkenaan untuk memberi jawapan, inilah cara demokrasi tetapi semasa saya menjelas tadi, tiada pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat DAP. Mereka lari dari tanggungjawab untuk mendengar apa yang sebenarnya berlaku Tabung JE itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah, banyak di sini, masalah-masalah pun nyatakan, begitu pihak DAP hanya menyatakan tetapi tidak ditunaikan tanggungjawabnya, tidak jalankan apa yang dikatakan sebenarnya [*Tepuk*] Cakap tidak serupa bikin. Macam mana banyak ini, kalau daripada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap tidak serupa bikin?

Dato' Yap Pian Hon: Cakap sahajalah, tidak buat apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa, siapa cakap tidak serupa bikin?

Dato' Yap Pian Hon: DAP, pihak DAP. Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak kenyataan yang dikeluarkan. Tiap-tiap kali kita tengok, baca surat khabar Cina, banyak kenyataan-kenyataan oleh Ahli Yang Berhormat pemimpin DAP tetapi lepas itu, lupalah. Seperti kes Lim Guan Eng, akaun tidak ada tetapi bekas Bendahari DAP yang juga bekas Ahli Dewan Rakyat, Fong Gek Win pernah tanya, mana akaun itu?

Sebagai Bendahari DAP bukan cakap sahaja tetapi melalui kenyataan Fong Gek Win telah bertanya tetapi mereka menafikan akaun tersebut. Memang wujud tetapi tidak boleh dibentangkan kepada Ahli-ahli DAP untuk menyaksikan atau memberi pemeriksaan. Banyak kes lagi, kes-kes yang telah dihuraikan dalam surat khabar tetapi diam sahaja. Semasa orang tanya, tidak ada wujudnya akaun itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP benar-benar untuk menjalankan tugasnya dengan jujur. Jangan hanya melemparkan tuduhan tidak berasas itu supaya mencari publisiti murah untuk kepentingan politik. Saya anggap juga bahawa Dewan yang mulia ini tempat kita gubalkan undang-undang dan peraturan tetapi Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang tidak ikuti Peraturan Mesyuarat. Inilah menghinakan maruah Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengajar Tuan Yang di-Pertua buat apa tetapi memang kuasa sebagai Pengerusi Majlis itu untuk mempertahankan maruah dan peraturan Majlis ini [*Tepuk*] Semasa beberapa kali yang berlaku di Dewan ini kecoh oleh kerana sikap Ahli Yang Berhormat dari parti tidak mengikuti peraturan Dewan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan, penjelasan daripada Yang Berhormat ini. Adakah Yang Berhormat Serdang mencadangkan agar satu kursus khas dibuat supaya mereka menghayati peraturan-peraturan Dewan. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya serahkan Tuan Yang di-Pertua dan pihak Parlimen untuk mengajurnya. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit kerana saya rasa sedih atas kekecohan yang berlaku di Dewan yang begitu dihormati oleh lapisan masyarakat. Peraturan Mesyuarat telah ditentukan tetapi Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat daripada pihak pembangkang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa yang meluluskan Peraturan itu?

Dato' Yap Pian Hon: Ahli Yang Berhormat Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semualah.

Dato' Yap Pian Hon: Tetapi mereka tidak mematuhi peraturan. Saya pun hairan apa sebab demikian sikapnya kalau Peraturan Mesyuarat telah diluluskan, kita mengikutinya, ini proses demokrasi, kita mesti hormati.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Majlis tetapi nasihat Tuan Yang di-Pertua tidak dihiraukan. Bagaimana untuk memberi satu teladan kepada rakyat? Ahli Yang Berhormat yang dipilih rakyat tetapi memalukan tetapi kita ingatkan Tuan Yang di-Pertua bahawa rakyat kawasan yang di kawasan parti pembangkang telah memilih mereka jadi wakil rakyat hendaklah timbang dua kali ini kerana inilah [Tepuk] Tidak hormati Dewan yang mulia ini, tidak hormati Peraturan Mesyuarat dan tidak hormat Tuan Yang di-Pertua. Ini antara sikap yang sepatutnya hendaklah ditinjau semula

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya... masa tidak berapa..., saya rasa satu perkara penting....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung

Dato' Yap Pian Hon: Soal kehadiran pendatang haram telah timbulkan masalah ekonomi, kesihatan dan sosial di negara kita ini. Rasa bimbang dan khuatir rakyat Malaysia ternyata laporan *mass media* telah membuktikan betapa serius ke atasnya. Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah masalah itu nanti tidak dapat dikawal pada waktu ini. Pegawai Kanan Polis ditembak, dibunuh, anggota-anggota polis diserang. Harta benda dan nyawa rakyat jelata diancam oleh pendatang asing. Di samping itu setengah-setengah tanah kerajaan dan tanah swasta telah diceroboh masuk untuk membina rumah-rumah haram. Tindakan tegas perlu terus diambil oleh pihak kerajaan untuk membanteras kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, pendedahan melalui kegiatan-kegiatan penyeludupan warga asing ke negara kita membuktikan memang adalah wujud sindiket yang menguruskan kegiatan ini. Ini merupakan satu cabaran kepada pihak kerajaan dan kegiatan ini perlu juga diambil tindakan bagi menghapuskannya. Setiap tahun Malaysia membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan pendatang haram yang diberkas dihantar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Satu lagi, saya mintalah [*Disampuk*] Ini bukannya.... Saya mesti mematuhi, tunggulah, biarkan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dahulu. Sabar, sabar. Jangan emosional sebab saya berikan banyak perkara yang berkaitan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat DAP atau PAS itu sebab mereka tidak dapat satu prioriti yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah cakup banyaklah.

Dato' Yap Pian Hon: kerana bercanggah politiknya, jadi masalah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Terap.

12.19 tgh.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk melahirkan perasaan kesal terhadap ucapan akhir wakil Yang Berhormat bagi Kuala Pilah yang mendedahkan kejahilannya terhadap agama Islam yang beliau anuti.

Walaupun sudah berumur tetapi nampaknya beliau masih lagi berkeinginan untuk menggoda, sebab itu beliau mengatakan menggoda itu tidak berdosa. Biasa tidak berdosa tetapi amalan berdosa. Ini saya dan kawan-kawan saya, apabila menerangkan sesuatu hukum, kami berdasarkan kepada ayat Al-Qur'an. Barangkali wakil ini tidak pernah membaca ataupun tidak faham kalau dia baca. Firman Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] Surah An-Nur, ayat 30 dan 31 Yang bermaksud, jadi beritahulah kepada sekalian orang mukmin supaya mereka memelihara pandangan. Pelihara pandangan itu menguratlal, maksud di sini. Jadi mengurat tidak boleh, berdosa. Memelihara pandangan mereka dan kehormatan diri mereka kerana itu adalah lebih suci untuk jiwa mereka. Sesungguhnya Allah S.W.T maha mengetahui tentang apa yang kamu lakukan dan beritahulah juga kepada kaum wanita yang beriman supaya mereka sentiasa memelihara pandangan mereka dan

janganlah sekali-kali mereka mendedahkan aurat mereka. Ada di antara kalangan yang boleh jadi termasuk juga Yang Berhormat bagi Kuala Pilah ini bersekongkol dengan *Sisters In Islam* yang mengatakan tutup aurat tidak penting sebab ini di luar lain dan di dalam lain.

Saya hendak menarik perhatian sidang Dewan ini, kalau kita tengok buah manggis itu, kalau tampuk lima, isinya mesti lima, tidak jadi enam. Jadi, oleh sebab itulah lahir itu adalah merupakan saranan cermin daripada batin, kerana demikian Allah subhanahu wataala mengingatkan supaya yang disebutkan yang luaran itu mesti dijaga kerana itu adalah mencerminkan dalaman. Jadi, saya mintalah kepada siapa juga yang hendak bincang tentang agama ini biarlah ada asas dan kefahaman yang mendalam. Kalau tidak, tidak usahlah, bagi orang lain bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan ini. Menurut angka yang dibentangkan oleh beliau, per kapita rakyat telah meningkat kepada RM12,881 iaitu suatu tahap yang dibanggakan oleh semua penyokong Barisan Nasional.

Oleh itu, tumpuan khusus akan diberi kepada usaha merangsangkan pertumbuhan ekonomi, melaksanakan intensif strategik, mempertingkatkan daya saing negara serta menguruskan agenda masyarakat penyayang. Bagaimanakah usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat, walaupun ada leinginannya tetapi saya nampak ia tidak dianggap sebagai satu tumpuan khusus dan ia nampaknya hanyalah sebagai satu usaha sampingan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, purata pendapatan rakyat di luar bandar masih di bawah paras kemiskinan. Saya telah banyak kali menyatakan keluhan rakyat di luar bandar di Dewan yang mulia ini. Pada hari ini saya sekali lagi ingin menyampaikan rintihan mereka agar semua wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat menduduki kerusi Parlimen ini berbahas dengan jujur bagi mendesak kerajaan khususnya para pemimpin agar mereka benar-benar berasa kasihan kepada rakyat di luar bandar dengan menentukan langkah-langkah yang lebih agresif untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan Datoh bangun.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Masa sedikit sangat, kita bincang di luar lebih baik saya rasa, ya. Okay, okay.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat sebutkan tadi tentang kebanyakan masyarakat luar bandar berada di bawah garis kemiskinan dan mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ada peratusan tertentu yang kecil sahaja jumlahnya yang masih lagi berada dalam garis kemiskinan yang dipanggil dalam istilahnya, "*hard core poor*". Boleh tidak Yang Berhormat jelaskan berapa peratus sebenarnya "*hard core poor*" ini supaya masyarakat tidak keliru dengan kenyataan itu? Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya akan jelaskan dengan harapan Yang Berhormat akan mengikut semua ucapan saya ini. Jawapannya terdapat di sana. Untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar yang bergantung kepada hasilan getah, padi, kelapa – kelapa Yang Berhormat sudah bangkitkan sebiji tiga sen sahaja, kelapa dan kelapa sawit yang kini mengalami kemerosotan harga ke paras terendah. Akibatnya ada di antara mereka yang makan hanya untuk mengalas perut sahaja.

Minggu lepas apabila saya balik ke kawasan saya di Padang Terap, ada hamba Allah yang mengadu kepada saya, mereka terpaksa membeli sekilo beras yang elok dan tiga kilo beras 'kemukut' yang hancur itu untuk dicampur dengan beras yang elok supaya ia jadi banyak selepas itu barulah ditana k. Mereka terpaksa berbuat demikian kerana anak ramai Sekarang musim hujan, getah murah, apa yang kami boleh buat kata mereka, selain dari tindakan seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi keluarga ini dan sebilangan besar penduduk luar bandar yang lain amat jelik mendengar cerita keindahan Putrajaya yang mendapat peruntukan RM2.3 bilion sedangkan Kementerian Pertanian hanya mendapat peruntukan RM1.2 bilion. Dari RM1.2 bilion itu, berapa ringgitkah yang akan dapat dinikmati oleh para petani miskin seperti mereka. Hati mereka terasa bagaikan dihiris sembilu apabila mendengar bahawa kerajaan mendapat tambahan pendapatan sebanyak RM4 bilion pada tahun 1999 dan dijangka sebanyak RM7 bilion pada tahun

2001 melalui cukai Petronas sahaja apabila wang itu yang sebahagiannya dibelanjakan untuk mengurus Menara Berkembar dan Dayabumi yang menjadi “gajah putih” di tengah-tengah ibu kota.

Yang sedihnya, apabila PAS mencadangkan urusan ekonomi mesti diurus mengikut dasar Islam seperti yang disebut oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran, [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*agar kekayaan negara tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya di dalam masyarakat kamu*”. Orang UMNO mengatakan PAS menggunakan ayat Al-Quran untuk tujuan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah sedar bahawa tugas dan tanggungjawab pemimpin ialah untuk membela rakyat dengan mengagih kekayaan negara secara adil dan saksama bagi melahirkan keadilan sosial yang menjadi tonggak kemakmuran dan kesejahteraan insan. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang bermaksud: “*Sesungguhnya keadilan sosial pasti tidak boleh dicapai kecuali setiap rakyat diberi hak dan dengan saksama untuk menikmati segala kekayaan negara*”.

Ini tugas pemimpin, tugas wakil rakyat di dalam Dewan ini untuk membuat polisi yang boleh menjamin keadilan dan kebebasan bersuara, kemantapan sistem kehakiman serta kestabilan ekonomi, politik dan sosial. Kita mesti ingat bahawa para pemimpin tidak boleh menyalahgunakan kuasa, merobek perjanjian, mengambil kesempatan untuk memperkayakan diri sendiri, kaum keluarga dan kroni-kroni, mengintip atas tujuan untuk mengekalkan kuasa kerana semuanya itu dianggap menipu.

Rasulullah s.a.w pernah memberi ingatan dengan serius kepada para wakil yang dilantiknya untuk mengurus masalah rakyat dengan mengatakan [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Sesiapa juga wakil yang telah dilantik untuk mengurus masalah rakyat dan mati dalam keadaan menipu rakyat, Allah pasti mengharamkan mereka masuk syurga*”.

Saya ingin bertanya kepada para pemimpin Barisan Nasional, atas alasan apakah mereka nafikan hak wakil rakyat pembangkang? Atas tujuan apakah mereka melantik “*exco terbang*” yang dikenali dengan “*exco angkat*” untuk memantau semua kegiatan di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang? Berasaskan undang-undang manakah mereka memberi kuasa mengagih peruntukan wakil rakyat

kepada ketua UMNO bahagian di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang? Inilah ciri-ciri rakus dan angkuh para-para pemimpin Barisan Nasional.

Saya menyeru supaya para pemimpin Barisan Nasional sentiasa menghormati Perlembagaan Negara dan lunas-lunas demokrasi, peliharalah sistem perundangan supaya rakyat tidak terus teraniaya dan biarlah mereka bersuara kepada rakyat. Janganlah menggunakan kuasa ketika rakyat memohon keizinan untuk menyuarakan rasa hati mereka dengan aman.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu bersuara dan akan terus bersuara bagi melahirkan tidak rasa puas hati mereka terhadap dasar pemerintahan yang tidak telus. Pengagihan kekayaan yang tidak setara sehingga menyebabkan jurang yang memisahkan antara kaum semakin melebar. Contohnya, pada ketika para pemimpin UMNO memukul canang, mewar-warkan kejayaan mereka, memartabatkan bangsa Melayu hingga ke arena persada antarabangsa, statistik menunjukkan bahawa orang Melayu kini berada pada tahap terendah jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Dalam kalangan 20% kelompok atasan di negara ini, Cina 33%; India 24% dan Melayu 22%. Dalam kelompok golongan menengah yang terdiri daripada 40% populasi negara, Cina 46.5%; India 43.3% dan Melayu hanya 38%. Sementara dalam kelompok golongan bawahan yang meliputi 40% populasi negara; Cina 20%; India 28% tetapi Melayu adalah 48%. Itulah martabat Melayu yang didaulatkan oleh UMNO selama kira-kira 43 tahun iaitu sejak negara mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam muka surat 52 teks ucapan beliau. Di situ beliau menyatakan:

“Tetapi amat malang sekali bagi kita sekiranya terdapat golongan yang mendakwa meneraju Islam sebagai addin, menganjurkan perpecahan di kalangan umat sendiri sedangkan kerajaan memupuk perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Ada pula puak-puak dan juak masih rancak menyebarkan fitnah, dusta dan nista

bagi menyemarakkan sifat kebencian sesama sendiri dan juga di kalangan masyarakat.”,

Ini quotation.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tuduhan itu ditujukan kepada PAS. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin melaporkan bahawa ada di antara penceramah UMNO yang berceramah di Padang Terap minggu lepas sewaktu saya balik, membuat kenyataan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ya, bahawa perkataan ‘PAS’ itu adalah dalam Al-Quran, lalu beliau membaca, [*membaca sepotong ayat Al-Quran*], jadi, beliau mentafsirkan perkataan “fasik” itu ialah PAS. Pada hal maknanya yang sebenarnya ialah fasik - orang menderhaka kepada Allah s.w.t. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*adakah orang yang beriman itu sama seperti orang yang fasik, mereka tidak sama. Orang yang beriman dan beramal soleh, mereka ditempatkan di syurga sebagai ganjaran terhadap amalan baik mereka yang mereka kerjakan ataupun orang yang fasik mereka ditempatkan ke dalam neraka*”.

PAS berjuang untuk menghapuskan setiap amalan judi. Apakah amalan itu fasik? PAS memperjuangkan sistem ekonomi Islam, politik Islam, apakah itu amalan fasik? Saya menyokong hasrat kerajaan untuk membangun bersama Islam dan menyokong juga peruntukan sebanyak RM204.79 juta untuk JAKIM. Saya berharap peruntukan itu dapat digunakan sepenuhnya untuk membangunkan ummah bersama Islam. Bagi mencapai matlamat tersebut, saya berharap supaya JAKIM ditadbirkan oleh golongan yang berprofesional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Sedikit lagi. Supaya program pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial benar-benar menjadi kenyataan dan berfungsi sehingga dapat menyelesaikan ribuan ibu-ibu yang kini sedang menunggu penyelesaian terhadap tuntutan nafkah, fasakh dan sebagainya kerana mereka telah ditinggal oleh suami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Oleh kerana masa tidak mengizinkan, hanya sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

12.35 tgh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bintulu ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan 2001 yang ternyata mesra rakyat dan mesra k-ekonomi.

Belanjawan 2001 ini sesungguhnya memberi rakyat Malaysia satu harapan dan arah baru serta yang menyediakan satu platform bagi kerajaan menangani cabaran baru dalam sektor ekonomi dan sosial. Belanjawan ini menunjukkan sikap keterbukaan atau, dengan izin, *openess* kerajaan dalam memberi peluang kepada rakyat supaya terlibat secara langsung dalam rancangan yang telah diatur oleh kerajaan.

Salah satu agenda utama negara kita menurut Belanjawan 2001 ini ialah menyediakan tenaga kerja yang bertaraf dunia dalam menyeru cabaran era k-ekonomi di mana ia berasaskan ilmu dan pengetahuan yang bertarafkan teknologi maklumat dan komunikasi. Saya percaya dalam kita menempuhi era k-ekonomi kita perlu bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan *market force* yang bersifat *neocolonialism* yang datang bersama negara kita.

Oleh itu, tindakan kerajaan untuk memberi penekanan kepada k-ekonomi amatlah tepat pada waktunya dan perlu dilaksanakan segera. Namun demikian, berjaya atau gagalnya Belanjawan 2001 ini banyak bergantung kepada perlaksanaannya oleh kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan kerajaan. Kerap kali kita mendapati perbelanjaan yang dibuat oleh jabatan-jabatan kerajaan tidak sampai kepada objektifnya dan ada kalanya peruntukan tidak digunakan sepenuhnya.

Saya mendapat tahu projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ke-7 hanya dapat dilaksanakan 65% sahaja. Bagi 35% gagal dilaksanakan dan terpaksa di *carry*

forward, dengan izin, dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Kegagalan ini mungkin kerana ketidakmampuan kita atau satu perkara yang disengajakan. Saya harap faktor sabotaj tidak menjadi elemen dalam hal ini. Saya juga harap wang yang diperuntukkan untuk sektor-sektor tertentu akan dibelanjakan seberapa segera tetapi dengan penuh berhemah. Ini penting bagi memastikan belanjawan kali ini dapat membantu rakyat dan kerajaan meneruskan agenda pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan belanjawan ini, izinkan saya menyentuh mengenai Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Sejak akhir-akhir ini, beberapa laporan akhbar mengenai kerugian MAS beratusan juta ringgit telah mengejutkan kita. Soalannya, bagaimanakah MAS terus-menerus mengalami kerugian? Adakah kerana MAS selalu memberi perkhidmatan percuma kepada orang ramai yang ingin terbang dengan pesawat MAS atau kemungkinan.....

Tuan Mokhtar bin Radin: [*Bangun*]

Dato' Seri Tiong King Sing: Beri peluang habis dulu.

Tuan Mokhtar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu, kawan saya. Saya mendapat laporan sama dengan Yang Berhormat bahawa MAS kerugian sedangkan perjalan domestik daripada Sarawak ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke Sabah, penuh sahaja, kadang-kadang susah dapat tempat duduk. Ia hendak naik lagi harga tambang tetapi ia kata rugi. Apa pandangan Yang Berhormat dari segi perhubungan, integrasi nasional sekiranya tambang ini dinaikkan mungkin akan mengakibatkan perjalanan masyarakat daripada Sarawak, daripada Sabah ke sini sudah kurang kerana tidak berkemampuan. Adakah Yang Berhormat setuju tambang ini dinaikkan atau tidak?

Dato' Seri Tiong King Sing: Memang tidak setuju. Ada kemungkinan terdapat elemen-elemen *mismanagement* dalam pengurusan syarikat ini. Sejak akhir-akhir ini kalau kita perhatikan, MAS cuba, dengan izin, *cut corner* dalam banyak perkara. Sebagai contoh, kualiti perkhidmatan dan makanan di atas pesawat semakin merosot. Ramai orang mengadu kualiti makanan sudah menjadi begitu buruk. Apakah tindakan yang sesuai MAS perlu lakukan dalam mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sudah sampai masanya untuk kerajaan masuk campur dan menyelamatkan MAS dari menjadi bahan ketawa dalam *airline*

business. Orang ramai berhak untuk mengetahui dari aspek manakah MAS mengalami kerugian.

Selain dari itu, saya juga ingin membangkitkan isu pembelian insurans untuk pesawat-pesawat MAS. Adakah benar MAS menggunakan khidmat sebuah syarikat persendirian sebagai perantaraan untuk membeli insurans bagi pesawatnya dari syarikat insurans, *The Life* sedangkan ia sebetulnya berurusan terus dengan klien tanpa ada orang tengah? Apakah benar syarikat persendirian itu mendapat komisyen lumayan di atas *expenses* MAS?

Apakah benar hubungan pihak pengurusan MAS dengan kakitangannya begitu buruk sehinggakan 24 juruterbang MAS berhenti untuk bekerja dengan Asia Air dan Korean Air? Apakah *contingency plan*, dengan izin, yang disediakan oleh MAS apabila juruterbang-juruterbang ini berhenti? Tidakkah MAS cuba duduk berbincang dengan kakitangan bagi mengatasi masalah mereka?

Saya ingin menggesa MAS supaya lebih *transparent* kerana ia merupakan sebuah syarikat awam. Ia mempunyai tanggungjawab sosial untuk memberi jawapan kepada orang ramai. Malah ada khabar angin yang mengatakan bahawa MAS menghadapi masalah kewangan tetapi Ahli Lembaga Pengarahnya masih berlagak mewah.

Saya berpendapat ada sesuatu yang tidak kena kerana ia menanggung rugi tanpa berbuat apa-apa untuk memperbaiki imejnya. Apa yang menyedihkan lagi ialah MAS mahu mengambil jalan mudah bagi menangani masalah ini dengan adanya ura-ura menaikkan tambang MAS sehingga 50%. Sebaliknya, MAS masih mahu meneruskan keadaan sebegini sudah tentulah imej MAS akan turut menjunam jatuh.

Dari itu, saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan seberapa segera bagi membetulkan keadaan. Oleh yang demikian, bolehkah kami mencadangkan supaya satu suruhanjaya khas diwujudkan bagi menyiasat kerugian dialami oleh MAS?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gaya bangun.

Datuk Yong Teck Lee: Saya memang setuju dengan cakap-cakap Ahli Yang Berhormat bagi mengenai masalah MAS di mana penumpang di Sabah dan Sarawak kemungkinan cannot subsidise pesawat-pesawat ke luar negeri. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai cadangan supaya ketua eksekutif MAS ini dilantik daripada orang luar negeri dan bukan lagi orang Malaysia. Adakah Ahli Yang Berhormat ada pandangan dalam perkara ini?

Dato' Seri Tiong King Sing: Saya ingat dalam Malaysia ini bukan kata semua tidak boleh buat. Ada kemungkinan kita boleh cadang tukar ketua eksekutif dahulu. Beri peluang dahulu kepada orang Malaysia, jangan beri peluang dahulu orang luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Belanjawan 2001 ini saya juga ingin menyentuh mengenai hospital-hospital di Sarawak terutama sekali di Bintulu yang menghadapi kekurangan tenaga kerja yang kritikal bagi mendapatkan pakar, doktor, medical officer dan jururawat. Telah banyak kali Menteri Kesihatan menyatakan bahawa hospital kerajaan kekurangan tenaga kerja kritikal, tetapi apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menaikkan elaun kritikal bagi doktor dari RM115 atau 5% dari gaji mereka kepada...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing: Nanti saya habis sentence itu ya - kepada RM500 secara tiap-tiap bulan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya hendak minta penjelasan berhubung dengan Kementerian Kesihatan ini, saya pun tertarik juga apabila Yang Berhormat bagi Gaya menyebut tentang CO MAS. Memang kita setuju di kalangan tokoh-tokoh korporat seperti Yang Berhormat pun boleh juga kalau dicuba. *[Ketawa]* Persoalan saya tentang pakar, doktor, ada ura-ura kalau boleh kita bawa masuk daripada kalangan doktor di Indonesia, mungkin belanjanya murah. Tetapi saya fikir mungkin halangan sekarang ialah di pihak JPA. Jadi, kita haraplah supaya perancangan ini disegera dan dipercepatkan supaya lebih ramai tenaga kesihatan, doktor yang boleh dibawa masuk ke negara ini. Ini bagaimana pandangan Yang Berhormat, bukan setakat di Sarawak

sahaja, ini berlaku di mana-mana, contoh di Kinabatangan, di Larut dan tempat-tempat yang lain.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih. Saya memang setuju, harap JPA akan uruskan secepat mungkin.

Saya berpendapat bahawa ini adalah salah satu caranya untuk mengekalkan mereka di jawatan kritikal di hospital kerajaan terutama sekali di hospital-hospital di luar bandar seperti di Sarawak.

Selain itu, saya ingin menggesa Kementerian Kewangan supaya memberi pertimbangan khas dengan menilai semula struktur gaji untuk kakitangan polis, tentera, guru dan kesihatan. Keempat-empat sektor ini adalah amat penting dan kritikal. Polis dan tentera adalah penting bagi memelihara keamanan. Guru adalah penting bagi menjamin masa depan pendidikan negara. Dan sektor kesihatan adalah penting bagi memastikan kesihatan orang ramai terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan ini juga saya ingin menyentuh mengenai layanan kakitangan hospital terhadap orang ramai terutama sekali kepada orang miskin dan tidak berpendidikan. Saya berpendapat doktor dan jururawat haruslah mesra dengan rakyat dan mereka tidak bersikap dingin terhadap pesakit. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan memberi kursus *courtesy* yang mementingkan human relation. Ini adalah penting bagi memperbaiki imej hospital.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Seri Tiong King Sing: Oh, sikit lagi. Selain itu, layanan yang baik haruslah diberikan kepada pesakit-pesakit yang kurang fasih bercakap dalam Bahasa Malaysia. Kerap kali pesakit berbangsa Cina atau Iban yang tidak menceritakan keadaan sakitnya tidak dilayan dengan baik. Masalah komunikasi sering terjadi dan ini menyukarkan keadaannya berkomunikasi. Oleh itu, bolehkah Kementerian Kesihatan memberi perhatian terhadap masalah ini, dan membenarkan saudara-mara pesakit yang boleh bercakap Bahasa Malaysia untuk accompany pesakit berjumpa dengan doktor. Apakah mungkin doktor dapat mencari jururawat yang boleh berbahasa Cina atau Iban menjadi translator semasa pesakit dirawat.

Di samping itu, saya minta jabatan-jabatan kerajaan supaya menghapuskan semua *red tape* dalam proses pentadbiran mereka. Sebagai contoh, sejak Hospital Bintulu dibuka pada 21 Mei 2000 ia masih belum mempunyai kantin dan ini menyukarkan orang ramai yang terpaksa berulang-alik tiga kilometer untuk membeli makanan di Bandar Bintulu. Saya mendapat tahu pihak pentadbiran hospital masih memohon kelulusan tender dari Kementerian Kesihatan atau Kementerian Kewangan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya faham tentang keperluan Bintulu dalam perkhidmatan kesihatan sebagai bandar yang sedang pesat membangun sebagai sebuah industrial area. Bintulu menyumbang 5% dari nilai eksport negara dalam bentuk liquid, natural gas, petroleum dan urea pada tahun 1999.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Seri Tiong King Sing: Dua line sahaja. Dengan keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, sememangnya justify. Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kepada saya peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Dengan ini, saya mohon menyokong Belanjawan 2001. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Subang.

12.51 tgh.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berucap atas Anggaran Belanjawan 2001. Pada masa yang singkat saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja khasnya jentera pelaksanaan. Saya ingin menyentuh sedikit, pertama, Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2001.

Menjana hasil pendapatan merupakan satu tugas yang amat sukar. Kerajaan telah mengambil satu langkah yang amat berani untuk merancang penjanaan pendapatan sebanyak RM91 bilion. Tanggungjawab ini adalah amat berat, lebih-lebih lagi pada tahun 2001. Ini kerana pada tahun 1999 pendapatan yang dihasilkan adalah sebanyak RM58.68 bilion. Pada tahun 2000 pula jumlahnya ialah RM63.51 bilion. Pendek kata, hasil pendapatan meningkat kepada 7.5% tahun 2000, 8.8% tahun 2001. Ini merupakan peningkatan sebanyak 16% daripada tahun 1999 kepada tahun 2001.

Bayangkanlah betapa sukarnya bagi sesiapa pun meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 16% dalam jangka masa dua tahun. Apatah lagi kalau kita beranggapan pemulihan ekonomi tidak berlaku seperti yang dikatakan oleh pihak tertentu.

Maka saya ingin menegaskan di sini bahawa peningkatan penjana hasil pendapatan sebanyak RM91 bilion membuktikan pemulihan ekonomi negara telah berlaku.

Secara amnya, cukai dikenakan ke atas mana-mana individu dan mana-mana sektor korporat akan menjadi satu beban. Walau bagaimanapun, majoriti rakyat Malaysia berpendapat Belanjawan 2001 mengambil kira perasaan rakyat jelata dan diterima dengan baik. Ini jelas menunjukkan Kementerian Kewangan telah berusaha kuat dengan memastikan satu struktur percukaian yang prihatin kepada rakyat. Ini telah dicapai dengan mengadakan rundingan dan juga sesi dialog antara kementerian dan para pertubuhan, agensi bukan kerajaan dan juga sektor swasta.

Di sini kita mesti ingat bahawa Belanjawan 2001 dibentuk selepas mengadakan beratus-ratus mesyuarat serta dialog dengan semua pihak yang berkaitan. Satu perkara penting harus ditonjolkan. Perkara ini adalah struktur percukaian yang dapat menghasilkan peningkatan pendapatan sebanyak 8.8% jika dibandingkan seperti saya katakan tadi dengan tahun 2000. Peningkatan cukai dilakukan secara terpilih dan bukan secara menyeluruh. Struktur ini mengambil kira keperluan rakyat, kemampuan mereka untuk membayar dan faktor sosioekonomi yang lain. Gabungan tindakan-tindakan ini dari segi pengecualian cukai, rebate dan juga pengenaan cukai mencerminkan kematangan kerajaan dan Kementerian Kewangan. Dalam ha-hal tertentu jika perlu pemotongan cukai telah dikuatkuasakan. Ini dilakukan kerana kerajaan memang sensitif terhadap pandangan rakyat. Contohnya, pengecualian untuk pembelian buku, rebate cukai bagi isteri ditingkatkan dan sebagainya.

Kerajaan telah memilih untuk mengurangkan pendapatan cukai berjuta-juta ringgit untuk meringankan beban cukai rakyat. Butir-butir mengenai ini terdapat dalam Laporan Anggaran Hasil 2001, saya amat kagum dengan garis panduan struktur percukaian pada muka surat 39 dan 40. Jumlah rebate dan pengecualian cukai telah bertambah kepada RM725 juta. Manakala percukaian yang ditingkatkan adalah hanya RM320.5 juta. Maka kehilangan bersih hasil pendapatan kerajaan merupakan

RM372.5 juta, satu angka yang amat besar. Penambahan rebate bagi cukai pendapatan individu telah mengakibatkan 1.23 juta orang menikmati faedah ini walaupun kerajaan kehilangan sejumlah RM434 juta. Ini tidak termasuk beribu-ribu orang menikmati lain-lain jenis pengecualian cukai.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Saya tak bagi jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar belanjawan tahunan merupakan satu package menyeluruh di mana terdapat kebaikan untuk majoriti dan juga terdapat beberapa kumpulan tidak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh perkara yang kedua, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2001. Dokumen ini menunjukkan secara menyeluruh statistik terhadap anggaran belanjawan. Jumlah perbelanjaan telah ditetapkan sebanyak RM91 bilion. Pada tahun 1999 jumlahnya hanya RM65.1 bilion. Tahun 2000 pula jumlah RM78 bilion. Ini jelas menunjukkan pertambahan perbelanjaan dalam dasar kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Daripada jumlah RM91 bilion, RM62 bilion atau 68% telah diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi dan RM29 bilion atau 32% untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah ini adalah baik untuk negara yang membangun seperti Malaysia, terutama pada masa kita sedang pulih daripada kegawatan ekonomi tahun 1997-1998. Butir-butir berkenaan semua angka dan pecahan ada di dokumen-dokumen yang dibentangkan.

Apakah maksud ini. Bagi saya, ini jelas menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai satu agenda nasional, satu agenda yang meliputi pelbagai perkara berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial, sekali gus mempertahankannya daripada ancaman daripada luar dan dalam. Belanjawan tahunan adalah salah satu daripada pelan-pelan kerajaan untuk melahirkan agenda nasional. Pelan-pelan ini telah ada dengan kerajaan sejak kemerdekaan 43 tahun yang lalu. Kita mempunyai pelan-pelan yang telah dikenal pasti seperti Rancangan Lima Tahun, Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara, Dasar Pembangunan Nasional, belanjawan tahunan dan yang terkini Wawasan 2020.

Belanjawan 2001 bukan merupakan satu rancangan berasingan daripada agenda nasional, tetapi salah satu unsur penting dalamnya. Tujuan Belanjawan 2001 ialah untuk menguatkan dan menyokong unsur-unsur yang lain dalam usaha ke arah sebuah negara maju menjelang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung pada petang ini.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Subang, sila sambung.

2.32 ptg.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneruskan. Kemajuan yang telah dicapai selama ini di Malaysia merupakan hasil semua rancangan dan belanjawan yang telah dilaksanakan. Seseorang hanya perlu membaca dokumen-dokumen berikut untuk mengetahui kemajuan yang telah dicapai, contohnya Laporan Ekonomi Tahunan yang disertakan sekali dengan belanjawan tahunan dan satu lagi dokumen penting iaitu Kualiti Hidup Malaysia diterbitkan pada tahun 1999.

Kedua-dua dokumen ini memberi kita satu gambaran yang lengkap mengenai agenda nasional dan pencapaiannya. Ini memberitahu kita kejayaan yang telah diperolehi dalam memburu kualiti hidup yang lebih baik sejak kemerdekaan. Kita telah maju agak jauh ke depan dalam bidang pendapatan dan pengagihan, kita telah berkembang jauh dalam bidang pendidikan, kehidupan berkeluarga, kesihatan, pengangkutan, komunikasi, sosial, perumahan dan kehidupan mereka. Semua

kejayaan ini dicapai hasil daripada rancangan dan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Belanjawan 2001 telah dibahaskan selama enam hari, sepanjang enam hari perbahasan ini pihak pembangkang tidak membuat cadangan yang serius bagaimana untuk meningkatkan jumlah hasil pendapatan, bagaimana untuk mengagihkan peruntukan antara perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan dengan jumlah hasil pendapatan ini dan seterusnya bagaimana untuk memperuntukkan untuk setiap sektor.

Tiada sebarang cadangan yang bernas berkaitan nisbah yang berpatutan di peringkat makro penjanaan hasil pendapatan atau perbelanjaan yang merangsang pembangunan yang seimbang. Apa yang saya dengar hanyalah kurangkan cukai dan lebihkan perbelanjaan. Sekiranya idea ini dilaksanakan tahun demi tahun, maka muflislah negara ini.

Dalam kemajuan kita untuk maju ke depan memang terdapat kelemahan serta ketidaksempurnaan. Ini merupakan satu hakikat yang tidak dapat dielakkan, bagi sebarang individu, keluarga, persatuan ataupun bagi sebarang kerajaan, terdapat banyak bidang yang masih ketinggalan, tetapi ini tidak bermakna kerajaan tidak berusaha dalam bidang-bidang tersebut, sebaliknya kerajaan pandang berat terhadap perkara-perkara ini. Ketidakpuasan mengenainya mungkin berlaku kerana terdapat kelemahan dalam jentera pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mana-mana negara, jentera pelaksanaan memainkan peranan yang amat penting. Daripada apa yang telah saya perhatikan setakat ini, perasaan tidak bersetuju dan berdasarkan ke atas kelemahan lebih dikaitkan dengan aspek implementasi, maka saya ingin berucap sedikit perkara ketiga mengenai aspek implementasi ini.

Kenyataan dasar, kenyataan visi, pelan, sasaran dan sebagainya adalah sebenarnya pengisytiharan hasrat kerajaan. Bagaimana hendak mencapai dasar-dasar ini adalah merupakan soal implementasi. Di Malaysia ataupun mana-mana negara lain, sentiasa terdapat satu jurang perbezaan antara apa yang kita ingin capai dan apa yang dapat dicapai dalam masa yang ditentukan.

Apabila aspek-aspek implementasi diserang di dalam Dewan yang mulia ini, saya perhatikan ialah ada jurang perbezaan yang menjadi subjek kritikan. Kadangkala kritikan-kritikan ini dilemparkan dengan penuh rasa benci dan dendam ke atas pucuk pimpinan kerajaan dan juga perasaan caci terhadap perkhidmatan awam. Dan seperti yang dilakukan semalam di Dewan ini, caci mencaci terhadap anggota polis. Kebanyakan daripada kritikan ini ditujukan pada peringkat mikro isu mekanisme implementasi.

Bila saya mendengar kritikan-kritikan ini, saya teringat apa yang telah dikatakan oleh seorang ahli falsafah, semua manusia, beliau berkata, mempunyai impian menjadi manusia yang sempurna dan nilai yang sempurna. Pada halnya adalah sukar mendefinisikan makna sempurna. Seseorang hanya mempunyai impian ini. Manusia juga sedar bahawa walaupun impian itu tidak dapat dicapai dalam hidup sebenar, tetapi kita mesti terus menuju ke arah itu.

Pendek kata, hidup merupakan satu perjalanan untuk mencapai kesempurnaan ini. [*Tepuk*] Pada pandangan saya, secara yang paling baik untuk mengkaji Belanjawan 2001, belanjawan-belanjawan dahulu, pelan serta visi adalah berasaskan falsafah ini. Pendek kata, soalnya ialah bukan mengenai ketidaksempurnaan kerana ini akan selalu berlaku, tetapi adakah kita mencapai kemajuan dalam perjalanan kita ke arah kesempurnaan.

Adakah kita telah mencapai kemajuan yang munasabah pada peringkat makro dan juga pada peringkat mikro. Berapa banyak lagi yang kita boleh buat untuk mencapai lebih kemajuan dalam matlamat kita mencapai kesempurnaan ini. Seperti yang telah saya katakan tadi, Belanjawan 2001 merupakan salah satu daripada rangkaian untuk mencapai agenda nasional yang merupakan satu langkah ke arah matlamat kita.

Mekanisme implementasi yang akan menolong kita dalam perjalanan ini ialah pengurusan perkhidmatan awam. Saya telah dimaklumkan bahawa jumlah kakitangan perkhidmatan awam dalam negara ini adalah lebih kurang sejuta orang dari peringkat atas hingga ke bawah, Kerajaan Barisan Nasional boleh mencipta dasar-dasar tetapi tanpa bantuan perkhidmatan awam implementasi tidak akan menjadi sempurna.

Saya juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam ingin menjadikan perkhidmatan awam salah satu yang terbaik dalam dunia untuk mencapai matlamat ini. Saya pasti mereka akan berjaya satu hari nanti. Tetapi pada masa kini, perkhidmatan awam sendiri sedang melalui proses ke arah kesempurnaan. Ingatlah, negara ini hanya berumur 43 tahun dan begitu juga dengan perkhidmatan awam kita. Pada masa kemerdekaan jawatan-jawatan utama dipegang oleh orang kulit putih.

Pada masa itu, Kerajaan Persekutuan ditempatkan di sebuah bangunan yang hanya empat tingkat dikenali sebagai Rumah Persekutuan. Antara masa itu dan sekarang perkhidmatan awam telah melalui satu proses evolusi daripada hanya beberapa ratus kakitangan, ia telah berkembang kepada lebih kurang sejuta orang. Kakitangan-kakitangan yang berpelajaran perlu dibentuk, latihan dan pendedahan perlu diberi. Latihan semula perlu dilakukan kerana situasi kerap berubah terutama dalam bidang sosioekonomi dan teknologi.

Jumlah penduduk negara bertambah dari lebih kurang 5.5 juta orang sahaja pada tahun 50-an kepada lebih 22 juta orang sekarang ataupun empat kali ganda.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Lagi dua minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Negara ini telah berubah daripada sebuah negara yang berasaskan komoditi kepada sebuah negara industri dan sekarang kepada k-ekonomi. Sebelum ekonomi kita menjadi mantap, kita menghadapi ancaman dan saingan daripada globalisasi dan liberalisasi, namun demikian perkhidmatan awam menangani semua ini. Ini merupakan satu pencapaian yang amat besar dalam perjalanan ke arah kesempurnaan tetapi perjalanan ini masih berterusan dan matlamat kesempurnaan masih jauh.

Mekanisme implementasi dalam negara memang ada kelemahan, pihak pembangkang telah beribu-ribu kali mengutarakan kelemahan ini. Jika anda mendengar kepada semua bidasan ini, sesiapa pun akan membuat kesimpulan perkhidmatan awam, perkhidmatan polis negara ini adalah yang terburuk di dunia ini.

Sebaliknya, saya berpendapat perkhidmatan awam, perkhidmatan polis Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia. *[Tepuk]*

Saya teringat membaca buku *The History of Malaya* oleh Hitton, seorang penulis orang putih. Beliau berkata, jika British meninggalkan Malaya, darah akan mengalir dari utara ke selatan. Pihak British telah meninggalkan Malaya, darah tidak mengalir. Beberapa buku telah diterbitkan mengenai perang Malaya dengan komunis yang telah meramalkan kekalahan Malaya. Malaya tidak kalah, sebaliknya Malaya menang. *[Tepuk]*

Pada suasana tegang semasa konfrontasi dengan Indonesia dan kemudian semasa rusuhan kaum pada 90-an banyak orang berpelajaran berputus asa terhadap Malaysia. Mereka meluahkan perasaan yang hampir sama bila Malaysia menghadapi kemelesetan. Sekarang pihak tertentu dan pihak pembangkang juga meluahkan perasaan yang hampir sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Sedikit sahaja lagi ini. Mereka kata Malaysia akan hancur, Malaysia tidak hancur, sebaliknya Malaysia menjadi lebih kuat *[Tepuk]* apabila Kerajaan Barisan Nasional menjadi tonggak kepimpinan, perkhidmatan awam pula menjadi mekanisme implementasi untuk menghadapi semua cabaran dapat mengatasinya dan terus membawa kita ke tahap sekarang.

Kemudahan asas negara ini telah berubah dengan drastik sehingga pengkritik yang serius pun perlu mengakui kemajuan yang mengagumkan telah dicapai di dalam bidang-bidang seperti jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan, bangunan, hospital, sekolah, universiti dan sebagainya. Dari mana datangnya semua ini dalam jangka masa 43 tahun? Bolehkah kita nafikan peranan yang telah dimainkan oleh perkhidmatan awam dalam pencapaian ini. Kini seluruh dunia harus mengakui peranan kakitangan awam yang bekerja tanpa mengira penat lelah, anggota tentera yang mempertahankan kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar: Setengah paragraf sahaja lagi. Anggota polis yang menjaga keselamatan kita dan Kerajaan Barisan Nasional yang memberi kepimpinan dan tujuan dalam perjalanan untuk mencapai kesempurnaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' K. S. Nijhar: Pihak pembangkang mungkin mengatakan mereka hanya ingin mengkritik Barisan Nasional dan kepimpinannya dan bukan kerajaan dan perkhidmatan awam. Tetapi pada hakikatnya, ia tidak boleh dipisahkan. Kesan daripada semua serangan ini ialah kehilangan maruah perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan polis. Memang terdapat kelemahan yang tidak boleh dinafikan, implementasi boleh dibaiki lagi dengan kritikan yang membina. Tetapi kritikan yang keterlaluan yang tidak berasas hanya akan membawa kemusnahan kepada negara ini dan imej perkhidmatan polis dan perkhidmatan awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat. Habis sudah masa Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' K. S. Nijhar: Baik. Baca habis sekarang. Bak kata pepatah, tepuk dada tanya selera, tanyalah diri sendiri, bagi saya, saya berpendapat kritikan-kritikan ini sangat keterlaluan. [*Tepuk*]

Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya menyokong Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2000. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Tanjong.

2.43 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selepas banyak mendengar hujah dari Ahli Yang Berhormat Subang tetapi ekuiti orang India dalam korporat sektor cuma 0.2% di negeri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, masa berjalan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Belanjawan 2001, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai tajuk Malaysia Baru dari wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik. Selain dari tajuknya konsep Malaysia baru tidak diberi definisi atau penghuraian di sepanjang Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan. Kita cuma buat kesimpulan bahawa Malaysia baru ini akan wujud selepas matlamat Wawasan 2020 tercapai dan belanjawan ini bertujuan untuk menggariskan pelaksanaan rancangan strategik dan menerima premis bahawa apa yang telah dilakukan telah meletakkan Malaysia dalam landasan yang kukuh untuk mencapai status negara maju.

Kita boleh menyaksikan negara telah begitu banyak menumpu perhatian kepada pembangunan hardware dengan melaksanakan rancangan pembangunan infrastruktur yang moden dengan membina lebuh raya dan pelaburan perkhidmatan telekomunikasi dan kemudahan awam, koridor raya multimedia, pusat pentadbiran baru Putrajaya, pusat multimedia Cyberjaya dan KLIA dan juga memajukan negara sebagai pusat kewangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pembangunan fizikal dan terancang ini telah giat dilaksanakan, ini cuma satu basic ground work, dengan izin, yang harus disediakan, tetapi ini tidak menentukan dan memastikan hardware-hardware ini akan membawakan negara ini mencapai matlamat negara maju, tanpa mengambil kira faktor software yang akan mengendalikan hardware ini.

Krisis kewangan Asia pada akhir abad yang lalu, walaupun dikatakan hampir menggelincirkan kita dari landasan yang kukuh itu, tetapi Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan ini juga telah membongkarkan kelemahan-kelemahan dalam struktur ekonomi kita dan menimbulkan pelbagai tandatanya mengenai viability dan feasibility banyak projek infrastruktur utama yang sudah dilaksanakan ataupun tergendala pelaksanaannya akibat kegawatan ekonomi.

Pihak kerajaan selalu merasa bangga kerana dapat melaksanakan projek-projek infrastruktur raksasa mewah mega ini kerana ini dapat melambangkan fenomena pembangunan negara kita. Walaupun ini memberi kesan-kesan psikologi yang bagus, iaitu kita maju dalam pembangunan fizikal, tetapi kita perlu merenung tentang oportuniti kos kepada negara ini, misalnya projek-projek mewah mega ini telah menelan perbelanjaan dan pinjaman bank sehingga sektor-sektor lain seperti

SMI, kurang dapat pinjaman bank untuk membiayai R&D, pembangunan perniagaan dan meneroka pasaran baru dalam ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga faham bahawa pucuk pimpinan negara memberi penekanan yang luar biasa untuk menggalakkan pelaksanaan projek mewah mega ini melalui dasar penswastan kerana kesemua ini menjadi lombong emas kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pertalian rapat dengan pihak pemerintah dalam sistem kapitalisme kroni yang mengembang pesat khususnya di bawah pemerintahan Perdana Menteri sekarang.

Sebelum krisis kewangan pertimbangan utama adalah dari sudut, ia boleh mendatangkan keuntungan yang besar, soal sama ada dari sudut lain, bahawa ia benar-benar viable, feasible dan boleh membawa keuntungan, apakah opportunity kosnya dan sama ada rakyat benar-benar dapat menikmati hasil pembangunan ataupun dibebani tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan telah memaksa kerajaan mengkaji dasar penswastan yang mempelopori pembangunan projek mewah mega. Kegagalan Indah Water Konsortium dan Bakun Dam telah menimbulkan implikasi serius iaitu wang rakyat yang berbilion-bilion ringgit ini perlu digunakan untuk menyelamatkan projek-projek penswastan yang berkecai akibat hutang-hutang yang raksasa juga.

Implikasinya adalah hutang-hutang swasta ditukarkan menjadi hutang dan liabiliti awam di mana kerajaan memaksa pembayar cukai dan rakyat biasa menanggung pembayarannya semata-mata untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni.

Tuan Yang di-Pertua, kesulitan kewangan yang dihadapi oleh IWK dan konglomerat infrastruktur Renong Berhad yang menjadi penerima terpilih projek-projek penswastan telah menampilkan bahayanya penswastan yang berlebihan.

Kita berharap kerajaan kita boleh mempelajari sesuatu daripada krisis kewangan khususnya mengenai dasar penswastan secara berlebihan yang membawa resipi bagi satu malapetaka kewangan. Saya menyeru kerajaan supaya mengkaji semula dasar penswastan supaya dasar ini dapat dihalusi bagi memupuk ketuluan dan persaingan yang lebih sihat supaya kegagalan-kegagalan yang lepas tidak akan

diulangi kerana program penswastaaan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna akan membawa padah dan kesusahan kepada rakyat.

Pembangunan infrastruktur yang terancang sahaja tidak semestinya boleh membawa status negara maju kepada kita. Kita harus memastikan infrastruktur yang terancang itu dapat berfungsi dan memenuhi peranan asal yang diharapkan. KLIA adalah satu contoh di mana projek infrastruktur yang terancang yang dibina dalam era sebelum krisis, kini bukan sahaja tidak dapat menandingi lapangan terbang utama di dunia tetapi tidak dapat menandingi lapangan terbang Bangkok, Singapura dan Hong Kong di Asia Timur. Bukan dari segi jumlah penumpang tetapi juga dari segi kargo malahan pengeksport Malaysia sendiri lebih memilih untuk mengeksport barangan mereka menerusi *Changi Airport* yang boleh sampai ke pasaran global dengan kos yang lebih efektif.

Penumpang yang ingin pergi ke Malaysia atau keluar dari Malaysia juga menggunakan Changi Airport untuk meneruskan perjalanan mereka ke destinasi antarabangsa yang lain. Keputusan British Airway, Qantas, Ansett Airline, Lufthansa dan lain-lain syarikat penerbangan global seperti United American, Swiss Air, Air France dan SAS, semua telah mengelak dari mendarat ke KLIA. Kita harus bertanya, kenapa ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Bangkok sebagai *regional hub* walaupun ia mempunyai lapangan terbang yang tua dan sesak menunjukkan lapangan yang terancang itu tidak semestinya membawa kejayaan. Malaysia Baru yang diidamkan sememangnya tidak boleh mengabaikan revolusi dalam dunia teknologi dan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat yang menjadi teras kepada ekonomi. Walaupun kerajaan mungkin sudah membuat persiapan menyediakan infrastruktur dan meluluskan perundangan yang berkenaan, sudah sampai masanya lebih banyak perhatian dan *political view* untuk memastikan Malaysia boleh meletakkan dirinya sebagai satu *power house* IT dalam dunia. Malaysia sudah mensia-siakan 5 tahun yang lepas [*Disorak*] Untuk membuat persediaan untuk menjadi *power house* ICT dalam dunia.

Pada tahun 1996, DAP telah mencadangkan bahawa Malaysia patut menyahut cabaran teknologi maklumat dengan menjadi masyarakat sebagai objektif strategi

dan wawasan negara untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat *access* kepada IT demi maju dalam ekonomi baru dalam alaf baru. Cadangan-cadangan DAP sekiranya dilaksanakan dalam 5 tahun ini, sememangnya dapat meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang strategi untuk menjadi *power house* IT dalam alaf baru ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Batang Lupar berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Chow Kon Yeow: Masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak bagi, cakap tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sikit sahaja. Saya dengar

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak bagi, bagilah.

Tuan Chow Kon Yeow: Antara cadangannya adalah:

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: ... memastikan *access* kepada lebuh raya maklumat, menjadi menyeluruh kepada rakyat supaya mampu dan relevan kepada setiap pengguna seperti perkhidmatan telefon dan juga televisyen.

Kedua, memulakan pembaharuan dalam pendidikan untuk menggalakkan literasi komputer di Malaysia termasuk menjadikan pembelajaran komputer sebagai mata pelajaran teras dalam kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah, dan membekalkan elektrik kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah supaya mereka boleh mencapai *access* kepada internet. Mewujudkan Kementerian Teknologi Maklumat untuk menjadikan Malaysia pemimpin dunia dalam IT dan juga membentangkan laporan tahunan di Parlimen mengenai pembangunan IT, masalah dan cabaran dalam menggalakkan literasi IT di kalangan rakyat Malaysia.

Juga, dalam rancangan latihan guru khas untuk menjadikan setiap guru sekolah rendah dan menengah komputer *literate* menjelang tahun 2000. Skim pinjaman khas untuk memberi insentif kepada 250,000 guru-guru untuk membeli

komputer. Pakej diskaun khas kepada 250,000 guru-guru untuk melanggan perkhidmatan Internet dan juga kempen IT untuk semua dan melaksanakan program satu komputer bagi setiap keluarga. Tetapi apa yang dicadangkan antaranya tidak dapat dilaksanakan dan kita telah terlepas banyak peluang untuk menjadi pebpor dalam revolusi IT. Kita harus sedar bahawa kita telah mensia-siakan 5 tahun dan kita tidak mampu buat kesilapan yang sama untuk menggunakan masa kita dengan berkesan walaupun kita banyak dengar tentang *rhetoric* mengenai pelan induk k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan ini juga, Menteri Kewangan mengumumkan objektif untuk mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia supaya Malaysia akan mendapat *best brain* tanpa mengira bangsa dan negara asal bagi memastikan negara ini akan mendapat keekonomi yang berjaya. Satu hari kemudian selepas itu Perdana Menteri juga telah memberi ucapan di Hong Kong dan beliau menyuruh rakyat Malaysia yang berada di luar negeri untuk memandang ke negara asal dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kekayaan negara dan rakyat.

Ini satu perubahan sikap yang lama misalnya dalam tahun 70-an dan 80-an, kerajaan sentiasa mengutuk keras rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara asing sebagai rakyat yang tidak patriotik, tidak setia dan anti-nasional dan melebalkan mereka sebagai sampah masyarakat. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menggariskan sebarang strategi bagaimana hendak mencapai objektif menarik *best brains* kerana insentif-insentif yang diumumkan dalam belanjawan nampaknya tidak begitu menarik untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi, yang kerja di luar negara sekarang.

Kerajaan seharusnya mengumumkan berapa banyak ahli profesional asing dari Bangalore ke California. Ia ingin menarik bagi tahun depan dan beberapa tahun yang akan datang dan juga bilangan rakyat Malaysia yang ingin ditarik pulang ke tanah air. Yang sama penting juga, adalah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mencegah masalah *brain drain* profesional ICT yang berlaku sekarang. Singapura kini mengambil berpuluh-puluh ribu pekerja teknologi tinggi dari Malaysia dan kini

mempunyai bilangan yang tertinggi profesional ICT rakyat Malaysia berbanding dengan mana-mana negara asing.

Kini menjadi ujian besar sama ada insentif-insentif yang diumumkan oleh Menteri Kewangan adalah mencukupi dan berkesan untuk menggalakkan pemulangan rakyat Malaysia yang berkemahiran dari negara asing untuk membantu dalam membina k-ekonomi. Adakah Menteri Kewangan cukup yakin bahawa insentif-insentif itu dengan mengumumkan bilangan profesional *high tech* rakyat Malaysia yang kini bekerja di Singapura yang beliau jangka dapat mempengaruhi untuk pulang melalui Tambak Johor.

Kita harus mengkaji apakah impak yang terbesar yang boleh mempengaruhi rakyat Malaysia berkemahiran tinggi yang bekerja di seberang laut untuk pulang sama ada cuma semata-mata faktor kebendaan sahaja ataupun lain-lain faktor seperti kepuasan hati bekerja, *good governance* dan alam suasana demokratik menjadi pertimbangan-pertimbangan yang sama penting. Adakah kerajaan sedar bahawa Malaysia perlu bersaing dengan negara-negara yang paling maju dalam bidang ICT untuk menarik profesional ICT dunia yang terbaik.

Misalnya pada bulan Mei tahun ini, Menteri Luar Jerman telah pergi ke Bangalore, India untuk bersaing dengan lain-lain negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Iceland untuk menarik profesional *source ware* rakyat India. Walaupun kerajaan Jerman telah meluluskan pengeluaran 20,000 kad hijau kepada pakar-pakar komputer asing, ia gagal menarik pakar-pakar ICT India yang lebih memilih Amerika Syarikat. Menteri Luar Jerman, Fisher mengakui bahawa Jerman masih ketinggalan 10 tahun berbanding Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya. Kita berharap bahawa kerajaan akan menimbang untuk juga memberi taraf...., Menteri Kewangan telah mencadangkan bahawa taraf pemastautin tetap diberikan kepada isteri, suami, dan anak-anak yang bukan Malaysia. Jadi, saya bercadang bahawa negara kita Malaysia harus menimbang memberi taraf kewarganegaraan kepada pakar-pakar ICT asing selain mempunyai kepakaran tetapi juga sedia membuat pelaburan dalam sektor ICT di

dalam negara ini. Kalau kewarganegaraan Malaysia boleh diberikan kepada atlet sukan dari China dan Rusia untuk membantu negara memenangi pingat di sukan Komanwel. Dan, itu pun tidak ada kepastian dan jaminan mereka boleh menang sebarang pingat, saya rasa pakar-pakar ICT boleh diberikan taraf kewarganegaraan demi menarik mereka menyumbang kepada pembangunan negara dalam bidang ICT.

Akhirnya saya juga mencadangkan bahawa kerajaan menimbang untuk memulihkan taraf kewarganegaraan kepada bekas rakyat Malaysia yang menjadi pakar dalam ICT dan ingin melabur dalam bidang ini di Malaysia supaya taraf kewarganegaraan mereka dipulihkan di bawah syarikat-syarikat yang ditentukan kelak.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Petaling Jaya Utara.

3.05 ptg.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita membandingkan Belanjawan 2001 ini dengan Belanjawan tahun lepas yang mengecualikan pembayaran cukai pendapatan serta secara terus membawa pelbagai manfaat kepada rakyat mungkin tidak banyak kejutan yang boleh kita perolehi pada tahun ini. Walau bagaimanapun, saya tetap ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan kita kerana telah membentangkan satu belanjawan yang menggalakkan pembentukan k-ekonomi di setiap lapisan masyarakat dan juga kewujudan masyarakat penyayang.

Walaupun bagaimanapun, meskipun ini merupakan satu belanjawan berwawasan jauh tetapi ianya juga mempunyai kekurangannya, oleh itu saya ingin mengemukakan beberapa persoalan dan cadangan dalam pelbagai aspek. Pertama, mengenai sekolah baru yang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita semasa membuat publisiti

di luar menggunakan konsep kepelbagaian budaya kaum, cogan kata *Malaysia Truly Asia*, dengan izin, sebagai salah satu faktor penarik. Ini membuktikan kepelbagaian corak dan budaya rakyat kita adalah satu khazanah masyarakat yang bernilai tinggi. Oleh itu pemeliharaan budaya pelbagai kaum terutamanya budaya yang mempunyai nilai ekonomi adalah perlu dalam arus menuju ke era keekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini semakin ramai ibu bapa kaum Melayu yang menghantar anak mereka belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Salah satu faktor adalah kerana semakin penting peranan Bahasa Mandarin dalam penggunaan di Internet mahu pun bidang ekonomi. Justeru itu, saya sangat bersetuju dengan seruan Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Shah Alam semasa mengambil bahagian dalam pendebatan yang meminta kerajaan menjadikan Bahasa Mandarin sebagai satu bahasa yang harus dipelajari oleh setiap lapisan rakyat. Oleh itu di sini saya ingin menggesa kerajaan supaya memandang berat masalah kekurangan guru Bahasa Mandarin dan membina lebih banyak sekolah rendah kebangsaan (Cina) di kawasan yang mana penduduknya, majoriti adalah kaum Cina.

Seperti mana yang kita semua maklum, kerajaan telah mengarahkan semua pemaju rumah supaya merizabkan tanah untuk kegunaan sekolah dan agama. Sebagai usaha mengimplementasikan kebebasan beragama rakyat yang termaktub dalam Perlembagaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Panduan Perancangan dan Pembangunan edisi terbarunya telah sebut bahawa sebuah lokasi yang mempunyai lebih daripada 2,600 orang penduduk bukan Islam atau 5,000 orang penduduk akan diperuntukkan tanah 0.5 hektar untuk kegunaan tempat beribadat bagi penduduk bukan Islam. Ini jelas menunjukkan semangat kerajaan yang menghormati Perlembagaan dan kebebasan beragama.

Justeru itu, saya ingin menyeru kerajaan supaya dengan semangat yang sama mengagihkan tanah rizab untuk membina semua jenis sekolah, di samping itu meminda keputusan tidak adil yang dibuat oleh seorang bekas Timbalan Perdana Menteri semasa memegang jawatan Menteri Pendidikan yang menentukan tanah rizab hanya boleh dirizabkan untuk mendirikan sekolah kebangsaan sahaja. Kerajaan boleh mempelajari cara pengagihan tanah untuk kegunaan agama dalam menentukan kegunaan tanah rizab sekolah berdasarkan nisbah bilangan dan keperluan penduduk

tempatan. Ini akan dapat membantu dalam mengatasi masalah kekurangan sekolah Cina dan Tamil, malah dapat mengelakkan wujudnya sekolah kebangsaan yang berlebihan. Saya berharap cadangan saya ini dapat diaplikasikan dalam usaha pembinaan sekolah baru di bawah peruntukan Belanjawan tahun 2001 yang baru ini.

Mengenai masyarakat penyayang Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang baru ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM185 juta untuk membela kebajikan golongan orang kurang upaya, warga tua, anak-anak yatim dan fakir. Golongan kurang upaya diberi pengecualian sepenuhnya ke atas semua bayaran rawatan di hospital kerajaan dan bayaran dokumen perjalanan. Duti import dan cukai dijalankan ke atas semua peralatan yang direka khas serta pengecualian duti eksais access sebanyak 50% ke atas kereta dan motosikal nasional.

Selain itu kerajaan juga melalui, dengan izin, *matching grant* memberi bantuan sebanyak RM1 bagi setiap RM1 yang dikeluarkan oleh badan-badan sukarela bagi menubuhkan Pusat-pusat Hemodialisis dan memberi subsidi sebanyak RM50 kepada setiap pesakit yang menggunakan Pusat Hemodialisis badan sukarela.

Kesemua usaha di atas jelas membuktikan kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan rakyat dan keazaman kerajaan untuk membina masyarakat penyayang. Walau bagaimanapun, saya berpendapat dalam usaha membela golongan kurang upaya dan warga tua masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua ketahui kebahagiaan itu bukan bergantung kepada kekayaan atau kekuasaan yang kita perolehi tetapi adalah berdasarkan kepada maruah diri dan kebebasan. Oleh itu, bagi golongan kurang upaya, mereka lebih mementingkan prihatin dan perhatian daripada masyarakat dan juga hak untuk menikmati kemudahan pendidikan, pekerjaan dan segala kemudahan awam. Hari ini, jika kita melihat kepada kemudahan-kemudahan awam yang berada di sekeliling kita, di dapati kebanyakan tempat awam tidak menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur untuk golongan kurang upaya. Meskipun pada kebelakangan ini terdapat kompleks komersial dan pusat membeli-belah yang menyediakan kemudahan awam yang khas untuk orang-orang kurang upaya mengikut syarat yang ditetapkan oleh kerajaan tetapi tidak secara sepenuhnya. Institusi pendidikan yang membentuk tunggak negara dan pejabat kerajaan yang memberi

perkhidmatan kepada rakyat tidak mempunyai kemudahan asas yang disediakan khas untuk golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyampaikan kekecewaan mereka, pada bulan September seramai 20 orang kurang upaya telah membuat demonstrasi di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Mereka mengatakan, kami tidak memencilkan diri daripada masyarakat ini, tetapi pembangunan dan kemajuan masyarakat yang meninggalkan kami. Yang paling mengecewakan kami ialah tangga di bangunan perhentian bas dan teksi kerana orang normal begitu senang bergerak satu langkah tetapi sangat sukar bagi kami, oleh itu kami terpaksa memilih untuk duduk di dalam rumah.

Tuan Yang di-Pertua, golongan orang kurang upaya (OKU) juga perlukan pergaulan, pekerjaan, rekreasi, membeli-belah, menyelesaikan urusan kerajaan, bank dan lain-lain. Akan tetapi kekurangan kemudahan awam bagi mereka telah menimbulkan pelbagai kesulitan. Mereka tidak dapat menaiki bas mahu pun teksi kerana hanya Putra sahaja yang menyediakan kemudahan awam khas untuk mereka. Yang paling menyedihkan ialah kebanyakan tandas awam mempunyai pintu yang sempit manakala lantainya pula tidak cerun. Malah terdapat tandas awam yang menggunakan kaedah mencangkung.

Dari segi pendidikan pula, kemudahan awam di sekolah rendah sampailah ke universiti tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada golongan OKU. Walaupun, agensi pendidikan kita ada menyediakan kelas untuk orang buta, pekak dan kurang normal tetapi tidak mempunyai kemudahan asa yang disediakan khas untuk mereka yang cacat anggota badan. Ini menyebabkan mereka ketinggalan jauh dalam sistem pendidikan dan pada umumnya mempunyai tahap pendidikan yang rendah.

Dari segi peluang pekerjaan, pada tahun 1989, kerajaan telah mengumumkan bahawa 1% peluang pekerjaan di sektor awam disediakan kepada orang yang kurang upaya dan digalakkan ke sektor swasta pada tahun berikutnya.

Di samping itu sektor swasta juga diberikan insentif potongan cukai dua kali ganda dalam penggajian pekerja kurang upaya. Namun pengambilan pekerja kurang upaya masih belum memenuhi kuota 1%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun belanjawan ini telah memberi berbagai keistimewaan kepada golongan orang kurang upaya, tetapi jika kemudahan asas kita tidak menggalakkan mereka bergerak bebas, apakah maknanya jika kita memberi pengecualian sepenuhnya ke atas semua bayaran rawatan perubatan, dokumen perjalanan, duti import dan cukai jalan ke atas semua peralatan yang direka khas serta pengecualian duti eksais sebanyak 50% ke atas kereta dan motosikal nasional sedangkan pergerakan mereka adalah terhad dan tidak dapat menikmati kebaikan yang dibawa oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita ialah sebuah kerajaan yang mementingkan rakyat. Ia telah membuat dasar yang menentukan semua tempat awam dan kompleks membeli-belah harus mempunyai kemudahan asas untuk kegunaan orang kurang upaya tetapi dari segi penguatkuasaan adalah lemah. Justeru itu, saya ingin menyeru kerajaan supaya mempertingkatkan lagi penguatkuasaan bermula dari agensi kerajaan dan pelajaran, membina lebih banyak kemudahan asas yang mampu memberi kesenangan kepada orang kurang upaya misalnya balai polis, jabatan kebajikan, sekolah dan lain-lain tempat awam.

Selain itu kerajaan harus melaksanakan langkah-langkah yang serius untuk mencapai dan memenuhi objektif Kementerian Sumber dan Tenaga iaitu 1% peluang pekerjaan di sektor awam disediakan kepada orang kurang upaya. Di peringkat kerajaan tempatan pula ke semua pusat penjaja harus dirizabkan sekurang-kurangnya satu petak penjaja kepada orang kurang upaya dan diperuntukkan lesen yang percuma.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai golongan warga tua. Mengikut laporan daripada Jabatan Perangkaan Negara, jumlah penduduk negara kita ialah seramai 23 juta dan 6% daripadanya yakni 1.3 juta adalah warga tua yang berumur 60 tahun ke atas. Jika mengikut perkiraan, dengan izin, United Nations Population Fund, dengan izin, pada tahun 2005 Malaysia akan mempunyai 1.6 juta warga tua bersamaan dengan 7.2% daripada jumlah penduduk. Pada tahun 2020 dijangka bilangan warga tua akan bertambah ke 3.2 juta iaitu 9.8% daripada jumlah penduduk pada masa itu. Di samping itu, berdasarkan laporan pada tahun 1997 warga tua yang berumur 60 tahun ke atas merupakan 32% daripada jumlah golongan rakyat termiskin negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod pada tahun 1997 jumlah rakyat termiskin adalah 1.4% daripada jumlah penduduk negara. Memandangkan ekonomi negara masih dalam proses pemulihan, kita boleh menganggap peratusan ini adalah sama pada tahun 2000 iaitu 1.4% bersamaan dengan 332,000 orang. Ini bermakna jika 32% daripadanya adalah warga tua, maka jumlahnya ialah kira-kira 106,000 orang dan hanya 5 hingga 6 ribu warga tua termiskin ini berada di bawah jagaan lebih kurang 90 buah pusat penjagaan kerajaan ataupun badan sukarela. Ini telah menunjukkan bilangan pusat penjagaan warga tua di negara ini masih tidak mampu memenuhi permintaan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengimbas kembali sejarah pembangunan negara sehingga kini, jasa warga tua tidak boleh kita lupai. Membela kepentingan warga tua adalah tanda penghargaan kita dan saluran bagi kita menerap pelbagai pengetahuan dan pengalaman daripada mereka. Walaupun pembinaan lebih banyak pusat penjagaan warga tua bukanlah cara penyelesaian yang paling berkesan untuk mengatasi masalah, dengan izin, *old tendency* tetapi memikirkan masih terdapat ramai warga tua yang hidup di bawah garis kemiskinan tidak mempunyai tempat kediaman atau tidak mendapat jagaan.

Maka saya ingin mencadangkan kerajaan supaya memberi bantuan RM1.00 kepada RM1.00 yang digunakan untuk menggalakkan penubuhan penjagaan pusat warga tua oleh badan bukan kerajaan terutamanya memberi pelbagai panduan dan sokongan kepada Majlis Kebangsaan Bersatu, Persatuan Warga Berida Malaysia supaya mereka dapat memainkan peranan dan fungsi yang penting.

Selain itu, pihak Jabatan Kebajikan juga harus membantu para warga tua merancang cara hidup yang lebih sempurna, menganjurkan lebih banyak aktiviti dan menarik golongan ini supaya berkhidmat untuk kebajikan masyarakat, menaik taraf semua taman rekreasi yang ada untuk dijadikan lokasi aktiviti yang sempurna.

Mengenai Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, setelah secara panjang lebar membincangkan perkara di atas, akhir sekali saya ingin mengemukakan sedikit pandangan mengenai kemudahan dan proses persidangan di Parlimen yang mulia ini. Pertama sekali, sejajar dengan negara kita melangkah ke era keekonomi dan informasi teknologi, saya ingin mengetahui bilakah kemudahan di Parlimen ini akan dinaik

taraf? Bilakah Dewan persidangan ini dipasangkan kemudahan dan kelengkapan multimedia supaya para pegawai di kementerian dapat menghantarkan maklumat yang tepat dan jitu kepada menteri-menteri seterusnya para ahli Dewan juga mampu memperoleh maklumat yang lengkap dan terkini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Puan Chew Mei Fun: Okay, Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah institusi yang menggubal undang-undang yang tertinggi dan seharusnya memainkan peranan sebagai pemimpin di dalam semua aspek. Tidakkah ia sebagai satu sindiran besar jika kita asyik memutuskan dasar dan polisi yang mampu membawa negara bergerak ke arah teknologi maklumat yang canggih, sedangkan kita sendiri tidak dapat memanfaatkan kebaikan yang dibawa.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Sedikit sahaja. Selain itu disebabkan oleh jumlah ahli yang ramai maka masa untuk berucap sentiasa dihadkan. Ini telah menyebabkan Parlimen pada peringkat Jawatankuasa tidak dapat membuat pindaan besar terhadap pandangan dan cadangan yang dikemukakan pada peringkat bacaan kali kedua. Ini telah sedikit sebanyak menjejaskan kewibawaan dan keberkesanan Parlimen sebagai institusi Legislative yang tertinggi.

Justeru itu, saya berpendapat selepas selesai peringkat bacaan kali kedua, rang undang-undang harus diserahkan kepada Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan untuk dibincangkan supaya cadangan yang membina dapat dimasukkan, sebaliknya perkara yang tidak sesuai harus dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Okay. Di sini saya ingin mengambil contoh Akta Kanak-kanak 2000 yang diluluskan baru-baru ini. Kita tentu masih ingat bahawa akta ini tidak sempat diluluskan pada persidangan yang lepas dan terpaksa dibentangkan

dalam persidangan kali ini. Apa yang saya rasa penting ialah pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara efektif telah menggunakan tempoh di antara dua persidangan dengan mempertimbangkan pandangan yang dikemukakan oleh 18 orang Yang Berhormat sebelum membentangkan pada kali ini.

Ini jelas menunjukkan ke semua Rang undang-undang kita selepas peringkat bacaan kali kedua dibawa ke setiap Jawatankuasa untuk dibincang. Maka ianya pasti lebih sempurna selepas ditambah dan dipinda, manakala Ahli Yang Berhormat dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses penggubalan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah di atas saya bercadang menyokong Belanjawan 2001. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Yang Berhormat bagi Kapit.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat Tampin? Tebrau? *[Ketawa]*

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, mana Yang Berhormat bagi Kapit?. Ya, saya beri Yang Berhormat bagi Kapit.

3.19 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 ini. Dengan peluang ini saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telah dengan jayanya mengembalikan ekonomi negara ke landasan seperti yang sediakala, iaitu sebelum penyangak mata wang menyerang ekonomi negara. Kejayaan ini bukanlah kebetulan semata-mata tetapi ianya adalah hasil daripada kesungguhan dan kegigihan yang digaulkan dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang pemimpin tulen yang berwawasan serta berpendirian tegas biarpun semasa menghadapi saat-saat kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, pujian patut juga diberi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang berupa pelan bertindak masyarakat berilmu, dinamik serta mesra dan penyayang. Belanjawan tahun 2001 ini telah direka cipta untuk memberi faedah dan manfaat kepada semua sektor masyarakat dan seterusnya sebagai landasan untuk kita menuju ke Malaysia baru dari wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik. Peningkatan sebanyak RM 13.05 bilion atau lebih kurang 16.73% jika dibandingkan dengan belanjawan tahun 2000, ini jelas membuktikan kesungguhan kerajaan dalam membela nasib rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti dengan terperinci dan mendalam belanjawan mengurus adalah melebihi belanjawan pembangunan sebanyak RM33.37 bilion atau 115.7%. Untuk mengatasi masalah ini dari berterusan, saya syorkan kepada kerajaan supaya kecekapan menguruskan ekonomi harus dipertingkatkan. Saya percaya pada era teknologi komunikasi dan maklumat kini kos-kos mengurus boleh dijimatkan dan hasil daripada penjimatan tersebut sudah tentu dapat disalurkan untuk membiayai sektor-sektor kritikal yang lain seperti kemudahan prasarana terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang lalu saya telah menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kapit, iaitu kawasan Parlimen yang saya wakili, adalah salah sebuah daripada bandar kecil yang terpencil jauh di kawasan pedalaman di negeri Sarawak. Salah satu faktor yang telah dikenal pasti menyebabkan ianya berlaku sedemikian adalah disebabkan oleh masalah prasarana. Prasarana yang saya maksudkan adalah kawasan ini masih tidak ada jalan raya yang menghubungkannya dengan bandar-bandar lain di negeri ini. Jalan penghubung yang ada kini hanyalah menggunakan boat express iaitu sejenis bot laju dari bandar Sibul. Yang Berhormat bandar Sibul pun tidak ada dalam Dewan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya bandar Kapit sahaja di negeri Sarawak yang belum dapat dihubungi jalan raya utama. Oleh yang demikian, saya memohon pihak kerajaan mengambil serius tentang perkara ini. Dengan kesempatan ini saya menyeru kepada Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Kerja Raya supaya

memandang serius masalah yang sedang dihadapi oleh lebih kurang 100,000 penduduk di kawasan Parlimen berkenaan.

Saya memohon agar sebahagian daripada peruntukan yang telah diagihkan pada belanjawan tahun 2001 ini tujuan pembinaan jalan dan jambatan dapat dipertimbangkan untuk tujuan pembinaan jalan raya penghubung yang telah saya syorkan. Setidak-tidaknya pun Kerajaan Pusat perlu memikirkan keperluan ini bagi belanjawan tahun 2002 nanti.

Kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya yang baru lalu bahawa kementerian itu akan memohon peruntukan sejumlah RM1 bilion bagi membina prasarana Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelapan amatlah dialukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dan terharu sekali dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa pembentangan belanjawan tahun 2001 yang berbunyi, ini petikan, *“kini kita bekalkan komputer dan bantuan kepada sekolah-sekolah desa, kita hendak anak-anak kita belajar, banyak membaca dan mahir pelbagai bahasa terutama bahasa Inggeris bagi menguasai Internet dan ICT dan mendapat manfaat dari ekonomi baru”*.

Tuan Yang di-Pertua, menurut buku yang berjudul *‘Sarawak: Facts and Figures 1999’* iaitu terbitan Unit Perancang Negeri Sarawak, dari jumlah 22.71 juta rakyat Malaysia 41.2% atau 9.4 juta rakyat negara ini tinggal di luar bandar. Bagi negeri Sarawak yang mempunyai jumlah penduduk seramai 2.027 juta orang, 49.5% atau seramai 1 juta rakyatnya tinggal di luar bandar yang hidup serba kekurangan. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hemah saya amatlah bertepatan sekali. Masih ramai lagi rakyat kita duduk di kawasan luar bandar.

Penguasaan bahasa cyber iaitu bahasa Inggeris di kalangan masyarakat kini merupakan satu perkara yang cukup penting dan wajar diberi perhatian serius. Kemunculan k-ekonomi dan teknologi komunikasi dan maklumat mendesak penguasaan bahasa Inggeris sepenuhnya.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen yang sudah berucap tentang betapa pentingnya kita dan kerajaan patut membuat usaha untuk menjamin penguasaan bahasa Inggeris di

kalangan rakyat kita. Begitu juga era globalisasi ini menghendaki kita menguasai kemahiran dan ilmu secara cepat dan efisien

Realitinya penguasaan Bahasa Inggeris sudah menjadi satu keperluan bagi survival bangsa, dengan izin. Dalam kita mengharungi cabaran globalisasi kita sebenarnya tidak ada pilihan lagi melainkan dengan menguasai bahasa tersebut. Masa untuk kita bersentimen tentang bahasa ibunda sudah berlalu dan kita tidak dapat mengelakkan diri dari menerima realiti ini jika kita tidak mahu hidup ibarat kera sumbang. Justeru itu untuk mencapai hasrat murni ini kerajaan perlu mengambil langkah yang komprehensif dan praktikal melalui kementerian-kementerian yang relevan. Contohnya langkah-langkah yang patut diambil tindakan dengan kadar yang segera mungkin adalah seperti berikut:

- Menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman mengajar pelajaran Bahasa Inggeris..
- Memberi elaun khas atau insentif yang difikirkan patut dan perlu serta bersesuaian dengan tenaga pengajar yang berkelayakan bagi menarik lebih ramai tenaga pengajar Bahasa Inggeris mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar khususnya.
- Mengadakan kelas-kelas tambahan Bahasa Inggeris mengikut waktu yang bersesuaian dengan keperluan setempat. Ini adalah bertujuan supaya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah luar bandar yang tidak berkesempatan mengikuti kelas-kelas tuisyen seperti rakan-rakan mereka di sekolah-sekolah bandar dapat diseimbangkan.
- Membekalkan bahan-bahan tambahan yang berbentuk Bahasa Inggeris yang berkualiti kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bermakna kita harus membelakangi atau mengabaikan penggunaan Bahasa Melayu tetapi apa yang saya maksudkan adalah biar penekanan kepada kedua-dua bahasa yang amat perlu, yang amat penting ini perlu diseimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan melalui Kementerian Pendidikan yang merancang hendak membekalkan semua sekolah termasuk di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai bekalan elektrik akan dibekalkan komputer dengan kemudahan *Internet* yang akan menggunakan generator dan telefon mudah alih iaitu bagi sekolah-sekolah yang tiada kemudahan elektrik dan telefon – Masih ada banyak sekolah sebegitu di Sarawak – adalah satu langkah bijak dan amat dialu-alukan. Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Menteri Pendidikan kepada pemberita selepas melancarkan Program Intel Mendidik Ke Masa Hadapan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka baru-baru ini. Dengan ini saya syorkan satu langkah yang teliti dan bersepadu hendaklah ditekankan oleh Kementerian Pendidikan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan program ini dan seterusnya mencapai matlamat asalnya dan bukan dengan izin, *lip service* semata-mata.

Kerajaan hendaklah memastikan koordinasi pelaksanaan program ini dilaksanakan dengan bijak bagi mengelakkan pembekal-pembekal komputer yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang berlebihan dengan membekalkan komputer-komputer yang telah ketinggalan zaman. Ini supaya expectation rakyat yang tinggi terhadap program ini akan terjamin dan tidak dipersia-siakan. Saya percaya dan yakin dengan peruntukan yang besar berjumlah RM18.6 bilion bagi tahun 2001 ini Kementerian Pendidikan pasti dapat melaksanakan program ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan membangunkan kawasan luar bandar melalui KEMAS patut dipuji. Pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangannya yang berdedikasi tinggi serta komited menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka patut disanjung walaupun terpaksa menempuhi berbagai halangan dan kepayahan terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Kapit.

Untuk mencapai kejayaan yang lebih menyeluruh dan meliputi kawasan yang lebih luas lagi saya cadangkan agar kuota taman asuhan dan bimbingan kanak-kanak ditambah. Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melibatkan lebih ramai lagi kanak-kanak di luar bandar didedahkan kepada pendidikan prasekolah seperti rakan-rakan mereka di bandar dan yang telah lama menikmati kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar pusat-pusat asuhan dan bimbingan kanak-kanak di luar bandar dibekalkan dengan kemudahan komputer. Ini adalah salah satu pendekatan yang terbaik dalam mencapai hasrat kerajaan yang mengkehendaki rakyat di negara ini menguasai bahasa cyber dan teknologi komunikasi dan maklumat pada peringkat yang terawal mungkin. Saya percaya dengan cara ini jurang digital di antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar akan dapat diatasi walaupun tidak secara total. Begitu juga masalah pelajar-pelajar luar bandar yang menggeletar apabila berhadapan dengan komputer seperti yang telah didedahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Smart School tidak akan terjadi dan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan komputer dan penguasaan Bahasa Inggeris adalah diumpamakan seperti ayam dan telurnya. Kedua-duanya sama penting dan perlu diberi penekanan yang seimbang di semua sektor masyarakat. Saya amat bersetuju dan menyokong saranan Yang Berhormat bagi Shah Alam bahawa masalah jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar mesti ditangani secepat mungkin. Penggunaan komputer di Malaysia hanya tertumpu di kawasan bandar-bandar utama seperti Selangor, Wilayah Persekutuan iaitu 65% kata Yang Berhormat bagi Shah Alam. Seperti yang telah dinyatakan bayangkanlah betapa ketinggalannya penduduk di bandar-bandar pedalaman di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, point yang terakhir. Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja merayakan ulang tahun kemerdekaan negara kita yang ke-43 yang kita semua cintai yang bertemakan “Keragaman Malaysia”. “Keragaman Malaysia” kita semua dapat berada di Dewan yang mulia ini dan “Keragaman Malaysia” juga saya dapat mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 pada kali ini. Keharmonian kaum yang terserlah, keindahannya semasa merayakan perayaan tersebut jelas membuktikan betapa harmoninya rakyat negara kita tanpa mengira bangsa, agama dan adat resam. Tetapi sejak akhir-akhir ini ada segelintir individu yang berkepentingan dan tidak bertanggungjawab cuba bermain dengan api. Bahangnya telah pun kita rasai apabila orang asing cuba mencampuri urusan negara kita. Alangkah sedihnya kita bila bangsa yang digelar dengan izin, Malaysian sanggup bersubahat dengan bangsa asing hendak menghancurkan keharmonian dan

kesejahteraan yang telah kita bina selama 43 tahun ini. Saya sekali lagi ingin mengingatkan pihak tersebut jangan sekali-kali cuba memperjudikan nasib bangsa, agama dan negara ini semata-mata hanya untuk mencapai hasrat yang belum pasti. Marilah kita renung di sekeliling kita apa yang telah dan sedang berlaku kepada rakyat jiran kita yang tidak habis-habis dengan pembunuhan dan rusuhan disebabkan desakan hidup. Adakah kita akan menghalalkan ianya berlaku kepada kita. Tepuk dada tanya nafsu. Oleh itu saya berharap dan memohon kepada kerajaan dan kementerian-kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius dengan sewajarnya kepada perkara-perkara dan isu-isu yang telah saya ketengahkan tadi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya turut menyokong.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Allah.

3.35 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersidang pada tahun ini untuk belanjawan dua kali. Satu pada bulan Februari dan satu lagi keduanya pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah pada tahun ini juga kita mempunyai satu lagi keistimewaan iaitulah dalam hayat kita saya rasa inilah pertama kalinya kita akan mempunyai Hari Raya Puasa dua kali dalam satu tahun. Pada awal tahun ini kita sudah mempunyai Hari Raya Puasa dan Insya-Allah sebelum tamat tahun ini sekali lagi kita akan mempunyai Hari Raya Puasa. Ini bermakna tahun 2000 ini adalah tahun yang amat istimewa. Hari raya mempunyai pengertian yang tertentu kepada semua kita tanpa mengira kaum dan agama.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat sedih dan saya yakin pegawai-pegawai kerajaan akan juga merasa dan sudah pun merasa amat sedih bahawa walaupun tahun ini dua kali hari raya puasa tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kita tidak pun sanggup untuk mengumumkan pembayaran bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan. *[Tepuk]* Oleh itu saya ingin merayu kepada Yang

Berhormat Menteri Kewangan supaya menghormati tahun ini dan menganggap bahawa tahun ini adalah tahun istimewa tambah-tambah lagi Hari Raya Puasa yang kedua untuk tahun ini adalah sebagaimana yang saya sebutkan tadi di akhir tahun iaitu tidak sampai seminggu pun tahun baru selepasnya yang bermakna untuk semua rakyat Malaysia terpaksa mengeluarkan belanja yang agak banyak untuk perbelanjaan pendidikan anak-anak kita ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ingin bercakap dalam perbahasan khususnya belanjawan ini dan ramai daripadanya termasuk ahli-ahli daripada pembangkang. Ini bererti bahawa walaupun kami daripada parti-parti pembangkang tetapi kami cinta kepada Malaysia. Oleh itu walaupun ucapan kami mengkritik, menegur dan setengah-setengahnya memuji dan mencadang tetapi jangan sekali-kali ahli-ahli pembangkang ini disamakan atau ditafsirkan sebagai orang-orang yang bencikan Malaysia dan ingin melihat Malaysia huru-hara, runtuh dan sebagainya. [*Tepuk*]

Hakikatnya rakyat Malaysia mengkritik pemerintahan Malaysia bukanlah suatu keganjilan. Dalam zaman kita mempunyai yang amat kuat kononnya, dalam zaman kita mempunyai fundamental ekonomi yang amat kukuh sekarang ini saya fikir kerajaan tidak harus takut, ragu, bimbang ataupun menuduh perkara-perkara terhadap anggota pembangkang yang mengkritik kerajaan dan negara hari ini. Tradisi kita di zaman ekonomi kita lebih lemah daripada ini. Dalam tahun 1960-an, dalam tahun 1970-an kerajaan di masa itu sanggup menerima pengkritik-pengkritik ekonomi walaupun kritikan itu dilakukan di dalam negara ataupun di luar negara. Dalam tahun 1970-an seorang tokoh besar negara kita pada ketika itu telah mengkritik negara kita, telah mengkritik Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman kita dan telah membuat semua itu di dalam negara, di luar negara tetapi yang mengkritik itu yang hari ini sudah menjadi Perdana Menteri tidak pun dituduh, tidak pun diminta supaya meninggalkan kewarganegaraan negara ini dan sebagainya. Oleh itu janganlah kita menganggap bahawa mengkritik kerajaan itu bererti kita tidak cintakan Malaysia. Kerajaan hari ini juga menggunakan kedudukan dan tempat-tempat di luar negara untuk mengkritik negara kita di luar negara... .

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya minta kalau boleh sekejap sahaja masa. Boleh, boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila dia bagi. Ha, sila-sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Tumpat. Saya menghormati beliau. Beliau ini adalah guru saya dan juga pakar ekonomi. Tetapi beliau juga, gurunya adalah Menteri Kewangan sendiri. Bagaimana beliau tadi menyatakan bahawa kerajaan tidak meluluskan bonus dan mengajak rakyat dan kakitangan kerajaan bersedih. Beliau seorang pakar ekonomi seharusnya boleh mentafsirkan keadaan yang ada sekarang. Selepas itu beliau juga mengatakan mengkritik secara positif tetapi beliau sendiri mengkritik secara negatif apabila mengatakan belanjawan tahun depan adalah belanjawan kosong. Belanjawan tahun depan tidak kosong. Duit pendapatan tahun hadapan mesti ada, mesti ada. Perbelanjaan defisit ertinya anggaran perbelanjaan lebih daripada anggaran pendapatan tahun hadapan. Pendapatan tahun hadapan pasti ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Itu sahaja. Saya minta penjelasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang kedua itu, saya tidak sebut. Saya sekadar cuba mengulas tuduhan yang dibuat oleh pihak kerajaan terhadap ucapan parti pembangkang sebelum itu. Tetapi saya sendiri tidak menyatakan begitu. Saya sekadar mengulas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Jadi, saya hendak teruskan. Mengkritik ini bukannya sesuatu yang semestinya buruk, semestinya bererti kita ini ingin meruntuhkan negara Malaysia. Saya pernah sebutkan bahawa Kerajaan Malaysia sendiri menggunakan warganegara asing untuk mengkritik rakyat Malaysia. Saya gunakan contoh itu, saya sebutkan itu sudah pun digunakan dengan jelas oleh Kedutaan Malaysia di Washington D.C. Menggunakan dan menawarkan wang ringgit kepada seorang tuan punya kereta limousin di

Washington D.C untuk datang ke Malaysia dan menuduh bekas Timbalan Perdana Menteri berkelakuan tidak baik di dalam mahkamah pada ketika itu.

Jadi, hal berkaitan dengan rakyat Malaysia, malah Kerajaan Malaysia menggunakan kuasa asing di negara asing untuk mengkritik dan untuk kepentingan tertentu, bukanlah sekadar perangai atau perbuatan di pihak pembangkang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa dalam belanjawan ini ada cadangan-cadangan yang tertentu, kita melihat juga bahawa dalam tahun 2001 ini akan ada senario-senario yang tertentu. Kita lihat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat. Shah Alam.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Boleh, ringkas sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak banyak, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sedikit sahaja, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tadi soalan Yang Berhormat bagi Sipitang pun Yang Berhormat tidak berapa hendak jelaskan jawapan. Tetapi nampaknya pandangan Yang Berhormat bahawa dengan izin, *it is okay* untuk kita, mana-mana pihak pergi ke luar negara untuk membicarakan tentang hal ehwal dan urusan pentadbiran negara. Walaupun pada pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa kalau perkara itu dilakukan, ianya memudaratkan kedudukan ekonomi dan politik negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan itu?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya sekadar menyatakan bahawa amalan ini dimulakan dalam tahun 60-an dan 70-an lagi. Keduanya, amalan ini dilakukan juga oleh pihak kerajaan, jabatan kerajaan, Kedutaan Malaysia di luar negara. Itu hujah saya.

Ketiganya, saya menyebut tentang senario ekonomi dunia. Kita melihat bahawa dalam akhir-akhir ini, ekonomi dunia....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okay, yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang terakhir, ya sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebab saya hendak cukupkan 15 minit saya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Mengkritik atau memberikan pandangan itu tidak boleh dianggap sebagai seseorang tidak cintakan negara, malahan pelajar-pelajar di universiti, kalau ada pandangan yang kritikal, tidak bermakna mereka menentang kerajaan tetapi mereka hendak memberi pandangan yang baik kepada kerajaan. Itu saya bersetuju. Tetapi pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa usaha-usaha yang dibuat dengan pihak luar, mengajak pihak luar memulaukan Malaysia dan menyekat perdagangan Malaysia. Adakah ini tidak dianggap satu yang boleh memudaratkan negara berbanding kalau ada pihak yang dipanggil untuk memberi kenyataan di mahkamah? Saya rasa ini dua perkara yang jauh berbeza. Apa pandangan Yang Berhormat dalam soal itu? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya fikir saya sudah ulas akan isu itu. Saya akan beralih kepada [*Disampuk*] keadaan ekonomi yang ada. Bagi peluang, selepas itu kita bincang di luar tentang bab itu. Keadaan ekonomi dalam dunia hari ini adalah berada dalam suasana yang tidak menentu. Ekonomi Amerika Syarikat, ekonomi Jepun, mengikut laporan suku yang terakhir ini, keadaannya tidak baik. Begitu jugalah dari segi politiknya, pergolakan di Korea Utara nampak membuka ekonominya dan mungkin ini akan menarik pelabur dari kawasan kita ke kawasan sana.

Yang ketiganya berkaitan dengan suasana politik ini ialah pergolakan di Palestin. Pergolakan di Palestin yang berlaku dua tiga bulan yang akhir ini amat membimbangkan kita. Ianya akan ada kesan-kesan kepada ekonomi dunia, harga minyak dan sebagainya. Politik Palestin yang berlaku hari ini sebagaimana yang kita lihat menunjukkan betapa tentera-tentera dan polis-polis Israel membunuh dengan zalimnya anak-anak muda dan masyarakat Palestin yang menuntut hak mereka kepada sebuah kerajaan yang sah di muka bumi ini. Kerajaan Israel sebagaimana yang kita tahu amat ganas dalam melayani orang-orang yang menentang mereka, walaupun

yang menentang mereka, jika kita lihat dalam gambar hanyalah melontar paling banyak batu-batu sahaja terhadap pasukan tentera dan polis Israel ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan sekali lagi mengambil tindakan dan dasar yang amat tegas terhadap pihak Israel ini. Jangan kita fikir bahawa Israel ini kalau kita lihat mereka di Malaysia, hanya baling batu dalam bentuk bola kriket, jangan kita fikir itu tabiat biasa Israel. Israel di luar negara mungkin menunjukkan kononnya sikap keamanan mereka dengan hanya datang ke sini untuk bermain kriket, melontar batu. Tetapi di negara mereka, di bumi Palestin, mereka menjawab balingan batu oleh rakyat Palestin dengan tembakan yang membunuh ramai masyarakat Arab Palestin di negara Palestin itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ha, saya tidak boleh bagi dah. Saya ada point yang saya hendak sebut dalam masa yang ringkas ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Asal Tebrau sahaja, tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya ingin beralih kepada belanjawan ini dari sudut Perlembagaan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa segala tindakan kita mestilah tertakluk kepada Perlembagaan dan Perlembagaan ini paling utama, lebih tinggi daripada undang-undang dan enakmen-enakmen biasa. Sebagai contoh, kalau Perlembagaan kata rakyat berhak untuk berhimpun, rakyat berhak untuk menerbitkan makalah, majalah dan sebagainya, kalau ada undang-undang yang menyekatnya, kita mesti lebih tertakluk dan mengikut apa yang disebut dalam Perlembagaan itu.

Begitu jugalah Perlembagaan dari segi hubungan kewangan antara Persekutuan dengan Negeri menyatakan dengan amat jelas bahawa Kerajaan Persekutuan ada tanggungjawabnya, Kerajaan Negeri ada tanggungjawabnya. Tetapi yang saya hendak sebut secara ringkas di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa tanggungjawab-tanggungjawab Persekutuan dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan

pengangkutan. Sebagai contohnya, telah berlaku sekarang ini proses penswastaaan yang begitu meluas. Ini bermakna bahawa Kerajaan Persekutuan yang seharusnya bertanggungjawab sepenuhnya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dan lain-lainnya, telah dalam tahun-tahun yang terakhir ini mengurangkan beban dan tanggungjawab itu melalui proses penswastaaan yang ada isu-isu yang lain selainnya.

Tetapi, saya sekadar hendak menyebutkan pada prinsipnya, oleh kerana Kerajaan Persekutuan tidak lagi sebegitu banyak walaupun perbelanjaan dikeluarkan, tetapi tidak lagi sebegitu banyak dibebankan belanjawan dari segi pendidikan, pengangkutan dan kesihatan sebagai contoh. Maka, ini bererti Kerajaan Persekutuan sepatutnya memberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri lebih banyak geran-geran, peruntukan-peruntukan supaya ianya akan....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ... menjadi hubungan yang lebih adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi? Shah Alam berdiri.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ada berapa minit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hanya dua tiga minit sahaja.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Minta maaf, tiga minit lagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap sahaja. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat setuju ataupun tidak bahawa dasar penswastaaan dengan konsep, dengan izin, *Malaysia Incorporated* telah membantu kita menjana pembangunan kita sampai ke tahap hari ini. Setuju ataupun tidak?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okay, saya sebutkan tadi, saya tidak hendak bincang perkara-perkara yang seperti itu. Saya hanya hendak bincang dari sudut konsepnya sahaja bahawa dari segi Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan ada sekian

tugas, Kerajaan Negeri ada sekian tugas. Tetapi Kerajaan Persekutuan telah mengurangkan bebannya dengan penswastaaan yang bererti untuk berlaku adil kepada Kerajaan Negeri, sepatutnya geran yang bertambah dan berlebihan, diberikan kepada Kerajaan Negeri. Saya sekadar hendak menyebutkan itu sahaja. Masalahnya yang lain banyak kerana dia dapat...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat setuju atau tidak dasar penswastaaan itu membantu menjana ekonomi negara?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya tidak setuju kerana...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Oh, masa Yang Berhormat dekat sini dulu, Yang Berhormat bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan begitu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Apa yang berlaku sekarang ini ialah Kerajaan Persekutuan mengurangkan bebannya dalam tanggungjawabnya seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan, menggunakan lebihan wang itu bukan untuk faedah rakyat tetapi untuk projek-projek mega, untuk lapangan terbang yang sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, tidak digunakan dengan sebaiknya. Untuk Litar Formula One, yang saya yakin tidak memberi keuntungan kepada negara ini dan banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir yang dibuat untuk kepentingan dan keseronokan pemimpin-pemimpin tertentu dan keuntungan usahawan-usahawan dan kroni-kroni tertentu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okay, saya hendak gulung.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah nampak jelas *trend* bahawa Kerajaan Persekutuan hari ini tidak lagi menghormati Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagai bukti dan contohnya, saya telah sebutkan tadi prinsip geran Persekutuan. Telah juga disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Marang bahawa geran-geran Persekutuan kepada Negeri, khususnya Kelantan dan Terengganu, beberapa tahun dan bagi Terengganu bermula tahun ini sudah lagi tidak diberikan mengikut jadualnya.

Ini bercanggah dengan apa yang disebut dalam Perlembagaan ini yang menetapkan bahawa dalam hubungan kewangan antara Kerajaan Pusat Persekutuan dan Kerajaan Negeri mestilah dilakukan dengan baik dan ada prinsip-prinsipnya dan garis-garis panduannya yang ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara. Contoh yang keduanya, berkaitan dengan masalah yang sudah disebut baru-baru ini iaitu berkenaan dengan royalti minyak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu yang berkaitan dengan royalti minyak ini. Saya hanya ingin mengambil satu perspektif sahaja, dari segi hubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat ataupun Petronas memberikan kepada Kerajaan Negeri lebih daripada 22 tahun itu, dengan tiba-tiba diisytiharkan tidak sah, diisytiharkan tidak laku dan diisytiharkan tidak akan diteruskan lagi. Saya sekadar ingin memetik satu perkara dalam Perlembagaan. Prinsip hubungan antara Kerajaan Pusat Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang tidak secara khusus merujuk kepada hal ini tetapi sekadar menyatakan apa semangat dan prinsip yang sepatutnya.

Yang menyebut, di muka surat 142, Perkara 109 (Pemberian Kepada Negeri-negeri), "Parlimen boleh dari masa ke semasa dengan undang-undang mengubah kadar-kadar pemberian mengikut bilangan orang tetapi jika undang-undang itu akan menyebabkan kekurangan pemberian itu, peruntukan hendaklah dibuat dalam undang-undang itu supaya jumlah pemberian yang diterima oleh mana-mana negeri bagi mana-mana tahun kewangan tidak kurang daripada 90% daripada jumlah yang diterima oleh negeri itu dalam tahun kewangan yang lalu".

Maknanya, kalau Kerajaan Persekutuan ini bersikap adil dan tidak zalim, kalau hendak diubahsuai, hendak dilakukan apa-apa pengurangan dalam pemberian, walaupun hendak dipanggil wang ihsan dan sebagainya, prinsip yang ada dalam Perlembagaan menyatakan bahawa janganlah kekurangan itu daripada RM800 juta tiba-tiba terus RM0 juta ditarik langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Prinsip pengurangannya mestilah ada tahap-tahap yang mana ianya dikehendaki supaya tidak lebih daripada potongan 10%. Saya

sekadar mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menghormati Kerajaan-kerajaan Negeri tanpa mengira Kerajaan Negeri Terengganu ataupun Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebabnya yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang bimbang bahawa perjanjian yang belum disahkan lagi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Selangor berkaitan dengan masalah Putrajaya ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Perjanjian itu orang kata boleh, walaupun hari ini dijanji RM200 juta itu, RM7 juta tiap-tiap tahun, mungkin apabila Selangor jatuh kepada PAS atau Keadilan atau Barisan Alternatif, yang RM7 juta itu pun dipotong dari peruntukan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, saya mengingatkan kawan-kawan saya di Selangor berhati-hatilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Wallahualam.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau.

3.54 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Bismillahir rahmanir rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan untuk saya mengambil bahagian pada Belanjawan kali ini.

Bagi makluman Yang Berhormat, dua kali pembentangan Belanjawan negara dan dua kali peristiwa dilakukan oleh pembangkang dalam tahun yang sama. Pertama, semasa mengangkat sumpah dahulu, buat kecoh, terutama orang baru. Kali kedua, pembentangan Belanjawan, mengganggu Menteri Kewangan. Jadi, inilah

peristiwa–peristiwa yang memalukan negara dan juga Parlimen dengan tingkah laku dan perbuatan macam orang tidak berilmu dan macam kebudak-budakan.

Saya hendak umumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya ingin mengisytiharkan saya tidak benarkan sesiapa mengganggu dan memberi laluan kerana saya banyak kali minta, tidak dapat. Dengan ini, tidak ada gangguan dan tidak ada laluan pasal *limit* 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, tidak bagi, saya cakap siang-siang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dari awal dia tidak bagi.

Seorang Ahli: Kawan-kawan pun tidak boleh?

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak boleh. Wanita ini lagi kecoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kita bangun dia tidak bagi. Bila dia bangun, ha, duduk.

Seorang Ahli: Kawan, kawan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, sama-sama bagi, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah minta lebih awal jangan kacau dia, jangan kacaulah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okay, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai Ahli Parlimen Malaysia mewakili kawasan Parlimen Tebrau ingin turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 27 Oktober 2000. Saya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada kerajaan atas belanjawan yang telah dibentangkan itu yang banyak memberikan faedah dan kemudahan tertentu dan

pegecualian cukai tertentu sama ada kepada individu atau kepada pihak swasta dan sebagainya.

Saya juga merasa kesal dan dukacita di atas sikap pihak pembangkang semasa pembentangan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana ada ahli pembangkang yang bangun dengan nada dan suara yang tinggi, lantang serta marah yang tidak dapat dikawal lagi. Dalam sejarah Parlimen dan juga Dewan-dewan Negeri yang pernah juga saya menjadi Speaker, tidak pernah berlaku sebegini rupa kerana Yang Berhormat Menteri berkenaan hanya membawa Usul dan membentangkannya sahaja dahulu dan belum dibuka untuk perbincangan atau penjelasan lagi. Saya cadangkan kalau boleh Ahli Yang Berhormat yang bangun dengan marah itu dapat buat pemeriksaan Doktor Pakar sama ada menghadapi darah tinggi [*Ketawa*] Atau lain-lain termasuklah lain-lain yang agak panas baran itu periksa baik-baik.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kalau wanita darah tinggi pun boleh periksa sama [*Ketawa*] Ada setengah daripada parti pembangkang ada mengkritik Belanjawan kononnya tidak ada memberi apa faedah kepada rakyat, katanya hanya satu dan dua sahaja untuk rakyat dapat. Saya suka menjelaskan bahawa membuat satu Belanjawan dan mengawalinya serta mentadbirnya bukan semudah diucapkan melalui bibir yang nipis. Untuk menjaga negara yang sedang membangun dan ekonomi yang pesat membangun, rakyat yang berbilang kaum, berbilang agama dan budaya, kerajaan mesti berwaspada, berhati-hati dan tidak mengambil sesuatu tindakan yang terburu-buru dan gopoh gopoh supaya di hari kemudian dan akan datang, rakyat yang berbilang kaum akan terus hidup aman dan bahagia dalam negara yang berada dalam tahap yang tidak bermasalah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi saya PAS atau parti pembangkang memang kerja dia. Tidak pernah memuji dan memberi tahniah kepada kerajaan sebaliknya menuduh dan fitnah sahaja. Itulah kerjanya. Sebagai manusia biasa, ada kelemahan, ada kekurangan dalam apa juga kerja dan juga masalah yang timbul dalam negara ini. Ini bukan kerajaan malaikat, ini adalah kerajaan yang diuruskan dan ditadbirkan oleh manusia dan Allah amat mengetahui kelemahan manusia

termasuk ahli-ahli parti pembangkang juga manusia, ada salah dan ada silap, tidak boleh dinafikan.

Dalam ucapan Ketua Pembangkang, mempertikaikan kebebasan kehakiman kononnya hakim di Malaysia berat sebelah dan tidak yakin kepada hakim. Kalau kita lihat banyak keputusan hakim tidak menyebelahi kepada kerajaan. Banyak kes pembuangan kerja tidak sah dan kerajaan kena memulangkan balik wang yang kakitangan tidak bekerja bertahun-tahun tetapi apa kata pembangkang yang ada kaitan dengan ahlinya, sahabatnya, parti itu betul keputusan sebelahnya macam mana keputusan hakim itu termasuk keputusan hakim juga dalam membicarakan kes-kes kesahihan pilihan raya di Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen yang menyebelahi parti PAS atau pembangkang, maka itu juga hakim silap dan tidak betul.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar ucapan parti pembangkang dalam membahaskan ucapan Belanjawan semuanya tidak betul dibuat oleh kerajaan dan salah. Yang betul pun hanya kalau dia buat sahaja. Kalau apa-apa yang dia buat berkaitan tidak menyebelahi kepadanya, itu adalah salah. Suka saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, terutama saya hendak tujukan kepada parti pembangkang, kita sedia maklum sebelum kita merdeka, negara ini diperintah oleh British dan juga pihak Jepun pada masa itu tidak boleh buat apa-apa hanya ikut perintah sahaja tetapi selepas kita mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini kita semua, termasuk Yang Berhormat daripada parti pembangkang tidak boleh menafikan bahawa kita telah berjaya membangunkan negara dengan jaya dan maju.

Dahulu sebelum merdeka, tidak banyak sekolah menengah, tidak banyak universiti tetapi hari ini sebab mereka, banyak dibina sekolah menengah, banyak asrama dibina, banyak universiti dibangunkan dan ramai anak Melayu dihantar belajar ke universiti sama ada dalam mahupun luar negeri dan boleh dikatakan kebanyakan penuntut yang dihantar ke luar negara adalah terdiri daripada ibu bapa mereka berpendapatan rendah dan ada anak nelayan, buruh, petani dan sebagainya itu adalah ditanggung oleh kerajaan. Dahulu, tidak ramai anak Melayu menjadi professor, doktor, jurutera, akauntan tetapi sekarang ini kita lihat ramai anak Melayu yang berjaya dan ramai Melayu berjaya dalam perniagaan. Ini adalah semua kerana

kejayaan dan kepintaran dan kebijaksanaan Kerajaan Perikatan dahulu dan Kerajaan Barisan Nasional hari ini yang memerintah negara.

Cakap memang mudah, kritik memang mudah, fitnah memang mudah tetapi hendak melaksanakan kejayaan sesebuah negara selepas mencapai kemerdekaan bukan mudah dan senang. Tetapi Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional telah berjaya membuatnya itu [*Tepuk*] Pembangkang macam saya kata tadi tidak pernah menyokong termasuk parti pembangkang seluruh dunia [*Ketawa*]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng *mempengerusikan Mesyuarat*)]

Berbalik saya kepada Belanjawan yang dibentang oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Kewangan. Saya ingin menyentuh berhubung.....kebanyakan apa yang saya sebut tadi, bonus kepada kakitangan kerajaan. Memang kerajaan beri, dia ikut keadaan duit. A da diberi, bukanlah kata tidak beri langsung. Saya memang setuju dan sokong. Kalau boleh memang kerajaan dapat mengkaji balik supaya diberi elaun, ditetapkan elaun sama ada RM200 atau RM300 atau RM1000, saya juga menyokong benda yang baik, memang kita tidak ada seorang tak suka dapat, semua suka dapat tetapi memang saya tahu pembangkang dia tidak kira, apa dia hendak cakap, dia cakaplah, itu kerja dia.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tetapi saya sudah beritahu tadilah Tan Sri [*Ketawa*] Jadi saya sudah kena tegur, ini Tuan Yang di-Pertua, bila tengah seronok, orang ganggu, habis semua hilang, tidak boleh ingat, terima kasih [*Ketawa*]

Saya rasa kerajaan patut memberi sedikit, ini cadangan saya Yang Berhormat supaya dalam keadaan ekonomi, keadaan hidup sehari yang agak..., pada hari ini berpendapatan rendah jadi saya pun menyokong jugalah dalam perkara ini. [*Tepuk*] [*Disampuk*] Masa saya banyak lagi, ini Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunalah, saya hendak tahu dari segi penubuhan 'Mahkamah Tribunal' bagus, dia menyelesaikan semua masalah, antara pembeli dan penjual. Cuma saya hendak tahu dalam perbicaraan, kadang kala sebelum mahkamah membuat keputusan telah diselesaikan di luar mahkamah bila hadir dalam perbicaraan Tribunal tetapi hendak tahu ini, belanja ni, bila belanja kata hakim Mahkamah Tribunal sudah datang, saksi

sudah datang, semua sudah datang diselesaikan juga, siapa tanggung belanja mahkamah ini? Kalau selalu, mahkamah dia buat keputusan, kadang-kadang yang salah kena tanggung atau siapa, dia buat keputusan. Tetapi ini disenarai, tetapi kita sudah datang ramai-ramai.

Jadi saya hendak tahu kalau agak-agak penjual ini dia kalah, dia selesai luar mahkamah, kalau dia menang, dia teruskan. Jadi saya ingat kalau belum ada, dikenakan kepada penjual itu, dia yang punya hal sampai orang hendak bawa dia pergi ke mahkamah, tiba di mahkamah baru hendak bicara, selesai di luar mahkamah, semua sudah ada dalam itu sudah jadi belanja ini besar. Jadi saya mencadangkan penjual itu yang menanggung perbelanjaan mahkamah tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk sedikit beberapa perkara yang dibangkit oleh Juruaudit dalam laporan-laporan kementerian, Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun aktiviti kementerian dan sebagainya. Satu di bawah kerja pendidikan berhubung dengan Program Pendidikan Khas sebagai mana kita sedia maklum bahawa satu peruntukan sebanyak RM23.9 juta telah dibelanjakan oleh kementerian pada tahun 1999 untuk Program Pendidikan Khas untuk murid-murid cacat tidak mencapai matlamat untuk menyediakan penilaian berkualiti kepada mereka.

Tuan Moktar bin Radin: Point of order.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Order mahkamah kah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Moktar bin Radin: Ya, ini point of order Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya kalau setiap ahli berhujah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa peraturan?

Tuan Moktar bin Radin: Sekejap, berhujah dia tidak bagi laluan, lebih baik tidak ada korum dalam Dewan semua, seorang sahaja yang cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa Peraturan?

Tuan Moktar bin Radin: Itu peraturannya, mahu tanya Tuan Speaker *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu peraturan. Yang Berhormat bagi Tebrau, teruskan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okay, dua minit masa kecemasan tadi, *accident* punya masa. Ini berhubung dengan laporan sebagai Kementerian Pendidikan tadi Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara dibelanjakan RM20-30 juta tetapi Audit *query* mengatakan bahawa tidak mencapai matlamat untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada mereka. Masalahnya semua kekurangan guru dan alatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dalam masalah Pendidikan Khas ini memang amat penting sekali. Saya banyak tengok ada sekolah yang ada kelas Pendidikan Khas ini dengan tidak mendapat bahan-bahan dan peralatan yang cukup. Menjaga budak-budak Pendidikan Khas ini bukan mudah, cikgu dia pun tidak hendak mengajar pasal murid-murid itu dia cacat, jadi cara dia, air liur, macam-macamlah jadi guru pun bila dia mengajar, saya dapat tahu hendak pindah kalau boleh minta mengajar tempat lain. Jadi saya harap kementerian ini dia beri satu guru Pendidikan Khas ini diberi *extra* elaun. Memang kalau suruh pilih, tidak ada guru hendak mengajar budak Pendidikan Khas. Dia satu guru, lima murid, bukan banyak, muridnya lima tetapi susah hendak jaga lima orang ini.

Begitu juga bilik air. Bilik air budak ini dicampur dengan budak-budak lain jadi bila masalah ini timbul. Jadi kalau boleh ada peruntukan ini bilik air kanak-kanak cacat ini, kanak-kanak Pendidikan Khas ini dikhaskan. Ini dicampur semua. Dia bukan boleh duduk macam biasa, dia tahulah budak-budak ini. Jadi saya harap kementerian menggunakan peralatan dan kemudahan termasuk bilik rehat diberikan kemudahan sebab Audit pun ada buat teguran dan duit pun ada, bantulah guru-guru Pendidikan Khas dan juga murid-murid ini dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya.

Yang kedua, keselamatan negara. Saya beberapa kali sudah timbulkan dalam hal tambahan keselamatan negara penting. Kita sedia maklum bahawa kerajaan Singapura, saya pun sudah pernah timbul tetapi memang hendak kena sebut juga kalau tidak, tidak boleh tidur [*Ketawa*]. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Singapura sentiasa menguatkan angkatan tenteranya terutama Angkatan Tentera Laut

mula beli kapal selam dan sudah mula buka dia punya pelabuhan tentera dekat dengan Johor. Peluru berpandu sudah ready, dia hendak berperang dengan siapa, saya pun tidak tahu. Hendak attack Johor kah? Tidak ada makna. Tidak tahulah dia ini macam gertaklah. Kita pun kena gertak juga, kita kena lawan Yang Berhormat bukan makna cakap ikut suka, tidak. Dia ini bijak, dia buat sesuatu keputusan, dia buat sesuatu tindakan, ada niat dia. Kalau tidak apa pasal dia hendak buat apa, dia negeri yang hanya ekonomi dalam satu pulau, dia pun tahu orang pun tidak hendak *attack* dia, kalau *attack* dia pun boleh habis juga sebab dia takut ekonomi dia jatuh, dia tidak ada apa-apa yang boleh buat untuk mendatangkan hasil. Kita tidak apa, ada juga hasil tanah yang banyak, untuk makan, untuk hidup, boleh tanam semua. *[Ketawa]*

Jadi saya, masalah pusat latihan rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia di Tanjung Pengelih, sudah siap sudah. Ini sudah hampir siap. Jadi

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Bagilah, bagi laluan, tarik baliklah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Peraturan Mesyuarat....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tarik baliklah. Minta maaf, manusia ada kelemahan. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Ya, saya sudah sebut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37(1) (b) dibacakan sekali dengan 37(2) di mana dapat menceritakan semangat untuk menghayati perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Bermakna, apakah ruling Tuan Yang di-Pertua jika kita buang sahaja '37(1)(b)'. ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 31 (b)

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Dengan tidak menghiraukan 37(1)(b) dengan tidak menghiraukan 37(2) kerana di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang mutu perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, jika arus ini diteruskan, Dewan akan hanya merupakan propaganda platform untuk orang-orang membaca ucapan dan ahli-ahli tidak akan minat. Jadi dalam saya memerhatikan perjalanan dan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat sepanjang dua tiga hari yang telah berlalu, saya susah hati Tuan Yang di-Pertua, *I worry that the standard of debate will deteriorate, thank you.* Terima kasih dengan izin.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Thank you very much*. Saya setuju pasal Yang Berhormat, saya cakap Orang Putih sikit, sebab kita hendak tahu bahasa itu [*Ketawa*] Setuju banyak itu, bagus. Dia orang lama lain juga. Ini yang tidak tahu ini orang muda-muda, gasak semacam saja [*Ketawa*]

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini saya serah pada, Okaylah tidak baca tidak apa, setuju

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Di bawah 37(2) untuk memutuskan hendak beri saya jalan untuk minta jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okay, okay.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Beliau bagi tetapi Timbalan Yang di-Pertua belum membuat ruling boleh bagi saya jalan. Boleh beliau bagi saya jalan atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekali-sekali, saya sokong satulah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang bagi Berhormat Tebrau, dalam menghayati beberapa ucapan dalam Dewan yang mulia ini, saya telah dapat kesan tema ucapan-ucapan yang mana merupakan serampang dua mata iaitu tema mengapi-apikan kebencian terhadap kerajaan, pemerintah atau pemimpin di satu mata dan di satu mata lagi tema populist, sokong naik gaji, sokong ini. Apakah maksud strategi serampang dua mata mengapi-apikan kebencian sambil mengutarakan perkara-perkara yang populist. Adakah ini baik bagi demokrasi di negara kita. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini memang tidak baik. Saya sudah kata tadi, ini hendak cari publisiti, dia banyak perkara. Kadang kala dia terlupa dan dia macam juga kes polis, satu nada dia sokong, lepas itu satu nada dia hentam. Jadi ini sudah memang pada sayalah kerja parti pembangkang memang semacam itulah bentuk rupa dia. Macam saya cakap tadi bukan saja di Malaysia, satu dunia Yang Berhormat Tuan Speaker [*Ketawa*]

Ini cerita balik pangkalan laut tadi, ini hendak berperang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Masa kecederaan? Saya harap kerajaan juga ada Pangkalan di Tanjung Pengelih kita sudah buat kita hendakkan semua dilengkapkan bermacam-macam kemudahan alat tentera, senjata lah, apakah, ditempatkan di Tanjung Pengelih.

Akhirnya, sebagai kita sedia maklum bahawa pada hari ini isu mungkin melibatkan bidang kerja kepada kakitangan bank sebagaimana yang telah pun dilaporkan oleh pihak NUBE (Union Bank) bahawa mungkin terdapat 10,000 pekerja akan tamat perkhidmatan mereka disebabkan penggabungan bank-bank.

Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak kerajaan memikir macam mana hendak cari jalan, adakah ditubuhkan tabung khas atau peruntukan khas untuk membantu pekerja-pekerja bank ini apabila mereka diberhentikan atas dasar penggabungan tadi mereka terlibat dengan pemberhentian. Jadi, saya hendak minta kerajaan mencari jalan kalau boleh tubuhkan tabung khas kepada pekerja-pekerja supaya dapat membantu mereka ini.

Seterusnya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Cina, India yang telah pun memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional walau apa juga yang dikatakan ahli pembangkang, terutama DAP dan kadangkala buat pura-pura sokong jika PAS buat cadangan dan begitu juga sebaliknya. Jadi, kaum India, Cina yang menyokong Barisan Nasional saya mengucapkan tahniah.

Akhir sekali.....[disampuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali “akhir sekali”?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Baru dua dan yang ketiga, betul-betul akhir [ketawa]. Banyak betul hendak cakap ini.

Kita sedia maklum bahawa tidak lama lagi ini kita akan menyambut bulan Ramadan, bulan puasa dan saya cuma hendak mengingatkan parti pembangkang mungkin Pilihan Raya Kecil Lunas ini hendak diadakan pada bulan Ramadan. Jadi, saya harapkan PAS sebagai parti orang Islam bulan Ramadan ini banyak-banyaklah buat ibadat, janganlah berceramah, memfitnah, mengumpat orang, jadi kita pada

bulan puasa ini kita bersyukur mengaji Al-Quran dan berzikir saya takutlah, biasanya ia tidak peduli bulan puasa tak puasa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, diucapkan sebanyak terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Hulu Rajang.

4.15 petang

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama membahas rang undang-undang perbekalan tahun 2001 ini, sebab masanya terhad saya akan menyentuh tiga perkara sahaja.

Yang pertama, mengenai pendidikan; yang kedua tentang integriti nasional dari skop perhubungan inter-Malaysia dan yang ketiga, masalah-masalah dan isu berkaitan dengan Bakun, HEP dan penempatan semula Bakun di kawasan saya.

Saya mengalu-alukan peruntukan yang begitu besar untuk Kementerian Pendidikan. Ini menunjukkan kerajaan mengiktiraf betapa pentingnya pendidikan untuk pembangunan negara kita. Walau bagaimanapun, seperti juga dikatakan oleh rakan-rakan yang lain dari Sarawak, saya ingin menekankan kerajaan harus mengambil langkah untuk memperbaiki infrastruktur sekolah-sekolah di kedua-dua negeri tersebut di mana keadaan sekolah luar bandar sangat menyedihkan. Permohonan harus dibuat dengan teliti dan peruntukan harus diberi dengan cukup. Saya harap dalam Rancangan Malaysia Ke-8, Kementerian Pendidikan akan menyediakan rumah-rumah guru, bilik-bilik kelas, asrama-asrama yang cukup dan selesa dan semua ini dengan cukup bekalan air, elektrik dan juga telefon. Langkah bijak harus diambil untuk merapatkan lagi jurang antara bandar dan luar bandar, semenanjung, Sarawak dan juga Sabah. Ini mesti kita buat untuk mengekalkan kemakmuran dan keharmonian yang ada. Dalam era *ICT* tidak adil jika masyarakat luar bandar dibiarkan ketinggalan. Saya percaya sebahagian daripada RM19.67 bilion untuk mengurus akan dikhaskan untuk Sarawak sedikit dari ini dan saya merayu juga supaya perhatian khas diberi kepada sekolah-sekolah rendah bantuan ataupun *mission school* di pedalaman di mana keadaan bangunan sangat usang, tua dan tidak diselenggarakan. Sekolah-sekolah seperti ini di kawasan Baleh, Kapit tidak mampu

mendapat mesin geran dari kerajaan. Sekolah-sekolah tersebut tidak berupaya mengumpul wang. Jadi, saya cadangkan dalam keadaan sedemikian kerajaan haruslah memberi peruntukan yang sewajarnya seperti sekolah kerajaan yang lain.

Di samping keadaan fizikal yang kurang memuaskan, sekolah-sekolah di pedalaman Sarawak juga sangat kekurangan buku di perpustakaan, ini satu aspek yang saya ingin tekankan di sini. Perpustakaan adalah penting tetapi di sekolah-sekolah kita perpustakaan langsung tidak diberi perhatian. Jadi, saya cadangkan satu kajian atau penyelidikan dibuat atas status perpustakaan di sekolah-sekolah di luar negara. Tidak guna dibekalkan komputer sedangkan buku tidak cukup.

Saya juga ingin tahu sama ada dari peruntukan lebih kurang RM45.5 juta untuk Jabatan Perpustakaan Negara, adakah sebahagian daripada ini diperuntukkan ke luar bandar khususnya di pedalaman Sarawak dan Sabah? Jadi, untuk merapatkan lagi jurang perbezaan peluang di luar bandar dan di bandar, saya juga setuju dengan rakan-rakan yang lain menyeru kerajaan supaya menyediakan kelas tadika di semua kampung dan di semua rumah panjang. Sudahlah sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tersebut serba kekurangan seperti yang disebutkan tadi, bila murid-murid dari kawasan tersebut ke Darjah Satu, mereka ini sudah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan mereka yang di bandar. Kerajaan bolehlah menimbang melaksanakan program prasekolah rendah untuk kawasan luar bandar seperti program 'head start' yang diadakan di Amerika di kawasan setingan dengan berkesan dan apa salahnya kita adakan tadika dalam bahasa ibunda, di kawasan tertentu. Satu kajian yang dibuat di Scandinavia iaitu, Sweden dan Denmark dahulu menunjukkan mereka yang belajar melalui tadika ibunda lebih berjaya dalam persekolahan bila dibandingkan dengan rakan yang terus ke sekolah dalam bahasa bukan ibunda.

Jadi, memandangkan masa hadapan negara dalam zaman *ICT* ini bergantung sangat kepada pembangunan dan pengetahuan, saya cadangkan kerajaan harus mengambil langkah segera untuk meninggikan mutu pendidikan lebih-lebih lagi di luar bandar sebelum kita berhujah tentang komputer dan *IT*.

Perkara seterusnya yang saya ingin saya bincangkan dalam isu integrasi nasional dari skop hubungan inter-Malaysia ataupun Malaysia-Sarawak-Sabah. Penghalang yang paling besar dalam membentuk integrasi nasional kemungkinan

besar adalah hubungan pengangkutan antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Kemudahan MAS antara Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu adalah mahal dan di luar kemampuan kebanyakan rakyat Malaysia. Kemudahan-kemudahan ini juga sentiasa penuh dan membuatkan tidak mungkin dari Sarawak dan Sabah meninggalkan negeri masing-masing dalam masa yang singkat. Jadi, kebanyakan mereka yang menggunakan jalan ini adalah mereka yang terpaksa, bukan mereka yang membuat perjalanan untuk bersuka dan mengenali negara mereka. Ini bukan sahaja menghalang integrasi tetapi tidak memberi peluang untuk mengenali bangsa, budaya sesama rakyat, ia juga menghalang industri pelancongan, domestik mahupun *international* ataupun antarabangsa. Harga tambang MAS telah mahal tetapi kini mereka meminta harga tambang dinaikkan kadar 50% kerana mendakwa mengalami kerugian. Bagaimanakah syarikat penerbangan terkemuka Amerika Syarikat dapat terbang antara Miami ke New York jauh hampir sama di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dengan kurang 25% tambang MAS sekarang. Sungguhpun kos operasi mereka lebih tinggi dan mempunyai kakitangan dari kesatuan sekerja yang kuat. Diharapkan apabila MAS sudah membuat pilihan antara pelamar-pelamar kongisian, pengurusan baru akan menumpukan perhatian kepada amalan operasi

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Tuan Billy Abit Joo: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Hulu Rajang. Oleh kerana MAS sekarang dalam keadaan monopoli, adakah Yang Berhormat mahu mencadangkan supaya kerajaan memikirkan, kewujudan syarikat penerbangan kedua untuk mengendalikan *passenger* dalam negara. Terima kasih.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menyentuh soal itu sebentar lagi. Pengurusan baru saya harap akan menumpukan perhatian kepada amalan operasi yang efisien dan mengekalkan atau mengurangkan tambang yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, syarikat luar negara tidak akan membeli kepentingan dalam syarikat penerbangan lain untuk melanjutkan objektif integrasi nasional. Mereka membeli kepentingan untuk mendapatkan keuntungan. Selepas

kerajaan melepaskan *golden share* MAS, saya percaya akan mengejar keuntungan dan akan menjadi semakin kurang minat dalam bidang kewarganegaraan korporat ataupun *corporate citizenship*. Harus diingatkan kedua-dua calon terutama yang berminat membeli kepentingan minoriti di MAS adalah *Swiss Air* dan *Qantas*. Kedua-dua terkenal dengan amalan tidak sanggup bersaing mereka, *anti-competitive business practices*, tidak ada harapan satu daripada *monopolist professional* ini akan membuat sesuatu untuk membaiki hubungan udara di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Jadi, apa kita harus buat? Yang menggembirakan kita ialah pengembangan ke atas beberapa lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-8, sebab kita memerlukan hubungan udara yang terus-menerus ke bandar-bandar lain di Sabah dan Sarawak dan kita perlu membuka ruang udara kita kepada syarikat saingan Yang Berhormat ya, supaya MAS ini dapat belajar mengurangkan kos mereka akan tetapi hubungan udara sahaja bukan jawabannya. Kita memerlukan pengangkutan yang lebih murah dan flexible seperti perkhidmatan feri. Ini pernah saya sebutkan dahulu di Dewan ini.

Kita semua tahu Feri Malaysia yang asal adalah satu kegagalan akan tetapi ia adalah “baldi berkarat” berumur 30 tahun yang sangat perlahan dan sentiasa rosak. Kementerian Pelancongan akhir-akhir ini telah menganjurkan satu *survey* oleh *Star Cruise* yang menyimpulkan feri yang baru tidak akan berdaya maju. *Star Cruise* adalah satu syarikat yang dijalankan dengan sungguh baik dan menguntungkan dan juga secara kebetulan syarikat terkemuka dalam sektornya iaitu, pengangkutan marin kelas pertama. *Ferrari*, juara dalam *Formula I* baru-baru ini. Adakah kita semestinya mempelawa Michael Schumacher dengan rakan-rakan untuk menasihati kita bagaimana menguruskan perkhidmatan teksi di lapangan terbang. *Star Cruise* menyimpulkan laut akan bergelora dalam lima bulan setahun. *T dan O Ferries* di Britain belayar melalui Bay of Biscay, laut yang paling bergelora di dunia sepanjang setahun dengan tidak ada masalah tetapi mereka menggunakan kapal yang direka bentuk untuk tugas tersebut.

Menurut pakar marin Lautan Cina Selatan ialah merupakan salah satu lautan yang paling tenang di dunia dan boleh dilalui oleh kapal yang layak belayar sepanjang

tahun dalam apa juga keadaan cuaca. *Star Cruise* juga membuat kesimpulan tambang tersebut akan lebih dari tambang udara. Ini mungkin benar jika penumpang dilengkapi dengan kemudahan mewah tetapi adakah ini perlu dalam perjalanan 12 jam. Namun demikian, jika penumpang rela membayar kemewahan ia patut diberi kepada mereka.

Di Indonesia Pelny Lines mengenakan bayaran RM65 dari Jakarta ke Pontianak dalam kabin kelas pertama yang mewah, tetapi untuk kelas gerabak, third class ianya hanyalah RM20. Tambahan pula Pelny menggunakan kapal moden buatan Jerman yang berumur kurang daripada 5 tahun. Jadi, angka-angka untuk pengendalian feri juga sama-sama dicurigai. *Star* menyatakan bahawa operasi sebegini akan rugi RM50 juta setahun. Fin Jet Lines yang menjalankan dua feri 500 kerusi duduk setinggi susunan 50 kereta di antara Helsinki dan Stalin di Estonia hanya ada kos operasi RM38 juta dan ini dengan kadar gaji di Eropah. Jadi, kita perlulah menerima hakikat yang kita telah memilih penasihat yang salah dan mengkaji semula prospek perkhidmatan feri dengan menggunakan profesional dari bidang perkapalan, pelancongan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Billy Abit Joo:dan perkhidmatan awam, dan kerajaan harus memberi bantuan di peringkat awal. Integrasi nasional lebih penting dari memastikan MAS dapat keuntungan dan kita harus membuat rakyat Malaysia buat satu pilihan atau alternatif yang murah untuk mengenali negara dan bangsa mereka.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang Bakun. Yang pertama ialah Tabung Amanah Bakun. Saya ingin cadangan di sini supaya Ahli Lembaga dari Belaga ataupun dari kawasan Bakun ditambah dari dua yang ada sekarang supaya dengan demikian penduduk Belaga lebih suara dalam pentadbiran Bakun.

Kedua, saya cadangkan supaya pelajar dari Belaga juga diberi layanan yang sama dengan pelajar lain untuk menerima biasiswa daripada sumber-sumber kewangan dan biasiswa yang lain dan hanya jika mereka gagal misalnya, kurang kelayakan maka kes seperti ini bolehlah dirujuk kepada Bakun.

Yang ketiga, rakyat Bakun menuntut janji dan sumbangan yang belum ditunaikan. Semasa pelancaran Tabung Amanah Bakun di Sibul, Sarawak beberapa tahun yang lalu oleh Perdana Menteri, Perdana Menteri telah menyampaikan dua cek yang bernilai RM5 juta masing-masing dari kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat, dan satu cek bernilai RM5 juta dari Bakun Hydroelectric Corporation kepada pemimpin masyarakat dari Belaga ketika itu. Tetapi sehingga sekarang sumbangan RM5 juta dari BHC ini belum lagi tertunai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Billy Abit Joo: Jadi, saya haraplah siapa yang mengambil alih Bakun nanti akan menunaikan janji ini untuk menyakinkan rakyat di Belaga. Sekian sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

4.28 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut sama membincang Belanjawan 2001.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan dukacita yang tidak terhingga di atas peristiwa yang berlaku pada hari ini di mana beberapa orang rakyat Malaysia termasuk seorang Ahli Parlimen kita telah dipenjarakan kerana semata-mata mempertahankan sikap kita terhadap sebarang hubungan dengan negara haram Israel dan bagaimana pihak Kerajaan Malaysia dan khususnya kawan-kawan saya daripada Ahli-ahli Parlimen kerajaan ataupun Barisan Nasional yang semalam menggambarkan sikap benci dan anti kepada Israel, tiba-tiba rakyat Malaysia yang mempertahankan hubungan dengan negara haram Israel ini dipenjarakan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara tahun 2001 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 27 Oktober yang lalu melibatkan peruntukan kewangan negara lebih daripada RM91 bilion. Sesungguhnya, bagi kami rakyat negeri Terengganu merupakan detik hitam di mana rakyat negeri Terengganu yang telah membuat pilihan yang sah memilih kerajaan secara demokrasi dengan majoriti yang

cukup besar memenangi 28 daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri dan kesemua kerusi Parlimen dinafikan hak untuk pihak kerajaan PAS mentadbirkan urusan berhubung dengan duit royalti yang sepatutnya mereka terima.

Beberapa hari sebelum pembentangan Belanjawan, Menteri Kewangan menyatakan wang royalti tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun amanah, tetapi di hari Belanjawan beliau umumkan sebagai wang yang disatukan dengan jumlah yang jauh kekurangan dari apa yang sepatutnya diterima oleh rakyat Terengganu melalui kerajaan yang mereka pilih. Ini bermakna wang tersebut boleh digunakan oleh sesiapa sahaja dan oleh pihak mana sahaja. Sebab itulah saya nyatakan Belanjawan ini adalah Belanjawan untuk mengesahkan tindakan merompak dan merampas hak rakyat Terengganu dan kini tidak ada pembelanya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Terengganu ditimpa dua kali malang akibat politik UMNO Terengganu yang sempit sebelum ini. Rakyat Terengganu menderita terlalu lama semenjak pemerintahan UMNO. Bayangkan dengan hasil royalti minyak lebih daripada RM7 bilion selama 22 tahun dan peruntukan Kerajaan Persekutuan dengan jumlahnya puluhan milion, dan kita minta supaya Menteri Kewangan menjelaskan di Dewan ini nanti berapakah jumlah yang Terengganu terima sejak tahun 1978 dan Terengganu masih lagi di antara negeri yang termiskin di Malaysia, iaitu 17.3%, ertinya terdapat lebih daripada 173,000 rakyat Terengganu yang masih di bawah paras miskin.

Apa pun yang telah dibuat oleh kerajaan UMNO yang lalu, adakah mereka terus membiarkan rakyat miskin dan tidak berpelajaran, sehingga di kalangan usahawan-usahawan Terengganu pada ketika itu menyatakan bahawa "kalau mahu berjaya sebagai usahawan yang berjaya maka hendaklah berniaga di luar negeri Terengganu". Tidak ada anak Terengganu yang berjaya menjadi usahawan terkemuka hasil pemerintahan UMNO selama ini.

Baru-baru ini untuk menggambarkan betapa teruknya pemerintahan kerajaan PAS di Terengganu, pihak TV3 dan akhbar milik UMNO telah menyiarkan gambar-gambar orang-orang tua uzur, daif dan rumah-rumah miskin dengan teratak buruk dengan persekitaran yang menjijik dan mengotorkan. Belum pun sempat pihak kerajaan Terengganu menjawab isu tersebut, rancangan tersebut dihentikan. Mungkin

kerana penasihat memaklumkan PAS baru sahaja memerintah beberapa bulan di Terengganu, mana mungkin untuk menyelesaikan semua pusaka hidup peninggalan kerajaan UMNO dahulu. Hutangnya lebih RM700 juta dengan anak-anak syarikat dan pelaburan negeri yang ratusan ringgit ruginya dan projek-projek mega yang tidak produktif.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO Terengganu memang layak menerima dan menjadi penerima ihsan. Sebab itulah mereka sejak awal lagi mendesak Kerajaan Pusat menghentikan bantuan royalti ke negeri Terengganu kerana sikap tidak boleh terima kekalahan, apatah lagi mereka sentiasa merasakan merekalah yang layak, kalau tidak mereka orang lain tidak mampu untuk melaksanakan pembangunan di negeri Terengganu. Inilah sikap mereka, mereka menang pun rakyat susah, dan mereka kalah rakyat lagi susah.

Sepatutnya UMNO Terengganu belajar daripada UMNO Kedah ataupun UMNO Pahang. Walaupun UMNO Kedah di peringkat Parlimen mereka kalah, tetapi lihat berapa orang menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen daripada negeri Kedah, sehingga yang kalah pun dilantik menjadi senator untuk kemudiannya menjadi menteri. Artinya, siapa sahaja yang menang kerusi Parlimen negeri Kedah boleh kenduri sakan.

Dan lihatlah betapa banyaknya peruntukan yang akan turun di negeri Kedah dengan pelbagai kementerian terutamanya Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Tetapi berlainan dengan negeri Terengganu Darul Iman ketika di bawah UMNO, ketika mana saya pun pada ketika itu menjadi Ahli AJK UMNO bahagian. Mereka menang hampir semua kerusi Parlimen dan memenangi lebih dua pertiga kerusi DUN pada ketika itu, iaitu pada tahun 1995, tiada satu pun kerusi menteri diberikan kepada Terengganu.

Malah ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di Terengganu pernah disebut bahawa "*don't overstay your welcome*", dengan izin. Dan sekarang ini siapa yang "*don't over stay your welcome*", itu terserah kepada rakyat untuk menilainya. Oleh kerana tidak faham-faham, rakyat Terengganu terpaksa menolak UMNO ketika pilihan raya yang lalu dan kita terima kasih kepada Kerajaan Pusat

yang memberi ihsan kepada bekas Menteri Besar Terengganu untuk dilantik sebagai Duta ke Saudi sekarang.

Sepatutnya UMNO Terengganu menuntut ihsan supaya dilantik sebagai Menteri Kabinet atau Timbalan Menteri bagi membela rakyat Terengganu yang masih susah dan menjaga UMNO yang masih tinggal empat orang wakil ataupun orang Terengganu kata "ada dua liang kubur di Terengganu," iaitu satu kubur UMNO dan satu kubur Barisan Nasional. Ini tidak....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Boleh tambah masakah? Kalau boleh tambah masa, saya boleh bagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Eh, bagi sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tak boleh tambah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Baru *gentleman*.

Che Ghani bin Che Ambak: Saya boleh bagi, tetapi saya hendak tanya, kalau tak tambah masa....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini alasan sahaja. Saya hendak bantu. Sebab Yang Berhormat dahulu pun orang UMNO, berjaya kerana UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, dia bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekiranya....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia bagi Tuan Yang di-Pertua. Dia duduk itu dia bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Hendak tambah masa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia bagi. Okay, terima kasih. Saya hendak tanya, selepas PAS menang di Terengganu katakan tidak ada cukai, tol tak ada, bangunan masih ada, umpamanya. Cukai-cukai lain semua tak ada. Adakah kerana PAS bercakap soal minyak ini kerana hendak menutup segala janji

yang dibuat kepada rakyat Terengganu tak boleh hendak ditunaikan, ini telah menjadi beban kepada PAS di Terengganu dan bimbang akan kalah dalam pilihan raya yang akan datang. Itu yang saya hendak tanya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, ini saya akan jawab dalam ucapan saya nanti, insya-Allah.

Sekarang ini kita dapati bekas-bekas Yang Berhormat UMNO yang telah kalah telah bertukar menjadi tukang-tukang rumah Mereka turun ke kampung-kampung mencari rumah-rumah yang susah, menggergaji papan dan memaku sendiri rumah-rumah tersebut sebab semasa mereka berkuasa 43 tahun dahulu, mereka tidak sempat membuat kerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Petronas mencipta rekod baru kerana mendapat untung besar berdasarkan penyata kewangan 31 Mac 2000, keuntungannya mencapai lebih daripada RM21 bilion, iaitu kenaikan 83% dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Jumlah urus niaga meningkat 43% kepada RM60.5 bilion daripada tahun sebelumnya.

Kita bersyukur kepada Allah yang mengurniakan minyak dan gas di negeri-negeri miskin, Terengganu, Kelantan Sabah dan Sarawak. Dan keuntungan ini menyumbang 20% daripada pendapatan negara. Ini tidak ada kena mengena dengan UMNO tetapi keuntungan yang disebabkan oleh kenaikan harga petroleum yang dahulunya USD22 se tong dan sekarang menjadi USD34.50 se tong. Menurut Tan Sri Hassan Merican, Presiden Petronas berdasarkan perjanjian 22 Mac 1975 mengikut Akta Pembangunan Petroleum 74, Petronas akan membayar RM810 juta untuk tahun 2000 kepada negeri Terengganu.

Apabila Kerajaan Barisan Alternatif di bawah pimpinan PAS berkuasa, kita telah merancang pelbagai projek dan program jangka pendek dan panjang untuk kesenangan penduduk berdasarkan jaminan royalti minyak yang merupakan 80% daripada belanjawan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Kita sedar bahawa ramai petani, nelayan, peneroka getah, kelapa sawit, pekebun-pekebun kecil yang tidak bertanah dan tidak berumah di kampung-kampung.

Untuk itu, Kerajaan Terengganu telah memberi keuntungan langsung kepada rakyat walaupun kerajaan kekurangan hasil seperti menghapuskan tol, cukai pintu, lesen judi, mengurangkan premis arak, menghapuskan kadar faedah kepada peminjam-peminjam kerajaan, dalam masa yang sama menaikkan kadar elaun imam dan bilal, ketua-ketua kampung dan bantuan kebajikan kepada golongan miskin.

Beberapa program untuk memperbaiki taraf hidup rakyat juga dirancang seperti menyelesaikan masalah rakyat yang tidak bertanah, tidak mempunyai tapak kediaman, tanah pertanian dan seumpamanya. Dan kita bayangkan betapa zalimnya Kerajaan Pusat yang telah terpengaruh dengan pandangan dan juga dengan *suggestion* daripada pemimpin UMNO, mereka menafikan hak Kerajaan Negeri Terengganu untuk mentadbir kerajaan negeri dengan menukar kepada wang ihsan yang disalurkan melalui JPP yang dikuasai oleh UMNO dan pejabat JPP pun ditempatkan di Bangunan UMNO.

Tanpa royalti, Terengganu hanya mampu memperolehi pendapatan sekitar RM162 juta sahaja. Itu pun termasuk wang *grant* wajib Kerajaan Pusat yang belum lagi dibayar, sepatutnya telah dijelaskan pada bulan Februari ataupun Oktober yang lalu. Dengan pendapatan tersebut, Terengganu muncul sebagai negeri termiskin di Malaysia dan bagaimana untuk menyempurnakan belanjawan tahun 2000 yang mencecah RM683.7 juta yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri baru-baru ini.

Kerajaan Pusat juga telah membatalkan beberapa projek langsung yang melibatkan rakyat secara langsung seperti 13 projek rumah murah kos rendah bernilai RM30,403,000, 12 projek bekalan air rakyat – RM135 juta dan 1.9 juta projek majlis daerah yang telah diluluskan tetapi ditarik balik kerana kerajaannya bertukar. Orang-orang tua kata, kalau kita tarik balik projek yang telah kita lulus, ‘nanti buruk siku’, tetapi orang muda kata, ‘kalau kita tarik balik nanti UMNO akan reput’.

Kita bertanya kepada Pemuda-pemuda UMNO yang kononnya pantang melihat Melayu dicabar, menunjuk belang kononnya untuk membakar bangunan dalam kes Suqiu bukan, Setiu ini, Suqiu yang menjadi mangsa mainan politik BN, kini dalam kes yang jelas bahawa kerajaan pimpinan orang Melayu dan UMNO

mempertahankan memperjuangkan hak dan kedaulatan ketuanan Melayu, tetapi dinafikan bagaimana pendirian Pemuda UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, tidak berijalah. Setiap kali Perhimpunan Agung UMNO

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, ana beri sajalah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: wakil Terengganu akan bercakap soal perpecahan dengan lakonan drama video sekali. Maka terbeliaklah mata perwakilan UMNO seluruh negara

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk, dia berucap dia tidak beri laluan. Sila duduk.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: dan melihat bahawa parti lawan di Terengganu merupakan orang yang memecah belah umat. Saya ingin memberitahu bahawa di kawasan saya terdapat lebih daripada 20 buah masjid yang diadakan sembahyang suku dan berasingan sebelum ini, alhamdulillah selepas PAS berkuasa tidak sampai 11 bulan, hampir seluruh isu tersebut dapat diselesaikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Berdiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading nanti kaki sakit. Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kecuali satu, dua yang masih lagi belum dapat diselesaikan kerana terdapat pimpinan ataupun penyokong-penyokong UMNO yang tidak boleh menerima hakikat tindakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setia, sila gulung.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Akhir sahaja, saya ingin sebut sedikitlah yang akhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan pelabuhan Barat iaitu Port Klang dianggap sebagai 'anak emas' dan promosinya luar biasa. Saya ingin mendapat penjelasan menteri, siapakah 'Hakinson' Port Holding Group yang mendapat 30% *state west port, Port Klang* dan apa hubungan dengan

konsortium perkapalan yang di *bail out* oleh Petronas sehingga Perdana Menteri pada 28 Oktober sehari selepas pembentangan *Budget* telah mengadakan pertemuan berhubung dengan *billionaire* perkapalan Hong Kong iaitu Lee Kang Shin dan ‘anaknya Victor’ di Hong Kong. Ini rakyat mahu tahu kerana Perdana Menteri sentiasa menentang sebarang usaha untuk syarikat negara ini daripada dimiliki dan melutut kepada kuasa asing.

Apatah lagi Pelabuhan Klang yang dianggap cukup strategik dan kerajaan baru sahaja meluluskan RM1 bilion untuk sektor perkapalan.

Oleh kerana masa terhad, saya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Hendak beri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih banyaklah. Saya boleh tidak ada apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tawau.

4.41 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini benarkanlah saya membangkitkan beberapa perkara untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Untuk sekian lama, tahap pendidikan di negeri Sabah tidaklah dapat menonjol hingga ke peringkat yang memuaskan. Salah satu daripada faktornya ialah kita terlalu bergantung kepada tenaga pengajar daripada Semenanjung. Tidak dapat dinafikan bahawa penempatan guru-guru Semenanjung ke Sabah sedikit sebanyak menyelesaikan masalah kekurangan guru di negeri ini, tetapi ia juga membawa bersama beberapa masalah sampingan yang agak serius.

Guru-guru Semenanjung yang dihantar ke Sabah ini biasanya dikehendaki bertugas selama tiga hingga lima tahun sebelum mereka berpindah balik untuk bertugas di kampung halaman mereka. Ini bermakna mereka mahu tidak mahu menjadikan negeri Sabah sebagai tempat berlatih dan menimba pengalaman dan

kemahiran. Semasa mereka tiba, mereka baru sahaja tamat pengajian maktab atau universiti, setelah berjaya memperolehi pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi, mereka akan memohon untuk bertukar balik.

Justeru pelajar-pelajar di sekolah ini akan kehilangan guru-guru yang berpengalaman. Jika kitaran sebegini berterusan, sekolah-sekolah di negeri Sabah akan sentiasa dididik dan diajar oleh guru-guru yang kurang berpengalaman kerana yang berpengalaman akan bertukar balik ke Semenanjung sebaik sahaja cukup tempoh perkhidmatan mereka.

Bukan itu sahaja, kedatangan guru-guru dari jauh juga kadangkala membantutkan perkembangan aktiviti sekolah yang licin. Guru-guru ini terpaksa memohon cuti selama beberapa hari hingga se minggu untuk menghadiri majlis konvokesyen, majlis perkahwinan atau menziarahi ibu bapa yang sakit. Atas dasar keprihatinan sememangnya permohonan cuti ini tidak patut dipertikaikan, akan tetapi semasa ketiadaan guru-guru di dalam masa kecemasan, yang menjadi mangsa adalah pelajar-pelajar sekolah.

Ada juga guru yang ditempatkan di negeri Sabah terutamanya sekali di kawasan pedalaman enggan menerima penempatan tersebut, mereka menggunakan pelbagai cara dan jalan untuk mengelakkan diri daripada bertugas di tempat yang mereka tidak ingini. Keengganan guru mematuhi arahan penempatan ini juga turut menyumbang kepada masalah kekurangan guru di negeri ini.

Walaupun pihak Kementerian Pendidikan membenarkan pengambilan guru sandaran tidak terlatih untuk mengisi kekosongan tetapi guru sandaran tetap guru sandaran dan tidak dapat menggantikan guru terlatih yang sebenar. Mereka ini sepatutnya menjadi pengganti sementara sebelum ketibaan guru terlatih. Tetapi dalam kebanyakan sekolah terdapat guru-guru sandaran tidak terlatih yang telah mengajar lebih daripada tiga tahun. Ini jelas menafikan pelajar-pelajar sekolah untuk mendapatkan pendidikan yang lebih bermutu dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan yang sedemikian tidak hairanlah kenapa tahap pendidikan di negeri ini tidak dapat dimajukan dan dipertingkatkan ke tahap yang lebih memuaskan. Buktinya ialah tahap pendidikan di negeri ini jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Oleh yang demikian, saya menggesa kerajaan supaya dapat memberikan perhatian yang lebih terhadap perkembangan pendidikan di negeri Sabah ini. Langkah-langkah yang efektif perlu diambil untuk menghalang masalah ini daripada terus berlaku dan mencari jalan untuk meningkatkan semula tahap pendidikan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara ialah jangan menghantar guru muda Semenanjung yang baharu sahaja tamat pengajian maktab atau universiti ke negeri ini, sebaliknya menghantar mereka yang lebih berpengalaman sekurang-kurangnya yang mempunyai tiga tahun pengalaman mengajar, mereka ini bukan sahaja lebih berpengalaman, tetapi juga lebih stabil dan tidak mudah untuk memohon pertukaran disebabkan masalah perkahwinan atau rindukan kampung halaman.

Pertukaran guru juga perlu dilakukan dengan lebih berhati-hati dan mengambil kira guru yang akan dipindahkan serta guru yang akan ditempatkan sebagai pengganti. Seseorang guru tidak seharusnya dipindahkan sebelum ada penggantinya. Ini dapat dilakukan dengan membenarkan pertukaran guru ketika ada penempatan guru baru. Tempoh masa tanpa guru bagi pelajar haruslah dikurangkan ke tahap yang paling minimum untuk mengelakkan gangguan proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, elaun dan kemudahan yang lebih menarik harus disediakan kepada guru-guru yang ditempatkan ke kawasan pedalaman. Kesanggupan mereka untuk menerima cabaran bagi bertugas di tempat-tempat yang jauh daripada pembangunan harus dihargai dengan memberikan elaun hidup susah dan kemudahan tempat tinggal. Mereka ini juga haruslah diberi keutamaan untuk dipertimbangkan dalam kenaikan pangkat atau menghadiri kursus. Ini akan menjadikan lebih ramai guru sanggup ditempatkan di kawasan pedalaman, dengan ini jurang tahap pendidikan bandar dan desa akan dapat dikurangkan. Langkah untuk melatih lebih ramai guru-guru tempatan juga perlu difikirkan umpamanya, dengan mendirikan maktab perguruan tambahan di negeri ini. Jika ini dapat dilakukan, kita akan dapat mengurangkan pergantungan kepada guru-guru dari Semenanjung.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan guru sains. Dalam dunia yang serba-serbinya berkaitan dengan teknologi maklumat ini, penguasaan mata pelajaran Sains amatlah penting sekali selain daripada itu

penguasaan bahasa Inggeris juga amat penting. Tanpa penguasaan bahasa Inggeris yang baik adalah amat sukar sekali bagi anak-anak kita bersaing dalam dunia tanpa sempadan ini.

Sehubungan ini, dengan itu saya menyokong penuh langkah kerajaan untuk menubuhkan makmal komputer di sekolah, akan tetapi saya berharap guru-guru sekolah perlulah diberi kursus yang mendalam untuk mengendalikan pengajaran literasi komputer.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan negara terancam dua kali dalam tempoh enam bulan tahun ini oleh kumpulan pelampau Abu Sayyaf yang berpangkalan di Pulau Jolo selatan Filipina. Tidak lama selepas orang tahanan yang dicolek daripada Pulau Sipadan pada 23 April 2000 dibebaskan, tiga orang lagi rakyat Malaysia telah ditahan oleh kumpulan yang sama di Pulau Pandanan pada 10 Septe mber yang lalu. Kedua-dua kejadian ini jelas menunjukkan bahawa keselamatan di kawasan perairan Sabah sudah sampai ke tahap merbahaya. Kejadian ini adalah peringatan yang amat serius kepada kita bahawa tindakan yang segera dan berkesan harus diambil. Adalah diharapkan perwujudan laluan perairan bagi kapal-kapal asing yang memasuki perairan Sabah seperti yang diumumkan oleh Menteri Pertahanan baru-baru ini akan memperketatkan lagi kawalan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga diharapkan agar dengan bertambahnya kekerapan rondaan di perairan Sabah, penambahan anggota keselamatan di pantai timur Sabah akan dapat mengawal dan mengelakkan kejadian yang sama berulang. Pada masa kita memperketatkan dengan kawalan keselamatan di kawasan perairan, adakah juga penting dan tepat pada masanya untuk kita mengkaji semula kehadiran pendatang tanpa izin (PTI) yang banyak terdapat di negeri Sabah. Kita sudah menghabiskan terlalu banyak masa membahaskan perkara ini tanpa satu penyelesaian yang muktamad.

Oleh yang demikian, sudah tiba masanya kita mencari jalan yang dapat menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh. Saya juga berpeluang membangkitkan kesan buruk yang dibawa oleh pendatang tanpa izin kepada negara kita dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Sebelum ini, pendatang tanpa izin ini telah mengganggu-gugat kesejahteraan penduduk negeri Sabah, mereka mengancam

keselamatan negara, mengancam kebersihan alam sekitar kita, menyebabkan pelbagai penyakit dan gejala sosial yang buruk dalam masyarakat kita. Mereka juga mengancam terhadap kesihatan kita, malah kehadiran mereka menyebabkan rakyat tempatan terpaksa bersaing dengan mereka untuk mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Shim Paw Fatt: Ya, sedikit lagi. Pendek kata PTI ini merupakan punca kepada segala ancaman dan halangan kepada segala bentuk keselamatan, keamanan, kebajikan dan kesejahteraan kita. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kejadian pencolekkan ini di kepulauan pelancong di negeri Sabah berkait rapat dengan konco-konco pelampau Abu Sayyaf yang berada di negeri Sabah.

Baru-baru ini seorang Pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang menjalankan tugas rasminya telah diserang oleh penjaja yang terdiri daripada PTI. Kejadian ini bukanlah perkara baru di negeri Sabah. Beberapa tahun yang lalu seorang Pegawai Penguatkuasa Majlis Perbandaran Tawau juga telah ditikam hingga mati oleh PTI. Nampaknya negara kita merupakan satu-satunya negara yang mempunyai pendatang haram yang berani mencabar pihak berkuasa. Ia juga menyebabkan kita ragu-ragu sama ada kita berada di dalam pemerintahan Indonesia ataupun Filipina. Dengan kehadiran begitu ramai PTI yang tidak langsung menghormati undang-undang negeri kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shim Paw Fatt: Sedikit lagi, *enough is enough*, dengan izin kita tidak boleh berdiam diri begitu sahaja

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang betul, cukup, memang cukup. *[Ketawa]*

Tuan Shim Paw Fatt: Sedikit lagi. Melainkan kita dapat mengambil tindakan drastik dan menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini sampai ke akar umbinya, satu hari kita pasti akan menjadi orang asing di negara sendiri dengan pertambahan PTI ini. Jika sekumpulan kecil pelampau dapat menculik rakyat kita

serta pelancong asing yang menjadi tetamu kita seperti yang berlaku di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan, serta membabitkan hampir seluruh dunia terpaksa tunduk kepada permintaan dan ancaman mereka, bayangkan apakah yang akan berlaku jika taktik yang sama digunakan oleh kumpulan pelampau yang berlandung di sebalik PTI di negara kita ini. Mereka telah secara berulang kali mencabar keselamatan dan kesabaran kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Shim Paw Fatt: Ya, sudah habis. Saya rasa kita telah bersabar terlampau lama, sesuatu harus dilakukan dengan segera. Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Julau.

4.59 ptg.

Tuan Joseph Salang Anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu belanjawan yang berpandangan jauh, bukan sahaja untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi, tetapi turut sama prihatin kepada kepentingan rakyat miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Belanjawan 2001 memenuhi kehendak semua orang dan semua golongan. Walaupun ada yang mengharapkan lebih daripada yang diperuntukkan tetapi sekurang-kurangnya ia tidaklah sampai mengecewakan. Oleh itu, bolehlah saya menyifatkan Belanjawan 2001 sebagai belanjawan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah membentangkan belanjawan yang akan mengurangkan jurang perbezaan di antara negeri-negeri di pantai barat Semenanjung yang lebih membangun dan maju berbanding dengan negeri-negeri pantai timur termasuk Sabah dan Sarawak, di mana kurang pembangunan dan agak terkebelakangan dari segi pembangunan. Belanjawan yang dibentangkan itu sedikit sebanyak boleh merapatkan jurang berkenaan dalam rancangan kita untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar adalah satu agenda yang tidak pernah dilupakan Kerajaan Barisan Nasional. Usaha untuk memajukan masyarakat luar bandar adalah usaha yang berterusan. Sesungguhnya rakyat luar bandar sangat memerlukan bantuan berterusan dari kerajaan. Masih banyak kekurangan yang dialami penduduk luar bandar jika dibandingkan dengan penduduk bandar. Apatah lagi di era globalisasi kekurangan itu sangatlah jelas dan mencabar kehidupan mereka.

Dalam perkara ini yang paling penting dan perlu diutamakan ialah kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, kemudahan kesihatan dan sebagainya. Justeru itu, kerajaan penting mempercepatkan "the roll out of the state's power grid", dengan izin, di Sarawak dan pembinaan loji rawatan air mini di pedalaman. Tanpa kemudahan asas itu semua kehidupan rakyat luar bandar terus akan ketinggalan dan ini akhirnya memberi natijah kepada usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju tidak mudah dicapai pada tahun 2020 kelak. Perlu disedari sekiranya masalah ini wujud, ia boleh menyebabkan pembangunan sosial rakyat negara ini akan terus tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan jalan raya dan sungai-sungai di Sarawak. Pada kesempatan ini saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini menjenguk sekejap ke kawasan yang diwakili oleh saya iaitu Julau di Sarawak. Mungkin untuk Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sampai ke sana agak mustahil tetapi biarlah saya membawa Ahli-ahli Yang Berhormat menerusi imaginasi sahaja.

Apa yang hendak saya kemukakan di sini mengenai kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk di dalam kawasan saya terutamanya mengenai jalan raya yang menghubungkan mereka ke tempat luar. Tahap jalan raya dan sungai yang menjadi alat penghubung utama rakyat di situ masih berada dalam keadaan daif.

Jalan masih lagi berbatu-batu, berlubang, berdebu, becak dan tidak berturap. Jalan di sana khususnya di kawasan Julau adalah kebanyakannya jalan-jalan laluan balak, yang hanya layak dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda, lori balak dan bulldozer sahaja. Disebabkan tidak ada pilihan lain maka jalan itulah yang dijadikan lebuhraya oleh penduduk. Justeru itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang telah menyatakan bahawa tiga jalan utama di kawasan Julau akan diturap dan dinaik tahap dalam beberapa tahun akan datang.

Begitu juga sungai-sungai yang merupakan salah satu alat penghubung penting di Sarawak. Adalah sukar untuk kerajaan membina jalan raya bagi menggantikan sungai sebagai alat penghubung memandangkan keadaan muka bumi yang berbukit-bukau, bergunung-ganang dan banyak tanah yang rendah dan berpayau. Oleh yang demikian, kerajaan boleh menjimatkan kos dengan terus menjadikan sungai sebagai penghubung utama. Untuk tujuan itu, alam sekitar dan sungai perlu dirawat dan dijaga. Keadaan sungai-sungai itu hari ini begitu menyedihkan dan menyebabkan penggunaanya banyak kesusahan. Banyak batang-batang kayu yang jatuh dan menghalang laluan bot dan perahu. Begitu juga dengan batu-batu jeram yang besar dan tajam yang sangat merbahaya kepada perahu-perahu dan bot. Saya harap kerajaan akan mengambil usaha untuk membersihkan sungai di mana kayu-kayan yang buruk dibuang dan batu jeram dipecahkan. Usaha ini boleh dilakukan secara bergotong-royong dengan masyarakat setempat dan diharapkan kerajaan dapat menyediakan peruntukan untuk tujuan ini melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh tanya Yang Berhormat?

Tuan Jawah anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Joseph Salang anak Gandum: Boleh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh ya. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat. Mana satu? Batang Lupar ataupun ...

Tuan Jawah Anak Gerang: Lubok Antu.

Tuan Joseph Salang anak Gandum: Batang Luparlah. Yang Berhormat bagi Batang Luparlah, saya dengar tadi minta. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bercakap dalam bahasa suku kaum Sarawak] [Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat kerana berhubung dengan pembersihan sungai dan sebagainya. sebenarnya kerajaan ada mempunyai peruntukan untuk membersihkan

sungai dan peruntukan ini kalau kita lihat pada tahun 1998, peruntukan untuk membersihkan sungai di Sarawak adalah RM1 juta. Dan pada tahun 2000, diturunkan kepada RM800,000. Jadi nampaknya masih banyak sungai-sungai yang terpaksa dibersihkan di Sarawak. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya peruntukan untuk membersihkan sungai ini diletakkan lagi, ditambahkan lagi dan diserahkan kepada masyarakat setempat supaya sungai boleh dibersihkan. Terima kasih.

Tuan Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Sebenarnya saya percaya peruntukan itu sangat kecil dan saya minta peruntukan itu ditambahkan lagi dan sebelum kebanyakan sungai dibersihkan, kita semestinya menyediakan peruntukan yang cukup. Dan saya juga tidak percaya Kementerian Pertanian adalah sesuai untuk pembersihan sungai yang digunakan oleh penduduk untuk tujuan perhubungan. Peruntukan untuk pembersihan sungai yang disediakan kepada Kementerian Pertanian saya ingat sepatutnya untuk tujuan pertanian sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan sekolah dan pendidikan. Tetapi oleh kerana masa yang tidak cukup, saya mengambil *point* yang tertentu sahaja iaitu berkenaan dengan guru.

Banyak yang sudah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa kebanyakan guru tidak terlatih ataupun tidak cukup pengalamannya dan yang saya sentuh di sini ialah ada juga guru-guru yang enggan dan tidak hendak berkhidmat di luar bandar lebih-lebih lagi di kawasan hulu sungai oleh kerana kemudahan yang tidak cukup dan sekolah di mana mereka patut berkhidmat jauh dari bandar dan tidak ada surau ataupun tidak ada tempat kemudahan yang lain.

Jadi oleh yang demikian, mereka enggan sampai ada sesetengah guru sanggup meletakkan jawatan, sanggup berhenti kerja sekiranya mereka dihantar ke kawasan hulu sungai. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan dapat mencari jalan untuk memupuk semangat mereka untuk berani berkhidmat di kawasan hulu sungai macam tentera kita yang berani dan sanggup berkhidmat di hutan rimba, di lautan dan di udara. Jadi mengapa pula guru-guru kita tidak sanggup bertugas di kawasan hulu sungai?

Begitu juga saya hendak menyentuh sedikit soal pendidikan berkenaan dengan *syllabus*. Saya ingin bertanya mengapa ada perbezaannya dalam *syllabus* pelajaran moral. Masa murid yang bukan Islam diajar subjek moral, murid yang beragama Islam mempelajari atau diajar agama Islam. Jadi saya ingin mencadangkan di sini supaya moral itu dipelajari bersama oleh semua anak-anak kita dan anak-anak atau murid-murid yang bukan beragama Islam patutlah diajar dan dibimbing dengan agama, dengan asas-asas agama mereka sendiri oleh kerana penduduk yang beragama, menjadikan penduduk yang takut dan patuh kepada Tuhan dan dianggapkan dan dipercayai mereka yang tinggi pengetahuan agamanya adalah bermoral dan tidak akan berbuat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Joseph Salang anak Gandum: Ya. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2001 adalah belanjawan berpandangan jauh dengan realitinya. Peruntukan yang disalurkan kepada rakyat hendaklah dipastikan ianya sampai kepada rakyat dengan kadar semaksimumnya. Jumlah peruntukan kepada kawasan luar bandar juga perlu dipertingkatkan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, saya sangat berbangga dan kagum kepada cadangan untuk menghabiskan ataupun mengikiskan tabiat yang kurang memerlukan kepentingan orang yang disasarkan. Dan oleh itu peruntukan yang berbilion ringgit tidak sampai ke sasarannya. Jadi tindakan untuk mengurangkan birokrasi yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2001 patutlah dibanggakan oleh kita semua. Oleh yang demikian, saya harap birokrasi tidak akan jadi penghalang kita menuju pembangunan negara di tahun-tahun yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Joseph Salang anak Gandum: Okay. Oleh kerana saya tidak hendak mencuri masa kawan-kawan yang lain, dengan ini sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Yan.

5.15 ptg.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmaullahi taala wabarakatuh dan Salam Sejahtera. *[Salam dijawab]*

Sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiu tadi, saya di sini mengambil kesempatan untuk mewakili Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Alternatif ingin merakamkan ucapan tahniah dan sokongan padu kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang sekarang ini baru sahaja selesai check-in di Penjara Kajang. *[Disampuk]* Beliau telah dijatuhkan hukuman penjara satu bulan. Hukuman yang dijatuhkan ke atas beliau ialah penjara satu bulan ataupun denda RM1,500. Kita memilih untuk dipenjarakan selama satu bulan kerana RM1,500 itu akan digunakan untuk pembangunan rakyat di Pokok Sena.

Kenapa beliau dipenjarakan? Beliau dipenjarakan kerana dituduh terlibat dalam perhimpunan menentang kedatangan pasukan kriket Israel beberapa tahun lepas. Dan inilah dia, Tuan Yang di-Pertua, pendirian kami dalam hal yang berkaitan dengan Yahudi dan Israel. Sepertimana yang telah disebut di dalam Al-Quran, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud, “Kamu akan dapati orang yang paling keras....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: ...kebenciannya kepada orang-orang yang beriman adalah Yahudi”. Al-Quran telah menyebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat berikan laluan?

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Bagi saya habis sekejap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Point of order. Ha, sudah bagi jalan. Terima kasih Yang Berhormat kerana bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Yan tadi apa kena-mengena dengan belanjawan kita. Sebab itu cerita. *[Disampuk]* Cerita macam itu kita boleh dengar daripada warta berita pada malam ini jam 8.00. Jadi, tidak perlulah buat pengumuman itu dan apa kena-mengena dengan Israel dan sebagainya yang hendak

dibangkitkan di sini sebab Tuan Yang di-Pertua, haraplah Yang Berhormat bagi Yan, kita terus bincangkan....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat minta penjelasankah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yes.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Sebut point of order tetapi tidak sebut point of order yang beberapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, Yang Berhormat teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak perlulah, tadi.....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang telah disebutkan tadi pendirian kami sepertimana yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dalam hal yang berkaitan dengan Yahudi, kami akan tentang habis-habisan. Kalau hendak dipenjara, penjarakanlah kami. Kalau hendak dipukul, pukullah kami. Tetapi dalam hal yang berkaitan dengan Yahudi dan Israel, kami tidak akan berganjak walaupun seinci. *[Tepuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua bangun hendak minta penjelasan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Kita tidak sempat, Tuan Yang di-Pertua. Waktu yang diperuntukkan kepada saya selama 15 minit dan kita hanya tinggal beberapa minit sahaja lagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau kita layan, habis.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab dan membuat ulasan dan pembedaan terhadap jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak berkawasan yang telah menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Peringat pada 6 November 2000, ketika menghuraikan ayat [*Membaca ayat Al-Quran*] dengan membuat kesimpulan bahawa dalam konteks Malaysia, ianya telah tercapai sebagai satu usaha fardu kifayah.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan Ahli Dewan sekalian, bahawa perkataan *allazi* di dalam ayat itu bukan merujuk kepada Kerajaan Malaysia. [*Disampuk*] Perkataan *allazi* yang digunakan dalam Al-Quran itu merujuk kepada Allah s.w.t, tidak boleh disamakan Allah dengan Kerajaan Malaysia. Inilah dia sebab mungkin yang lahir daripada usaha-usaha yang telah dicadangkan oleh pimpinan tertinggi dalam negara ini supaya Al-Quran ditafsir semula.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mendakwa ekonomi negara sudah pulih. Tetapi menurut sebuah kajian, Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai ruang pejabat, pusat membeli-belah dan hotel yang tertinggi tidak mempunyai penyewa, kalau dibandingkan dengan kota negara-negara Asia yang lain. KLIA telah dibina dengan harga USD2.6 bilion sedang menghadapi masalah yang sama. Beberapa minggu lepas, British Airways telah memaklumkan untuk menggantung perkhidmatan pergi baliknya dari KLIA.

Tindakan ini sebenarnya adalah susulan daripada tindakan yang telah diambil oleh Syarikat Qantas (Australia), Ansett Airline dan Lufthansa (Jerman) sepanjang dua tahun lepas. Syarikat-syarikat lain seperti United American, Swiss Air, Air France dan SAS, semuanya telah mengelak daripada meneruskan perkhidmatannya melalui KLIA. Kenapa ini berlaku? Lapangan Terbang Singapura, Lapangan Terbang Hong Kong dan Lapangan Terbang Bangkok sudah menjadi semakin popular, jauh lebih popular daripada KLIA – USD2.6 bilion telah dibelanjakan. Persoalannya, kenapa ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, Asian Free Trade Area (AFTA)

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa:akan berkuat kuasa pada tahun 2003 dan sektor pertanian di Malaysia akan berhadapan dengan saingan yang sengit daripada negara-negara jiran. Pesawah padi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluan?

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tidak sempat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sempat, Yang Berhormat Parit Sulong

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Pesawah padi adalah kumpulan petani yang akan menghadapi masalah besar apabila perjanjian AFTA dikuatkuasakan di mana kos pengeluaran bagi beras di negara-negara jiran adalah jauh lebih rendah berbanding kos di kawasan jelapang padi di Malaysia. Sekiranya unsur subsidi untuk input pertanian dan harga tidak dibiayai oleh kerajaan kerana bercanggah dengan peraturan-peraturan AFTA, maka industri beras negara tidak akan berupaya bersaing di pasaran terbuka dan petani-petani padi akan mungkin meninggalkan sektor ini. Sekaligus menyebabkan ratusan ribu keluarga petani padi akan terjejas di seluruh negara.

Sektor penanaman padi di negara kita diberi tumpuan di kawasan-kawasan jelapang padi dan mendapat pembiayaan besar di dalam menyediakan prasarana iaitu tali air, penubuhan agensi-agensi pelaksana di bawah Kerajaan Pusat dan pembiayaan belanja mengurus yang disalurkan melalui Kementerian Pertanian bagi kegiatan pengembangan. Dengan sokongan yang disediakan, rata-rata petani padi masih tidak berupaya meningkatkan pendapatan yang lebih tinggi kerana asas pasaran ditentukan oleh kerajaan dan sektor ini dibelenggu dengan kadar kemiskinan yang tinggi.

Saya mengambil contoh di dalam kawasan Parlimen Yan, sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Dulang di mana penduduknya 90% terlibat dengan penanaman padi, mempunyai pendapatan bulanan di bawah paras RM450 sebulan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia melindungi kepentingan petani-petani padi supaya golongan ini mendapat pembelaan

dan boleh meneruskan kehidupan bergantung di dalam sektor penanaman padi dengan kaedah-kaedah berikut:

Pertama, saya ingin mencadangkan supaya harga input-input pertanian berada pada paras yang rendah.

Kedua, Kerajaan Malaysia melindungi petani-petani padi dan aktiviti pengeluaran beras negara dengan mewujudkan pengecualian di dalam perjanjian AFTA dengan negara-negara ASEAN sepertimana yang telah dilakukan dalam industri kereta.

Ketiga, mewujudkan satu akta baru yang boleh dinamakan sebagai Akta Melindungi Penanam-penanam Padi, selaras dengan dasar *security crop*, dengan izin. Langkah untuk mengadakan akta ini adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan negara kerana beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia dan sebarang perubahan dasar ekonomi atau politik negara-negara pengeluar ataupun bencana alam akan menyebabkan bekalan beras akan terganggu dan mencetuskan ketidakstabilan di dalam negara.

Keempat, sebarang kawalan harga hendaklah berdasarkan kepada kepentingan petani-petani padi dan harga perlu disemak sekurang-kurangnya dua tahun sekali dan langkah ini akan membolehkan kegiatan ini berdaya maju dan petani-petani tidak dipinggirkan atau ditindas oleh sistem pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia sudah dikenali seantero dunia sebagai negara yang mempelopori IT yang telah membelanjakan berbilion ringgit untuk mewujudkan Multimedia Super Corridor. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil kesempatan untuk mencanangkan kesediaan Malaysia untuk membangun sektor ini seiring dengan kemajuan yang dicapai di Silicon Valley. Kementerian Pendidikan juga mengambil daya usaha untuk memperkenalkan sekolah bestari dan memperuntukkan berjuta-juta ringgit bagi menjayakan wawasan ini. Adakah Menteri Pendidikan sedar bahawa dengan membelanjakan peruntukan yang besar di dalam wawasan ini, akan menjejaskan kemudahan asas di sekolah-sekolah lain yang mendapat bantuan penuh kerajaan.

Sekolah-sekolah yang terdapat di luar bandar masih sebahagian besarnya tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih dan lebih

teruk lagi terdapat bangunan-bangunan lama yang masih digunakan dalam keadaan uzur yang boleh mendatangkan bahaya kepada pelajar-pelajar dan juga kepada guru-guru yang mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memberikan peruntukan yang lebih kepada seluruh sekolah-sekolah rendah dan menengah bantuan penuh kerajaan terutama di luar bandar untuk program IT termasuk penyediaan tenaga pengajar. Di samping itu peruntukan prasarana seperti bekalan elektrik, air bersih dan bangunan yang selamat disediakan. Ini adalah bersesuaian atau selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak kelapa sawit Malaysia berada pada paras yang rendah iaitu mencapai tahap yang terendah pada bulan Oktober yang lalu iaitu RM750 setan metrik dan harga ini adalah terendah berbanding dengan tahun 1986 iaitu di sekitar RM580 setan metrik iaitu pada tukaran wang US\$1 bersamaan dengan RM250 berbanding dengan kadar sekarang RM3.8. Dan ini menunjukkan harga yang terendah pada tahun ini adalah lebih rendah berbanding dengan tahun 1986 sekiranya kadar tukaran wang adalah sama.

Banyak faktor yang menyebabkan penurunan harga minyak sawit negara. Antaranya adalah kurangnya permintaan dari negara-negara pengimport tradisi iaitu India, China dan Pakistan. Pengeluaran minyak sawit Indonesia yang banyak diikuti dengan dasar yang lebih liberal di dalam dasar percukaian Kerajaan Indonesia menyebabkan minyak sawit Malaysia kurang kompetitif di dalam pasaran terbuka. Lebih-lebih lagi nilai rupiah semakin susut berbanding dengan Dollar Amerika.

Selain dua faktor besar di atas, stok minyak di dalam negara mencapai tahap tertinggi iaitu RM1.3 juta metrik tan untuk bulan Oktober dan November 2000. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat tempatan yang terdiri daripada pengeluar minyak sawit, mengeksport minyak sawit mentah ke negara-negara pengguna dan langkah ini akan menyebabkan harga pasaran tempatan akan melonjak naik dan memberi faedah kepada industri penanaman kelapa sawit.

Kementerian Perusahaan Utama juga diminta menembusi pasaran baru dan memperkenalkan minyak sawit sebagai ganti kepada minyak soya dan minyak bijiran yang lain. Kerajaan Malaysia di minta supaya melaksanakan dasar mengenai kawalan harga apabila harga minyak sawit mentah turun ke paras RM750 ke bawah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Projek-projek penanaman kelapa sawit yang diusahakan FELDA, FELCRA dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan atau negeri di mana *beneficiaries*, dengan izin, terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar dimansuhkan bayaran kos pembangunan kepada Kerajaan Persekutuan untuk tahun berkenaan sekiranya projek-projek ini dibiayai melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang terawal yang mengikut langkah penswastaaan yang dibuat oleh kerajaan British pada awal tahun 1980-an. Pelbagai agensi kerajaan telah diswastakan dan banyak lagi agensi yang telah dikenal pasti untuk diswastakan. Matlamat asas dasar penswastaaan adalah untuk melepaskan tanggungjawab kerajaan untuk membiayai badan-badan tersebut.

Penswastaaan sepatutnya melahirkan satu syarikat lebih berdaya maju, berdaya saing dan efektif. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku ke atas agensi-agensi yang telah diswastakan gagal mencapai matlamat yang sepatutnya. Syarikat-syarikat seperti KTM, Elite Highways dan Indah Water Consortium semuanya terus menerus menanggung kerugian dan kerugian itu pula telah dibebankan ke atas rakyat untuk membayar kos yang begitu tinggi kerana kesilapan dan kerakusan yang dilakukan oleh kerajaan.

Maka akhirnya, saya ingin mencadangkan supaya program penswastaaan ini dikaji semula supaya rakyat tidak terus menerus menjadi mangsa kepada kerakusan sistem yang ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang diPertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S.,
S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A.,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,
S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’
Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S.,
S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala
Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,
D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar
Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota
Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ,
Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S.,
B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B .S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

DR.9.11.2000

155

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 63

Khamis

9 November 2000

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI PERTUA

- Mesyuarat Terus Bersidang pada 16, 20 dan 21 November 2000 (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan
Usul Anggaran Pembangunan 2001 (Halaman 24)